

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 14

Selasa

12 Julai 2011

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa
(Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011

(Halaman 29)

Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah
(Pindaan) 2010

(Halaman 49)

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011

(Halaman 61)

Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011

(Halaman 80)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 28)

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 15(3)

(Halaman 141)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Mitigasi Jurang Yang Berpotensi Akan Melebar

- *YB Datuk Akbar bin Ali*

(Halaman 141)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Selasa, 12 Julai 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Armani binti Haji Mahiruddin
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, pendirian kementerian berkaitan isu *Obedient Wives Club* yang menjadi topik hangat di kalangan masyarakat baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]: *Walaikumsalam.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi jawapan sekali gus kepada pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam pada 4 Julai 2011, Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok dan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid pada 5 Julai 2011, Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat berhubung perkara yang sama iaitu tentang isu Kelab Taat Suami, Kelab Isteri Taat.

Seperti mana kita sedia maklum Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, yang mana rakyat bebas menyuarakan pendapat dan mengamalkan cara hidup tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa sama ada undang-undang sivil mahupun undang-undang syariah.

Isu Kelab Isteri Taat atau dengan izin, *Obedient Wives Club* ini telah menarik perhatian ramai khususnya kerana laporan yang disiarkan. Kelab ini dikatakan memperjuangkan konsep pengabdian seorang isteri di dalam Islam sehingga merantai dan menyamakan seorang isteri dengan pelacur kelas pertama. Jika inilah pendirian kelab tersebut maka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak setuju sama sekali.

Ahli-ahli kelab ini mahupun fahamannya tidak mewakili atau mencerminkan pendirian masyarakat Islam sama ada suami-suami mahupun isteri-isteri yang beragama Islam di Malaysia. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperjuangkan agenda untuk pembangunan wanita di Malaysia termasuklah wanita Islam mengikut syariatnya.

Kementerian juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengelirukan pemikiran rakyat berhubung maruah dan hak wanita di negara ini. Sesungguhnya agama Islam adalah agama yang syumul, progresif dan dinamik. Di dalam Islam seperti mana yang kita tahu wanita amat dihormati dan dimuliakan.

Riwayat perkahwinan yang suci di antara Rasulullah SAW dan Saidatina Khadijah Radiallahu Anha boleh dijadikan contoh di mana Saidatina Khadijah seorang wanita yang unggul berperanan sebagai isteri yang solehah, usahawan yang berjaya, rakan kongsi saksama kepada Rasulullah SAW, seorang suami yang bertanggungjawab dan menghormati isteri beliau dalam semua aspek kehidupan rumah tangga, rohani dan jasmani.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu diutamakan oleh wanita masa kini ialah untuk meningkatkan keupayaan diri mereka dalam semua aspek termasuklah pengupayaan ekonomi. Sedang wanita di negara-negara lain membincang dan merancang usaha pemerkasaan wanita, langkah penubuhan kelab ini adalah merupakan langkah terkebelakang dalam konteks agenda pembangunan wanita di Malaysia.

Langkah ini juga tidak selari dengan agenda kerajaan yang ingin melihat golongan wanita sebagai individu yang berupaya dengan izin, *empowered individual*, memainkan peranan dan menyumbang tenaga serta fikiran bagi memacu negara mencapai hasrat menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mempromosi hubungan yang sihat dalam sebuah perkahwinan. Anggota masyarakat khususnya golongan lelaki digalakkan supaya mengiktiraf kedudukan dan peranan penting yang dijalankan oleh wanita dalam spektrum sosial, ekonomi, budaya, agama, politik serta dalam kehidupan seharian.

Maka dengan itu program-program yang dilaksanakan oleh kementerian memberikan fokus kepada pengukuhan hubungan antara suami dan isteri dengan menggalakkan perkongsian tanggungjawab keluarga, kemahiran berkomunikasi dan meningkatkan rasa hormat terhadap ahli keluarga. Akhir sekali ingin saya tegaskan bahawa kebahagiaan sesebuah institusi keluarga bukanlah terletak di bawah tanggungjawab wanita atau isteri semata-mata. Sebaliknya kesejahteraan keluarga juga perlu dipikul oleh golongan lelaki sebagai suami.

Dalam hal ini program-program pembangunan wanita yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memberi penekanan kepada hak dan kesaksamaan wanita dan lelaki serta tanggungjawab bersama antara suami isteri dalam memastikan kestabilan perkahwinan dan kelestarian institusi keluarga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Pertanyaan tambahan Datin Paduka Datuk Nor Hayati Tan Sri Dato' Seri Onn.

■1010

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah sudi datang menjawab sendiri persoalan yang begitu panas pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, istilah taat ini senang dan boleh disalahertikan sehinggakan isteri kadang-kadang dipaksa patuh kepada suami demi kepentingan peribadi termasuk keinginan suami untuk berkahwin ramai ataupun poligami mahupun politik suami sendiri sehinggakan sudah terang-terang pun jika suami melakukan kesilapan, isteri terpaksa melindunginya juga. Itulah taatnya seorang isteri kepada seorang suami kadang-kadang telah salah digunakan.

Saya ingin tahu bagi membetulkan tanggapan yang salah ini apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kempen atau penerangan dengan kerjasama JAKIM bagi menerangkan status sebenar seorang isteri di sisi suami kerana dikhuatiri kelab ini bakal memesongkan fahaman generasi muda yang bakal berkahwin mengenai kepentingan dan peranan seorang isteri itu sendiri di samping suami dan menangkis penggunaan istilah 'pelacur kelas pertama' dan amalan poligami yang tidak adil dan akhirnya isteri serta anak-anak akan menjadi mangsa. Saya juga ingin tahu apakah pandangan Kementerian dengan idea penubuhan *Obedient Husband Club* ataupun Kelab Taat Suami kerana dalam konteks suami isteri, *it takes two to tango*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat kata tadi penubuhan Kelab Taat Kepada Isteri atau Taat Kepada Suami tadi? Penubuhan Kelab Suami Taat Kepada Isteri, sebab saya pun pihak Kementerian kita dapat banyak syor-syor supaya ditubuhkan Kelab Suami Taat Kepada Isteri... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya hendak maklumkan bahawa secara umumnya di Malaysia ini, suami dan isteri sama ada yang beragama Islam mahupun agama lain, mereka memahami tugas dan tanggungjawab, tuntutan terhadap mereka. Secara keseluruhannya. Secara umumnya, kita daripada Kementerian kita nampak bahawa isi-isi keluarga kukuh berlandaskan kepada undang-undang mahupun syariah yang ada pada hari ini.

Cuma seperti mana dalam komuniti dalam seluruh dunia, mana-mana negara, agama lain pun ada mereka yang memegang atau mempelopori atau memperjuangkan beberapa isu atau cara pengamalan yang boleh dianggap sebagai luar biasa seperti mana apa yang kita lihat yang diperjuangkan kalau daripada apa yang saya baca itu oleh kelab tersebut. Saya hendak kata sekali lagi, ia tidak mencerminkan sikap, mahu tanggapan, mahupun amalan semua suami yang ada di Malaysia.

Daripada maklum balas yang Kementerian dapat, ramai suami dan kaum lelaki di Malaysia, mereka juga rasa tercabar dan marah dengan konsep yang diperjuangkan oleh Kelab Taat Suami ini. Malah hasil daripada isu ini, ramai daripada suami, mereka rasa bahawa mereka sekarang ini ada lebih kesedaran bahawa untuk lebih menghormati, menyayangi dan menentukan bahawa peranan dan tanggungjawab isteri itu adalah adil dan saksama seperti mana yang dituntut di dalam Islam dan agama yang lain. Jadi pada saya, saya rasa kita tidak harus bimbang kerana di Malaysia secara umumnya semua orang tahu hak masing-masing.

Cuma apabila kami di kementerian, lihat daripada reaksi daripada apa perjuangan kelab ini, kami mendapati bahawa masih ada peratusan yang kecil di antara kita terutama wanita Islam yang masih terjebak di dalam satu budaya yang lama. Mereka tidak memahami atau tidak diberi peluang sama ada pendidikan atau pendedahan dalam hak-hak mereka sebagai wanita dan sebagai isteri. Mereka masih terjebak di dalam satu pemikiran yang kepada kami, tidak dinamik dan tidak menghayati semangat di dalam Islam dan mungkin ini bercampur aduk dengan budaya-budaya yang lama dan mungkin juga songsang di mana mereka tidak ada keyakinan diri dan merasakan bahawa mereka tidak berhak.

Maka, dengan itu kementerian akan mempertingkatkan lagi program-program bersama-sama dan ini bukan hanya dengan JAKIM. Di sinilah JAKIM mesti menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi meningkatkan lagi program-program untuk memberi kesedaran bukan hanya kepada wanita tetapi juga kepada kaum bapa. Kerana saya tidak mahu kerana nila setitik, rosak susu sebelanga, walhal begitu ramai suami yang beragama Islam ini bertanggungjawab dan menghormati dan meletakkan isteri mereka di satu tahap yang mulia. Kes seperti mana Yang Berhormat kata tadi, di mana suami yang mungkin tidak mempunyai keyakinan diri dan tidak memahami betul-betul syariah Islam, mereka ini perlu mungkin diberi pendidikan dan juga pendedahan kepada syariah yang betul-betullah. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Bagi kaum lelaki ya, nanti dia marah pula bagi wanita sahaja... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi pandangan berhubung dengan Kelab Taat Suami dan Kelab Taat Isteri. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, ini adalah *react* kepada suasana masyarakat yang sedang menghadapi globalisasi di dalam kehidupan mereka. Kita juga boleh memahami daripada suasana ini iaitu masyarakat begitu ingin untuk kembali menghayati Islam sebagaimana agama yang diturunkan. Oleh kerana mereka tidak mempunyai maklumat-maklumat yang cukup di dalam kehendak dan kembali tadi, maka timbullah berbagai-bagai pandangan, berbagai-bagai ulasan.

Dalam hubungan ini saya melihat pihak kerajaan umumnya dan kementerian khususnya, perlu membuat modul. Modul supaya memperkenalkan masyarakat dengan Islam sebab bagi orang Islam, tidak perlu berbagai-bagai istilah yang ada, taat isteri, taat suami sedangkan ini merupakan satu tanggungjawab yang telah diatur susun oleh syariat yang lengkap dan sempurna. Tadi Yang Berhormat Menteri kita menyebut Islam kita sempurna. Jadi kalau Islam itu sudah sempurna, tidak perlu berbagai-bagai istilah yang dilakukan. Di dalam syariat Islam ada tugas suami, ada tugas isteri, ada tanggungjawab suami, ada tanggungjawab isteri. Kalau setiap orang itu memahami tugas dan tanggungjawab itu, saya rasa selesai masalah.

Jadi, oleh kerana itu pihak kementerian perlu kawal hal-hal seperti itu, saya sokong, kawal dan juga jangan memberi ruang yang boleh merosakkan imej Islam dan kerana itu saya mengharapkan supaya Islam itu disebut dan diuar-uarkan dengan cara yang betul. Berbagai pihak kita boleh minta kerjasama selain daripada JAKIM dan semua jabatan-jabatan Islam di seluruh negara. Bukan jabatan Islam sahaja tetapi semua orang Islam bertanggungjawab sebenarnya. Walaupun mereka tidak duduk di situ...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bahawa pada pagi ini di antara Yang Berhormat dan saya ada sefahaman yang begitu baik sekali... [*Dewan riuh*] Kalaulah semua lelaki yang dinamakan suami seperti Yang Berhormat itu, alangkah bahagia semua isteri yang ada di Malaysia ini... [*Ketawa*] Di mana daripada apa yang saya dengar Yang Berhormat kata tadi itu, Yang Berhormat memang bersetuju bahawa wanita yang dinamakan isteri itu patut diletakkan di satu tempat yang mulia. Kami di pihak kerajaan pun bersetujulah dengan Yang Berhormat. Cuma saya hendak katakan bahawa daripada apa yang berlaku dalam isu ini. Sebenarnya di Malaysia ini masih ada golongan wanita dan juga kaum bapa di mana ada kekeliruan tentang tuntutan di bawah syariah Islam dan juga budaya yang diamalkan.

■1020

Ada kekeliruan dan pertembungan di antara amalan dalam budaya dan juga apa yang ditafsirkan sebagai tuntutan agama. Dalam bidang inilah saya nampak bahawa perlu ada kerjasama di antara agensi kerajaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM dan juga kerajaan-kerajaan negeri, NGO dan lain-lain perlu kita turunkan lebih banyak program. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan, kami di kementerian kita tidak mahu bahawa isu ini digembar-gemburkan atau diperbesarkan seolah-olah ia mencerminkan keadaan yang sebenarnya yang ada di Malaysia, kerana ia tidak mencerminkan amalan mahupun fahaman dari segi perspektif Islam isu rumah tangga, peranan dan tanggungjawab suami dan isteri yang ada di Malaysia ini kerana ia mencemarkan imej positif, cantik, sempurna, suci dalam Islam tentang institusi keluarga yang patut kita amalkan. Terima kasih.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, mungkin Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak ada hak untuk membatalkan pendaftaran, tetapi bolehkah kementerian menghantar surat kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan untuk mengkaji semula pertubuhan persatuan tersebut dan menghalangnya untuk membuka cawangan di negeri yang lain bagi mengelakkan Kelab Isteri Taat ini menyebarkan kefahaman yang tidak betul ini. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian kita tidak ada apa-apa pelan untuk menyekat kelab ini ataupun memohon untuk pembatalan kelab ini kerana kita sebuah negara yang demokrasi. Terpulang kepada kelab dan ahli-ahli mereka untuk membawa *mission* dan *vision* kelab masing-masing kerana kami percaya bahawa rakyat Malaysia, wanita Islam di Malaysia mempunyai kekuatan dalaman dan fahaman agama yang lebih jitu dan kukuh. Kita tidak mudah untuk diperlekehkan.

Lagipun kelab ini adalah satu kelab yang kecil dan mereka tidak mempunyai ahli yang ramai, tetapi kalau langkah-langkah selepas ini yang mereka ambil yang melanggar undang-undang pertubuhan, NGO dan lain-lain maka saya percaya bahawa Kementerian Dalam Negeri dan *registrar* atau pendaftar pertubuhan akan mengambil tindakan yang sewajarnya, tapi pada kami di kementerian seperti mana yang saya katakan ini adalah negara yang demokratik, masing-masing bebas untuk mempunyai pendapat masing-masing selagi tidak melanggar mana-mana undang-undang yang ada di negara ini, kerana pada akhirnya Yang Berhormat cabaran dalam dunia ini akan datang bertalu-talu dan kita mesti mempunyai benteng dalaman yang kuat dan bukan hanya dengan pembatalan kelab ini kita boleh membendung mana-mana *extreme view* yang mungkin dipegang oleh mana-mana pihak dalam masyarakat.

2. Tuan Ahmad bin Hussin minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah rasionalnya Dana Pencen Swasta diwujudkan, dan bilakah ia akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin pelaksanaan Skim Persaraan Swasta atau *Private Retirement Scheme* bertujuan untuk menambah baik taraf hidup rakyat Malaysia semasa persaraan melalui skim simpanan dana tambahan secara sukarela. Ia dapat dilaksanakan dengan memperluaskan penawaran produk pasaran di pasaran sebagai tambahan kepada simpanan persaraan wajib melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Selain itu, individu yang tidak mencarum kepada KWSP mempunyai *option* untuk mencarum dalam Dana Pencen Swasta ini untuk keperluan hari tua.

Langkah kerja bagi *Private Retirement Scheme (PRS)* dijangka akan siap pada akhir tahun ini. Sehubungan dengan ini, pindaan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 telah pun diluluskan oleh Dewan Negara semalam iaitu 11 Julai 2011. Seterusnya pihak Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan mengubah garis panduan yang berkaitan serta mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat. Sekian.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya ialah Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah menolak cadangan untuk mewujudkan Dana Pencen Swasta dan telah menggesa 10 juta pencarum KWSP supaya tidak menyertai cadangan penubuhan Dana Pencen Swasta.

Soalan saya, bagi mengatasi kebimbangan tersebut apakah kerajaan akan mengurus sendiri Dana Pencen Swasta contohnya diurus oleh KWSP atau lain-lain badan khas yang akan ditubuhkan. Ini bererti Dana Pencen Swasta tidak akan diurus oleh syarikat-syarikat insurans yang ditentukan oleh MTUC.

Kedua, apakah kriteria-kriteria yang akan digunakan untuk memilih syarikat-syarikat yang akan dipilih untuk mengurus dana tersebut dan berapakah bilangan syarikat yang akan dilantik. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin. Mengenai isu MTUC yang tidak begitu bersetuju dengan cadangan Skim Persaraan Swasta ini pihak kementerian akan berbincang dengan pihak MTUC supaya mereka faham ini adalah satu alternatif, satu *choice* yang baru untuk mereka yang ingin menyimpan wang untuk masa tua. Memang kita mengadakan *pension scheme* ini dan semalam kita pun pinda akta-akta berkenaan supaya kita boleh menjaga wang itu dengan baik dan kita mengikuti banyak negara yang lain seperti negara Australia, New Zealand, Hong Kong atau United Kingdom mereka pun ada *industrial* persaraan swasta dan kita memang hendak beri rakyat Malaysia ada satu peluang lagi. Bukan sahaja mereka yang bekerja, mereka yang sendiri jadi bos pun boleh atau SME pun boleh mencarum wang itu, dan kita memang hendak pilih dari segi penyedia skim ini supaya mereka yang ada pengalaman yang baik, iaitu pengurus dana wang atau insurans yang layak memohon untuk menjadi penyedia skim ini dan garis panduan kelayakan bagi penyedia tersebut akan memastikan hanya mereka yang mempunyai pengalaman serta rekod prestasi memuaskan akan diluluskan. Itu kita memang akan bincang dengan pihak MTUC supaya mereka faham, sebab mereka selalu hendak *oppose* sahaja. Sekian.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana keadaan mata wang yang turun naik adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan emas sebagai sandaran sekiranya dana pencen ini diuruskan, sebagaimana kita lihat sekarang ini dibuat di institusi kewangan, akaun yang berdasarkan kepada emas dengan menggunakan e-emas bagi memastikan Dana Pencen Swasta ini akan benar-benar dapat membantu para pekerja kita bila mereka pencen, kerana hari ini yang dapat RM300 mungkin dalam masa sepuluh tahun RM300 itu tidak ada nilai lagi. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan. Buat masa ini memang kerajaan tidak ada cadangan yang boleh dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

■1030

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah dengan seseorang itu yang bekerja sendiri dan tidak bekerja dengan kerajaan? Adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi perubatan percuma ataupun diskaun kepada hospital-hospital yang terpilih untuk mereka yang bekerja sendiri dan tidak ada EPF? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi percuma ataupun kecualian, memang pihak *Security Commission* (SC) sebagai pihak agensi yang menjaga pencen persaraan swasta ini, mereka telah membawa satu cadangan iaitu pencarum yang melabur di pasaran swasta ini boleh dapat dikecualikan cukai. Kita memang akan pertimbangkan dalam hal ini dan membuat pengumuman pada masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Usha Nandhini.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan nombor tiga, saya ingin memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan sepatah dua kata penghargaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Tuan Yang di-Pertua, hari ini merupakan hari terakhir saya di Dewan ini dan tempoh perkhidmatan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara akan berakhir tidak lama lagi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pemimpin tertinggi negara dan juga pucuk pimpinan parti kerana memberi peluang kepada saya agar terus dapat memperkasakan penglibatan masyarakat, penglibatan golongan wanita dan juga generasi muda dalam arus pembangunan negara.

Syabas dan tahniah saya kepada Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar di atas segala usaha dan komitmen Yang di-Pertua dalam menaikkan imej dan martabat Dewan Negara. Terima kasih khas saya kepada Timbalan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan Negara, semua rakan seperjuangan, Pegawai Penyelidik Parlimen, serta Pegawai Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol yang telah membantu saya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya di Dewan yang mulia ini. Segala dorongan, bantuan dan sokongan yang diberikan akan saya kenang dan hargai. Terima kasih... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Jasa Yang Berhormat kepada negara tetap dikenang sampai bila-bila... [*Tepuk*]

3. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah inisiatif yang dilancarkan bagi memberikan pengetahuan serta pendedahan meluas mengenai peranan individu serta organisasi berkaitan kepentingan alam sekitar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri pun juga ingin mengucapkan *all the best* kepada Ahli Yang Berhormat dan berharap berjumpa lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjalankan beberapa program pendidikan dan kesedaran alam sekitar bagi meningkatkan lagi kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat yang meliputi pelbagai kumpulan sasaran. Di antara program-program tersebut adalah:

- (i) Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar;
- (ii) Sekolah Lestari - Anugerah Alam sekitar;
- (iii) Anugerah Langkawi;
- (iv) pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi;
- (v) Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS);
- (vi) penerbitan majalah *Era Hijau*; dan
- (vii) pemeliharaan alam sekitar.

Dalam usaha melipatgandakan lagi pengetahuan dan pendedahan meluas mengenai peranan individu serta organisasi berkaitan kepentingan alam sekitar, pihak kementerian telah melancarkan satu program lagi iaitu program Rakan Alam Sekitar yang melibatkan pelbagai program dan diterajui oleh pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Majlis pelancaran Rakan Alam Sekitar (RAS) peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 4 Jun 2009 di Muar, Johor.

Program Rakan Alam Sekitar bertujuan sebaik mungkin melaksanakan program-program secara *hands-on* dengan izin, berkaitan aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan mencintai alam sekitar supaya kesannya kepada individu-individu terlibat adalah lebih baik dan mampu membuat perubahan sikap mereka terhadap alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat pertambahan bilangan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti kesedaran yang disebutkan di atas. Bilangan ahli Rakan Alam Sekitar telah bertambah daripada 6,000 orang ahli pada tahun 2009 kepada 34,000 orang ahli sehingga bulan Jun 2011. Manakala bilangan sekolah yang menyertai program ini meningkat daripada 255 buah sekolah kepada 928 buah sekolah dalam tempoh yang sama. Oleh yang demikian, pihak kementerian dapat menyimpulkan bahawa kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat semakin meningkat dari masa ke semasa. Sekian.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah saya dapat melihat bahawa tiada penggunaan beg plastik pada hari Sabtu minggu pertama di kebanyakan pusat *hypermarket* negara diterima baik oleh masyarakat umum. Apakah kementerian berhasrat untuk memperluaskan kempen tiada penggunaan beg plastik ini diperluaskan kepada sektor-sektor lain? Juga, bagaimanakah penglibatan dan sambutan syarikat korporat dalam usaha kementerian berkaitan dengan isu kepentingan alam sekitar ini? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sememangnya sekarang ini pun kita mempunyai program untuk menggalakkan tidak menggunakan plastik sekarang. Di mana-mana tempat, di merata-merata tempat pun kita menggalakkan supaya plastik ini pertamanya jangan digunakan terlebih dahulu.

Selain daripada itu, di bawah program Rakan Alam Sekitar ini kita menggalakkan supaya semua plastik ini kalau masih boleh digunakan, di kumpul dan di kitar semula. Saya sendiri melihat apabila saya melawat ke program-program yang diuruskan oleh sekolah-sekolah ini, digalakkan supaya mereka ini tidak menggunakan beg plastik lagi. Selain daripada itu, bukan sahaja di dalam sekolah kami galakkan tetapi kita juga menggalakkan di mana-mana tempat terutama sekali oleh korporat-korporat yang mungkin menggunakan plastik ini. Akan tetapi syukurlah, oleh sebab kesedaran ini nampaknya sudah meningkat dan ia berkurangan.

Pertanyaan kedua itu adalah berkaitan sama ada korporat terlibat dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai. Setiap kali kita menjalankan program Rakan Alam Sekitar, memberi kesedaran kepada rakyat tentang betapa pentingnya bagi kita untuk memelihara alam sekitar, memelihara sungai, jangan sesuka hati untuk membuang sampah, mereka sebenarnya terlibat. Dalam program-program yang saya sertai, setiap kali ada program, ada beberapa syarikat korporat yang mereka anggap pemeliharaan alam sekitar ini sebagai *corporate social responsibility* menunjukkan begitu baik hati sekali untuk menyertai dalam program ini, seperti membantu kerajaan untuk memenuhi dasar kerajaan iaitu untuk menanam kayu sebanyak 28 juta batang menjelang tahun – ada lima tahun lagi daripada sekarang. Sekian dan terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk soalan tambahan. Hari ini isu utama global ialah *climate in change* ataupun perubahan cuaca yang mendadak.

■1040

Kita digemparkan semalam di Serbia dan beberapa kawasan di Eropah suhunya sampai 40°C dan yang paling pelik bagi saya ialah satu *desert* ataupun gunung pasir di Chile, Atacamar telah ditimpa dengan salji beberapa hari yang lepas – *climatic change*. Hari ini tadi saya mendengar jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita dalam usaha hendak meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap pentingnya perubahan cuaca dan juga isu-isu *a mantle*. Jadi saya mencadangkan agar atau bertanya adakah kementerian akan meningkatkan kesedaran rakyat kita. Bagi saya yang 36,000 itu satu angka yang paling kecil, tidak sampai 0.1 peratus daripada bilangan rakyat Malaysia. Saya mencadangkan yang kita boleh menggunakan media-media yang ada. Kalau media TV gunakan Astro, TV berbayar yang ada komitmen untuk menyiarkan iklan satu minit bagi setiap satu jam untuk program-program propaganda kerajaan.

Keduanya, hari ini kita juga digemparkan dengan jerebu yang menyelubungi Malaysia. Mengikut API Indeks pagi ini, 82 peratus kawasan Malaysia adalah di luar kawasan elok ataupun selamat. Ertinya kalau API melebihi 50 peratus, sudah tidak baik lagi. Hanya 18 peratus sahaja yang dalam masih baik. Soalan saya, apakah tindakan susulan ke atas perjanjian *ASEAN Community* pada tahun 2002 yang mana negara-negara ASEAN bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa bagi menangani isu jerebu di kawasan Asia. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan itu.

Pertamanya ialah berkaitan dengan peningkatan aktiviti kementerian ini untuk memberi kesedaran lagi. Saya sudah bercakap dengan panjang lebar sebentar tadi bahawa aktiviti kementerian ini bukan statik. Saya sudah cakap awal-awal sebentar tadi bahawa dahulunya kita mempunyai program-program tertentu seperti mengadakan program debat, Anugerah Langkawi dan sebagainya. Akan tetapi, apabila kita membuat satu *performance index* dan kalau kita tidak berpuas hati dengan keberkesanan aktiviti-aktiviti itu maka kita telah mewujudkan satu program lagi yang saya sudah beri penjelasan dengan panjang lebar iaitu berkaitan dengan Rakan Alam Sekitar. Ini bukan hanya melihat pembuatan kerja itu daripada jauh tetapi kita sendiri melibatkan dengan sendirinya bersama-sama dengan orang-orang yang terlibat. *It will be* dengan izin, *we have to do it hands on*. Dalam erti kata yang sama kita juga bersama-sama dengan mereka untuk memberi kesedaran kepada mereka.

Now, I would like to correct myself sebentar tadi kalau saya ada bercakap sebentar tadi menanam pokok kayu itu sebanyak 26,000. Bukan 26,000 tetapi 26 juta sebenarnya. 26 juta pokok kayu. Program kita untuk menanam menjelang tahun 2015 dan penanaman kayu itu oleh kerana proaktif kementerian ini untuk menanam kayu memberi kesedaran kepada rakyat maka kita mendahului *target-target* kita. Penanaman kayu itu kami yakin akan dapat tercapai pada tahun yang saya cakap sebentar tadi.

Berkaitan dengan jerebu, sebenarnya sebelum saya masuk ke Dewan ini, saya ingin tahu daripada pegawai-pegawai sama ada jerebu yang kita tengok di luar ini sudah sampai tahap bahaya atau tidak. Akan tetapi, jangan khuatir Ahli-ahli Yang Berhormat. Bacaan indeks pada pagi ini di Selangor ialah di antara 67 sehingga 79 API, Putrajaya 55 dan Melaka 83. Ini bererti kita masih dalam tahap selamat. Kalau ia sudah menjangkau sehingga 200 dan kita hendaklah memberitahu kepada MKN untuk membuat sesuatu bagi menyelamatkan kita semua.

Saya tidak mempunyai maklumat-maklumat tertentu berkaitan dengan ahli Jawatankuasa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi tetapi saya akan kaji ini dan akan berhubung kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

4. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah minta Perdana Menteri menyatakan, mengapa kerajaan masih belum memansuhkan pengisytiharan darurat yang sudah lebih 40 tahun digunakan di negara ini. Sehingga hari ini masih lagi wujud empat Pengisytiharan Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong yang masih belum dibatalkan. Sejak merdeka terdapat lima keadaan darurat yang diisytiharkan di bawah Artikel 150 Perlembagaan Persekutuan, tetapi hanya satu yang dibatalkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih belum memansuhkan Proklamasi Darurat kerana ia masih relevan dan perlu dikekalkan untuk diguna pakai dalam memelihara keselamatan negara, ketenteraman awam dan juga membanteras jenayah.

Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Proklamasi Darurat boleh dimansuhkan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila keadaan keselamatan, kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam terancam. Perkara ini termaktub dalam Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut, “Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa satu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat dengan membuat dalamnya suatu perisytiharan yang bermaksud sedemikian.”

Sejak kemerdekaan sehingga hari ini sebanyak empat Proklamasi Darurat telah diisytiharkan seperti yang berikut:

- (i) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 3 September 1964 bagi seluruh Persekutuan;
- (ii) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 15 Mei 1969 bagi keseluruhan Persekutuan;
- (iii) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 14 September 1966 di Sarawak; dan
- (iv) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 8 November 1977 di Kelantan.

Proklamasi Darurat pada tahun 1964 telah terbatal secara implikasi oleh Proklamasi Darurat pada tahun 1969 sebagai mana yang telah diputuskan oleh *Privy Council* dalam kes Teh Cheng Poh lawan *Public Prosecutor* [1979] 1MLJ 50. Tiga Proklamasi Darurat yang masih wujud ialah Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak, Proklamasi Darurat pada tahun 1969 di Persekutuan dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan.

Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih berkuat kuasa terhadap Proklamasi Darurat pada tahun 1977 dengan jelas tidak menyentuh Proklamasi Darurat pada tahun 1969. Dalam Proklamasi Darurat 1977, terdapat peruntukan yang *menyatakan*, “dan Beta adalah dengan ini mengakui bahawa pengisytiharan ini tidaklah dengan apa-apa cara mengurangkan kuasa tetapi hendaklah menjadi tambahan kepada Pengisytiharan Darurat yang dikeluarkan oleh Beta pada 15 Mei 1969 yang disiarkan dalam Warta No. P.U.(A)145 pada tarikh yang sama”.

Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membatalkan Proklamasi dan Ordinan Darurat atau ia terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh Dewan Rakyat atau pun Dewan Negara yang mengingkai ataupun dengan izin, *a null* proklamasi atau ordinan itu.

Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinan yang dimasyhurkan di bawah fasal (2B) hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

■1050

Jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengungkai proklamasi atau ordinan itu tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya, menurut kuasa proklamasi atau ordinan itu atau tanpa menjejaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan satu proklamasi baru di bawah fasal (1) atau memasyhurkan apa-apa ordinan di bawah fasal (2B) melainkan jika proklamasi darurat diungkai atau dibatalkan di bawah fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, maka Proklamasi Darurat akan berterusan. Sebagai tambahan, fasal (2C) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa sesuatu ordinan yang dimansuhkan di bawah fasal (2B) akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah ordinan ini ialah Akta Parlimen sehingga ordinan itu dibatalkan atau diungkai di bawah fasal (3) Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan Ordinan Darurat didapati perlu untuk memperteguh usaha ke arah mengekalkan ketenteraman dan juga keselamatan awam demi menghadapi ancaman terhadap keselamatan, ekonomi negara dan juga perpaduan rakyat. Selain itu, negara-negara luar juga dilihat cenderung membuat undang-undang yang mirip dengan undang-undang yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat 1969 seperti *Anti-Terrorism Act, Crime and Security Act 2001* di United Kingdom dan juga *the US Patriot Act of 2001* di Amerika Syarikat. Sekian, terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada 2 Julai, enam orang iaitu seorang Ahli Parlimen dan lima orang *political activist* telah ditahan di bawah *Emergency Ordinance 1969*. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada satu suruhanjaya yang ditubuhkan dalam tahun 2005 yang mencadangkan bahawa akta-akta ini sudah *outlive his purpose* dan mesti dihapuskan. Akan tetapi sehingga sekarang akta-akta ini tidak dihapuskan dan sekarang enam orang ditahan atas akta yang tidak relevan lagi. Polis kata bahawa mereka ada *substantive evidence*, bahawa kumpulan ini ada material untuk *overthrow the government*. Kalau begitu, kenapa polis tidak dakwa mereka di mahkamah, di bawah *Penal Code*. Kenapa *charge* mereka di atas *Emergency Ordinance* di mana mereka tidak boleh tahan mereka sendiri. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan. Mengenai alasan di mana enam orang yang telah pun ditahan termasuk seorang Ahli Parlimen, saya hanya mendapat tahu daripada surat khabar mengenai alasan-alasan mereka ditahan.

Jadi, saya tidak adalah *locus standi* yang sebenarnya untuk menjelaskan kepada Yang Berhormat kenapa mereka ditahan. Akan tetapi sememangnya saya yakin bahawa pihak autoriti, pihak polis ada alasan-alasan yang kukuh di mana mereka telah pun melanggar undang-undang di bawah Akta Ordinan Darurat ini kerana didapati ada ancaman yang dibuat oleh pihak mereka yang mengganggu ketenteraman awam.

Selain daripada itu, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu kenapa mereka tidak dibawa ke Mahkamah Keadilan. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Ordinan Darurat ini, individu-individu yang ditahan diberikan kuasa dan hak untuk diberitahu dengan alasan kenapa mereka ditahan, seberapa yang boleh dan juga mengenai penyataan fakta kepada individu yang tersebut, berdasarkan daripada perintah-perintah tahanan yang diberikan dan dikeluarkan kepada mereka. Mereka juga berpeluang untuk membuat representasi terhadap perintah tersebut kepada lembaga penasihat.

Untuk makluman Yang Berhormat, lembaga penasihat ini dipengerusikan oleh seorang pengerusi di mana tarafnya adalah seperti Hakim Mahkamah Persekutuan atau *Federal Court Judge*. Saya difahamkan – dan saya pun pernah pergi untuk membuat representasi di lembaga penasihat, di mana prosiding di situ tidaklah formal seperti di mahkamah. *Less formality*, di mana tahanan boleh buat rayuan kepada lembaga penasihat dan lembaga penasihat akan menasihati Seri Paduka Baginda Tuanku sama ada mereka yang ditahan itu dilepaskan ataupun tidak. Jadi, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa Ordinan Darurat ini adalah satu ordinan yang preventif untuk mempreventkan sesuatu yang berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini saya difahamkan bahawa Kementerian Dalam Negeri dalam usaha untuk mempertimbangkan beberapa isu dan juga akta-akta preventif untuk dikaji semula. Jadi, saya serahkan kepada kementerian berkenaan untuk membuat pengumuman seterusnya. Itu sahaja yang saya boleh katakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan menggunakan mana-mana Akta Ordinan Darurat atau proklamasi dalam menangani perhimpunan haram atau derhaka Bersih baru-baru ini, khasnya kepada 9 Julai. Jika ada, baguslah. Tahniah. Saya mencadangkan supaya ordinan, lebih-lebih lagi Ordinan Persekutuan dikekalkan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melihat sejarah, sejarah telah pun membuktikan bahawa ada relevannya untuk kita menggunakan Ordinan Darurat ini untuk menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan juga mencegah jenayah yang berlaku di negara ini. Baru-baru ini kita mendapati suatu kumpulan yang dikenali sebagai kumpulan yang bukan kerajaan, yang telah berhimpun tanpa permit dan diketuai oleh seorang peguam. Ini amatlah mengecewakan dan juga amat sedih kerana seorang peguam dilihat telah pun melanggar kedaulatan undang-undang dan mengadakan perhimpunan haram, tidak mendapatkan permit.

Negara ini mengikut kedaulatan undang-undang. Sesiapa sahaja yang hendak berhimpun, boleh memohon kepada pihak berkenaan untuk mendapatkan permit. Akan tetapi dalam perkara ini kita pun melihat bahawa perhimpunan ini telah pun diketuai oleh seorang peguam. Saya difahamkan bahawa tiada permohonan yang telah pun dibuat oleh kumpulan yang dikenali sebagai Bersih untuk didaftar setakat ini. Jadi, ini memberikan satu contoh dan satu gambaran yang tidak baik lebih-lebih lagi apabila kumpulan itu diketuai oleh seorang peguam.

■1100

Jadi ini kita telah pun dapat lihat pada hari Sabtu di mana telah menyebabkan huru-hara di sekitar Kuala Lumpur dan juga mengganggu ketenteraman dan juga keselamatan orang awam. Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya soalan tadi, saya rasa keadilan bukan sahaja kepada mereka yang membantah tetapi kepada mereka yang menyokong kepada kerajaan. Keadilan kepada mereka yang berniaga di sekitar jalan raya dan juga kedai-kedai berkenaan dan mereka perlu diberikan keselamatan dan juga ketenteraman dan juga menjaga agar *property* dan hak-hak mereka tidak terjejas dalam perhimpunan haram sedemikian. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, inilah di mana keadaan kadangkala Ordinan Darurat ini perlu dipergunakan untuk menjaga keselamatan rakyat, terutamanya untuk kerajaan. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, bilakah garis panduan memajukan “ternakan” sarang burung walid di negara ini akan diperkenalkan dan sekiranya garis panduan telah dikeluarkan, kerajaan tempatan atau daerah mana yang sedang menguatkuasakannya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengadakan garis panduan bagi menyelaras pembangunan industri burung walid di negara ini yang dikenali sebagai Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walid atau 1GP. Garis panduan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 9 Julai 2010 dan diterima pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-63 pada 2 September 2010.

Kementerian kemudiannya 1GP telah dilancarkan pada 19 Januari 2011 yang lalu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, 1GP ini mengandungi peraturan-peraturan penyediaan premis penternakan, kebersihan premis, operasi, kawalan penyakit serta pelesenan dan pemprosesan sarang burung walid yang boleh diguna pakai oleh pelbagai agensi yang terlibat dalam perladangan burung walid. 1GP diguna pakai oleh semua kerajaan negeri termasuk pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa negeri melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. 1GP juga turut dipakai pelbagai agensi dan pihak industri dalam merancang dan melaksanakan pembangunan industri burung walid agar ianya dilaksanakan secara lebih teratur.

Walaupun 1GP telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan tetapi untuk setiap negeri apabila mereka ingin melaksanakan 1GP, mereka berbincang dengan pihak berkuasa tempatan dan mungkin dari negeri ke negeri lain terdapatlah boleh dikatakan kelainannya tersendiri mengikut kawasan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

Tuan Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya adalah tidak ada lagi satu buah negeri pun melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kementerian sebab perkara ini amat rumit dan susah diselesaikan. Jadi, saya harap perkara ini tidak akan merugikan pengusaha burung walid kerana ia dapat meningkatkan ekonomi negara dengan baik. Soalan saya, adakah kementerian menggalakkan golongan miskin atau petani miskin menceburi sektor ini untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka dan kalau ya, bagaimana ia dapat dilaksanakan?

Tuan Chua Tee Yong: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Nombor satu, mengenai penternakan burung walid ini, sebanyak 917 premis telah didaftarkan di seluruh negara dan kalau saya tak salah, di negeri Kedah terdapat kawasan PBT yang sudah masuk dalam undang-undang kecil mereka dan juga di Negeri Perak. Maka adalah salah kalau kata seluruh negara tiada kawasan yang ingin mengambil 1GP ini kerana ia adalah penting untuk pihak berkuasa dapat melesenkan kawasan-kawasan ini supaya mereka boleh membuat penguatkuasaan. Ini adalah juga penting untuk perkembangan industri dan seperti Yang Berhormat Senator katakan, ia mendatangkan pulangan dan keuntungan yang lumayan tetapi juga adalah penting bahawa semua penternak burung walid adalah bertanggungjawab dan menjaga sekitar keliling penduduk yang boleh dikatakan kalau mereka tidak bertanggungjawab, kadang-kadang menyinggung perasaan dan menyebabkan terdapat banyak rintihan dan juga *complain*, dengan izin.

Untuk menolong golongan miskin dalam penternakan burung walid ini, memang kita mempunyai program yang di mana senarai-senarai nama yang berada dalam e-Kasih ini diberi peruntukan melalui Kementerian Kebajikan dan memang kita sentiasa berusaha di setiap negeri untuk menolong dan cuba meningkatkan pendapatan mereka. Selain itu, untuk menolong mereka juga yang minat, kita juga mempunyai skim mikro kredit di mana pinjamannya adalah di antara RM10,000 hingga RM30,000 dari Agrobank dengan peruntukan sebanyak RM12 juta di mana kadar bunganya adalah 4 peratus sahaja dan sehingga sekarang, RM7 juta telah dikeluarkan dan diluluskan. Maka kementerian kita sentiasa meninjau untuk melihat bagaimana kita dapat menolong untuk memastikan industri ini berkembang dengan bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Pengangkutan menyatakan, pihak kementerian telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar universiti menaikkan taraf Lapangan Terbang Melaka tetapi tidak digunakan dengan semaksimumnya memandangkan bilangan kapal terbang yang mendarat di situ tidak banyak. Apakah tindakan kementerian seterusnya supaya lapangan terbang itu tidak akan menjadi satu lagi projek “gajah putih” pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Melaka sememangnya terkenal sebagai destinasi pelancongan dan sering menerima kunjungan ramai pelancong setiap tahun.

Walau bagaimanapun, kedudukan Melaka daripada segi geografi yang terletak berdekatan dengan KLIA menjadikan syarikat-syarikat penerbangan memilih untuk mengadakan penerbangan ke KLIA berbanding ke Melaka. Sungguhpun begitu, kerajaan senantiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing untuk mengadakan penerbangan ke Lapangan Terbang Melaka. Di antara usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan adalah seperti berikut:

- (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan ataupun meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
- (ii) Melaka juga dimasukkan sebagai salah satu destinasi yang akan diliberalisasikan di bawah *Asian Multilateral Agreement on the Full Liberalization of Passenger Services*, dengan izin. Di bawah perjanjian ini yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia pada tahun ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara Asian dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi asian tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;
- (iii) menurunkan *passenger services charges* dengan izin, daripada RM51 kepada RM26 untuk penumpang-penumpang antarabangsa di semua lapangan terbang *secondary* termasuk Lapangan Terbang Melaka pada 15 Disember 2010; dan
- (iv) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan dari luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke Lapangan Terbang Melaka oleh Malaysia Airport Holdings Berhad.

■1110

Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengadakan operasi di kesemua lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Melaka adalah bergantung kepada keputusan syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kepada permintaan dan komersial *viability*. Sekian.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lapangan Terbang Melaka telah menggunakan RM104 juta untuk menaik taraf. Jikalau Lapangan Terbang Melaka tidak digunakan dengan semaksimumnya saya rasa itu adalah menjadi satu pembaziran.

Jadi selain daripada memberi galakan kepada *flight company* untuk menggunakan - adakah kita cuba, Kerajaan Pusat cuba menggalakkan lebih banyak lagi *company* pesawat daripada negara China untuk datang ke Melaka, memandangkan *population* ataupun penduduk negara China sekarang semakin bertambah datang ke tanah air kita. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat atas perhatian dan juga pemerhatian ke atas industri penerbangan di Malaysia. Buat setakat masa ini kita belum ada lagi buat perbincangan dengan negara China. Akan tetapi oleh kerana usaha ini memang kita buat setiap tahun dengan beberapa syarikat penerbangan yang memikirkan *viability* dia punya komersial *viability* kepada untuk penerbangan ke Malaysia di sini, kita akan cuba dari semasa ke semasa untuk masukkan *route* yang lain itu. Sekian.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi. Saya ada dua soalan kecil Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu ialah selain daripada penumpang (*passenger*), mungkinkah ada *feasibility*nya untuk menggunakan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka sebagai hab atau mini hab untuk kargo? Misal kata elektronik produk dan sebagainya itu satu. Itu untuk *compliment* untuk *commercial passenger*.

Kedua, dari segi masalah teknikal yang mungkin dihadapi oleh Lapangan Terbang Melaka saya tidak pasti kerana itu saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri difahamkan ada sedikit masalah teknikal yang dihadapi oleh Lapangan Terbang Melaka dari segi *refueling*, dengan izin. Adakah masalah itu sudah dapat diatasi dan kalau belum mohon bantuan daripada kementerian atau dari kerajaan pusat supaya masalah dari segi kos itu dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat atas perhatian kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Soalan Yang Berhormat yang pertama tadi berkaitan dengan penggalakan dan juga mendapatkan, yang pertama tadi Yang Berhormat kargo ini. Buat masa sekarang ini belum ada masuk dalam rancangan ini tetapi cadangan ini suatu yang baik oleh kerana kargo ini juga boleh menggunakan Lapangan Terbang Melaka ini sebelum ianya disebarkan kepada tempat-tempat lain ataupun diangkut ke tempat-tempat lain. Kedua, Yang Berhormat berkaitan dengan masalah teknikal iaitu *code sharing*.

Datuk Akbar bin Ali: Bukan, membekalkan minyak *for refueling purposes* dengan izin.

Tuan Jelaing anak Mersat: Ini luar daripada maklumat yang dibagi kepada saya Yang Berhormat tetapi saya akan cari maklumat ini untuk memberitahu Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini dengan secara bertulis nanti. Okey terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah bilangan kuota yang diperuntukkan kepada jemaah haji di Labuan dan adakah kuota untuk jemaah haji di sini akan ditambah pada masa akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus atas persoalan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada peruntukan kuota khas diberikan mengikut negeri-negeri. Justeru tiada peruntukan khas kepada jemaah haji di Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah keseluruhan kuota jemaah haji di Malaysia ialah berdasarkan kepada 0.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Dengan yang demikian jumlah kuota ialah bagi Malaysia ialah sebanyak 25,000 jemaah haji setiap tahun. Bagi bakal haji Wilayah Persekutuan Labuan sehingga kini bilangan bakal haji yang terpilih dan setuju menerima tawaran untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji 1432 Hijrah adalah seramai 14 orang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana turut hadir pada pagi ini. Terus kepada soalan. Apa pandangan Tabung Haji dan pihak kementerian sendiri jika saya mencadangkan agar diadakan kuota bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan memandangkan kepesatan ekonomi dan kemampuan kewangan penduduk-penduduk di wilayah ini yang menyebabkan semakin ramai penduduk yang mampu dan telah mengambil peluang dalam mendaftar untuk menunaikan fardu haji. Ada juga terdapat bagi jemaah yang berusia yang belum ataupun belum pernah sekalipun menunaikan fardu haji kali pertama. Diharap juga bilangan jemaah haji dari Labuan tidak dikurangkan bilangannya. Mohon pandangan kementerian. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua pihak kerajaan mengucapkan terima kasih atas cadangan baik daripada pihak Yang Berhormat untuk ditambah. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kita tidak mencadangkan untuk dijadikan kuota mengikut negeri-negeri. Akan tetapi sistem yang kita gunakan untuk pemilihan bakal haji bagi menunaikan fardu haji setiap tahun adalah berdasarkan kepada proses pendaftaran bakal haji ini maknanya siapa yang dahulu didahulukan dan yang kemudian dikemudiankan. Ini ialah untuk mengelakkan soal pilih kasih ataupun melangkaui giliran yang ada.

Kalau dapat saya maklumkan kepada pihak Yang Berhormat bagi jemaah haji di Labuan sendiri kadang-kadang tidak ada pertambahan. Misalnya pada tahun 1425 Hijrah seramai 66 orang kemudian tahun 1426 meningkat 75 orang manakala tahun 1427 jumlah jemaah haji daripada Labuan menjadi lapan orang sahaja yang memohon. Jadi sekiranya kita mengamalkan sistem untuk memberikan kuota ini kepada negeri-negeri, mungkin kita akan menyebabkan negeri-negeri lain tidak mendapat ataupun jemaah yang lain tidak mendapat keadilan.

Ini kerana kita lihat sendiri tidak semua tidak setiap tahun jemaah haji di Labuan ini meningkat jumlahnya. Bahkan pada tahun 1430, jemaah haji menjadi 51 orang sahaja daripada Labuan. Terima kasih.

8. Puan Mariany binti Mohamad Yit minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah kementerian telah membuat kajian semula tentang pemarkahan dan juga penilaian terhadap peperiksaan SPM sehingga begitu ramai pelajar mendapat banyak 'A'; dan
- (b) apakah mekanisme yang digunakan kementerian dalam menapis mereka yang layak menerima biasiswa bagi melanjutkan pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendidikan dan penaksiran di Malaysia kini bertaraf dunia. Ini turut diperakui oleh UNESCO. Sistem penggredan yang digunakan sekarang sebenarnya adalah sistem pemarkahan yang telah diubah mulai tahun 2009 dari 1A, 2A, 3B, 4B, 5C, 6C, 7D, 8D dan 9G kepada A+, A, A-, B+, B, C+, C, D, E dan G. Ini adalah bertujuan untuk memberi penilaian yang tepat terhadap pencapaian murid dalam peperiksaan berkenaan. Di samping untuk memudahkan pihak kerajaan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang lebih cemerlang.

■1120

Justeru, KPM tidak berhasrat untuk mengubah sistem penggredan ini. Pertambahan bilangan calon yang mendapat keputusan 'A' pada setiap peperiksaan bukan disebabkan oleh sistem pemarkahan yang rendah tetapi kerana merupakan kejayaan KPM dalam melaksanakan transformasi pendidikan bagi pembangunan modal insan yang sempurna. Ini ditambah dengan dasar kerajaan dalam memperluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Ada faktor-faktor lain juga yang menyumbang pertambahan jumlah pelajar yang cemerlang ini:

- (i) dasar mengehadkan jumlah maksimum sepuluh mata pelajaran dan penambahan dua mata pelajaran tambahan dalam peperiksaan SPM yang mula dilaksanakan pada tahun 2010. Ini membolehkan calon-calon memberi lebih tumpuan kepada mata pelajaran yang diambil;
- (ii) insentif pada pengetua dan guru-guru bagi sekolah-sekolah yang mencapai keputusan yang cemerlang iaitu '*new deal*'. Ini menunjukkan bahawa sumbangan guru diberi pengiktirafan yang sewajarnya dan diterjemahkan melalui pencapaian calon-calon;
- (iii) kesedaran ibu bapa dalam meningkatkan kecemerlangan anak-anak mereka di samping kerjasama erat PIBG yang sentiasa bertambah demi untuk kecemerlangan pelajar-pelajar;
- (iv) kemudahan untuk mengakses dan mendapatkan maklumat dan bahan rujukan di pasaran dan laman sesawang;

- (v) pewujudan jawatan guru-guru cemerlang yang bertujuan untuk memastikan pembelajaran dan pengajaran sentiasa berada di tahap yang tinggi dan berkualiti; dan
- (vi) komitmen Kementerian Pelajaran untuk sentiasa meningkatkan kualiti guru.

Mengenai dengan perkara yang kedua, ingin diperjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia hanya menawarkan biasiswa yang dipanggil sebagai Hadiah Latihan Persekutuan atau HLP kepada guru-guru *in service* iaitu sama ada cuti belajar bergaji penuh, cuti belajar separuh gaji ataupun cuti belajar tanpa gaji dan syaratnya bergantung kepada biasiswa yang diambil sebagai contohnya, cuti belajar bergaji penuh kalau tanpa biasiswa, 46 tahun ke bawah syaratnya dari segi umur. Kalau dengan biasiswa, mestilah 40 tahun ke bawah. Ini terutama untuk mengambil Masters dan Ph.D.

Akan tetapi terdapat juga mereka yang mendapat biasiswa di bawah KPM untuk pelajar-pelajar yang dipanggil *pre service* iaitu mereka yang dapat tawaran masuk ke universiti contohnya, pelajar-pelajar yang cemerlang yang mengambil dalam bidang matematik. Mereka ini akan ditawarkan untuk mendapatkan *scholarship* Kementerian Pelajaran dan akan berkhidmat sebagai guru di Kementerian Pelajaran dengan kontrak selama tujuh tahun.

Kalau kita ambil contohnya, yang mengikuti bidang pendidikan ini, mereka ini hanya akan diambil ketika sudah berada di semester pertama dengan CGPA minimum 3.3 dan kalau di luar negara lepasan SPM matrikulasi mestilah 3.5 dari segi CGPA nya dan tidak melebihi umur 20 tahun. *Detailnya* Yang Berhormat boleh tanya saya di luar nanti. Terima kasih.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah, adakah usaha-usaha itu cukup untuk menepati keperluan negara yang sedang menghadapi transformasi ekonomi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya perjelaskan tadi iaitu bahawa dari segi penggredan ataupun pemarkahan ini, kita menggunakan standard antarabangsa dan diiktiraf. Sebagai contohnya, Lembaga Peperiksaan turut melaksanakan penjaminan kualiti penyamaratan, penandaarasan dan pengiktirafan terutamanya dengan badan-badan pentafsir terkemuka dari luar negara seperti daripada *Cambridge International Examination (CIE)*, *London Chambers of Commerce and Industry (LCCI)* dan *New Zealand Qualification Authority (NZQA)* dan *Australian Education for Educational Research (ACER)*.

Jadi, kita sentiasa sebenarnya mempunyai hubungan dengan pentafsir luar ini. Sebab itu saya kata bahawa penggredan ini kita kekalkan mungkin dari pemarkahannya itu kita kaji setiap tahun berasaskan kepada taburan pencapaian calon-calon.

Kita akan bandingkan dengan pencapaian tiga tahun sebelumnya dan daripada situlah setelah dapat persetujuan daripada jawatankuasa termasuk daripada majlis peperiksaan dan pentafsir luar ini, maka barulah kita menentukan pemarkahan tetapi dari segi penggredan kita masih kekalkan.

Dato Sri Dr. Mohd Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan. Pertama sekali, sebelum itu kita harus mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran atas hasil SPR yang baru ini yang terbaik dan ini sudah tentu hasil usaha gigih kementerian. Walaupun demikian, kita ingin mengetahui dua perkara. Pertama sekali bagaimanakah kenaikan atau kejayaan kementerian ini dari segi kalaulah pencapaiannya begitu baik, adakah ia mula menarik pelajar-pelajar untuk balik semula ke sekolah menengah kita atau sekolah kebangsaan kita kerana masalah sekarang ialah kaum Cina, kaum India. Mereka lebih memilih menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan mereka, sekolah jenis India dan Cina. Satu daripada tujuannya dahulu ialah bagaimana kita boleh meningkatkan pencapaian atau *confidence level* sekolah kebangsaan supaya kaum-kaum lain akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan kita.

Kedua, saya ingin bertanya adakah kenaikan pencapaian akademik ini, adakah ia juga di sampingkan dengan pencapaian yang menyeluruh kerana kita tahu yang kita mahu menghasilkan murid-murid yang lebih *all rounder* juga dari segi personaliti mereka iaitu bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi kokurikulum dan sebagainya. Adakah juga pencapaian akademik ini disamakan dengan pencapaian keseluruhan murid-murid kita. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, mengenai dengan isu bagaimana kita boleh menarik lebih ramai pelajar-pelajar daripada kaum yang lain untuk masuk ke sekolah kebangsaan. Di sinilah ingin saya perelaskan bahawa dalam perancangan induk pendidikan kita, kita ada satu bahagian yang disebut sebagai memperkasakan sekolah kebangsaan. Memperkasakan sekolah kebangsaan ini ialah sebenarnya antara tujuannya ialah untuk memastikan bahawa sekolah aliran kebangsaan akan menjadi sekolah yang menjadi pilihan utama kepada pelajar-pelajar termasuk ibu bapa terutamanya daripada kaum yang lain. Sebab itulah antara strategi kita dalam melaksanakan, memperkasakan sekolah kebangsaan ini seperti mana yang diumumkan ialah kita memperkenalkan mata pelajaran seperti Bahasa Tamil dan juga Bahasa Mandarin sebagai mata pelajaran pilihan kepada pelajar-pelajar supaya ini menggalakkan mereka masuk ke sekolah kebangsaan.

Di samping itu, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kalau kita merujuk kepada keputusan sekolah '*new deal*' atau sekolah berprestasi tinggi, kita melihat bahawa pencapaian sekolah-sekolah kebangsaan ini sebenarnya adalah cukup tinggi.

Dan sebab itulah apabila kita melakukan *ranking* sekolah-sekolah di seluruh negara ini, sebenarnya kebanyakan yang berada dalam kedudukan yang teratas dalam Band 1, Band 2, Band 3 ini ialah sekolah-sekolah kebangsaan sebenarnya. Sebab itu saya yakin bahawa sampai masanya nanti, minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka atau pun menjadikan sekolah kebangsaan ini sebagai sekolah pilihan utama ini akan semakin meningkat.

Mengenai dengan perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sebab itulah baru-baru ini kita melancarkan apa yang disebut sebagai PBS atau penilaian berasaskan sekolah iaitu sistem pentafsiran kita tidak lagi berasaskan kepada peperiksaan semata-mata.

■1130

Sebenarnya kita akan menghadapi cabaran bahawa penilaian pada pembangunan modal insan itu tidak lagi berasaskan pada peperiksaan kerana kebanyakan negara pun sebenarnya tidak lagi bergantung pada peperiksaan semata-mata untuk membangunkan modal insan ataupun potensi anak-anak kita ini. Oleh sebab itulah, Malaysia juga tidak mahu tertinggal. Maka sebab itulah dalam transformasi pendidikan ini, antara yang kita lakukan ialah transformasi pada sistem pentafsiran kita iaitu penilaian berasaskan sekolah.

Satu contoh yang paling jelas Yang Berhormat ialah apabila kita membuat keputusan untuk tidak meneruskan peperiksaan PMR dan akan digantikan dengan PBS. Bahkan UPSR itu pun sebenarnya nanti, komponennya lebih banyak tertumpu pada PBS. Jadi, oleh kerana itulah, ini yang sebenarnya yang kita lakukan sebab itulah kita memperkenalkan dasar-dasar untuk memperkukuhkan pendekatan baru ini iaitu 1Murid 1Sukan. Kita mengehadkan jumlah mata pelajaran pada sepuluh mata pelajaran supaya kita jangan menjadi terlalu *exam-oriented* ini. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

9. **Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan, berapa ramai orang-orang Melayu yang mufliis kerana menjadi penjamin kepada peminjam individu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Insolvensi Malaysia ataupun dikenali sebagai *Malaysia Department of Insolvency* mula mengumpul statistik mengikut kategori keberhutangan bermula dari tahun 2005.

Bagi tempoh tahun 2005 sehingga bulan Mei 2011, daripada 98,767 kes kebangkrapan yang ditadbir oleh MDI, seramai 2,583 orang individu Melayu mufliis ataupun 2.6 peratus terdiri daripada kategori penjamin sosial. Manakala seramai 2,340 orang individu Melayu mufliis atau 2.4 peratus terdiri daripada kategori penjamin korporat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Norliza, soalan tambahan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma ingin meminta sedikit penjelasan sebagaimana yang kita tahu, sekiranya kita muflis, banyak benda yang kita terlarang daripada melakukannya seperti kita tidak boleh ke luar negara, kita tidak boleh membuat pinjaman lain dan juga ada kalanya mengganggu urusan kita termasuklah kalau kita ingin mengerjakan haji ataupun umrah.

Jadi, saya ingin bertanya bolehkah institusi kewangan mengubah cara memberikan pinjaman tanpa perlu ada penjamin? Maknanya, institusi kewangan itu perlu melihat aspek ini sebagai salah satu risiko perniagaan yang mana mereka harus memikul tanggungjawab membuat penilaian tepat mengenai keupayaan pemohon membayar balik pinjaman? Juga adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan satu rang undang-undang yang khusus untuk melindungi penjamin agar institusi kewangan tidak boleh berpaling kepada mereka dengan sewenang-wenangnya tanpa berusaha melaksanakan segala prosedur bagi menjejaki dan mendapatkan bayaran daripada peminjam untuk bertanggungjawab ke atas pinjaman yang dibuat? Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa apabila kita menjadi penjamin atas sesuatu pinjaman, ini bermakna kita menjamin bahawa kita akan membayar pinjaman yang dihutang oleh peminjam tersebut. Jadi, penjamin perlu mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebelum menandatangani sebarang perjanjian untuk menjamin sesuatu pinjaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada penjamin yang diperlukan sekiranya pinjaman tersebut diikatkan dengan kolateral ataupun sekuriti seperti harta benda, tanah, *share certificate* ataupun deposit-deposit yang mana institusi kewangan boleh terima sebagai kolateral ataupun sekuriti. Apabila institusi kewangan merasai bahawa peminjam tersebut tidak dapat memberikan kolateral ataupun sekuriti yang mencukupi, maka di situlah mereka akan memerlukan penjamin untuk pinjaman tersebut. Buat setakat ini, isu sama ada tidak perlu penjamin ini adalah dasar-dasar polisi dan juga dasar polisi kepada pihak Bank Negara Malaysia. Saya rasa isu ini akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk mengkaji semula dan saya rasa ini satu cadangan yang baik oleh Yang Berhormat.

Mengenai akta sama ada kerajaan harus mengadakan satu rang undang-undang khusus untuk mem~~protect~~penjamin. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, seksyen 5(3) Akta Kebankrapan 1967 memberikan perlindungan kepada penjamin sosial. Penjamin sosial telah pun diiktiraf sebagai penjamin yang menyediakan bukan tujuan keuntungan jaminan-jaminan seperti berikut, iaitu jaminan untuk pinjaman, biasiswa, geran, untuk pendidikan ataupun bagi tujuan kajian ataupun jaminan untuk sewa beli kenderaan untuk kegunaan persendirian dan bukan perniagaan dan jaminan untuk pinjaman perumahan bagi tujuan kediaman.

Jadi, inilah yang dikenali sebagai penjamin sosial dan kita perlu bahagikan mereka daripada penjamin korporat. Penjamin korporat ialah yang mana pinjaman tersebut ada sangkut-paut dengan *business*. Selain daripada apa yang telah pun saya sebutkan tadi di akta yang berikut. Mengikut akta yang saya sebutkan tadi iaitu seksyen 5(3) yang memberikan perlindungan kepada penjamin, bagi penjamin sosial, bank diwajibkan untuk mengambil tindakan ke atas peminjam terlebih dahulu sebelum bertindak ke atas penjamin. Akan tetapi, bagi penjamin korporat, tindakan serentak boleh diambil ke atas peminjam dan juga penjamin.

Daripada segi peraturan, setakat ini masih belum ada sebarang bentuk perlindungan yang boleh mengelakkan penjamin daripada dikenakan tindakan kebangkrapan kerana terikat dengan perjanjian sebelumnya. Oleh itu, penjamin haruslah tahu hak-hak dan juga tanggungjawab dalam perkara ini dan saya menegaskan kepada sesiapa sahaja yang hendak menjadi penjamin kepada sesiapa sahaja haruslah faham perjanjian yang ditandatangani kerana sebagai seorang penjamin, kita menjamin bahawa kita akan membayar hutang itu sekiranya peminjam tidak membayarnya. Sekiranya peminjam tidak membayar, institusi kewangan akan mengenakan saman prosiding di mahkamah terhadap penjamin. Kalau penjamin pada masa itu tidak mahu ataupun ingkar membayar pinjaman yang dihutang oleh peminjam tersebut. Sekian.

10. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah usaha, perancangan dan promosi-promosi kementerian agar Malaysia menjadi negara paling popular dikunjungi oleh masyarakat dunia menjelang 2012. Berapakah jumlah pelancong yang melawat sepanjang tahun 2008, 2009 dan 2010.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, antara usaha perancangan dan promosi-promosi utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dalam menjadikan Malaysia negara paling popular dikunjungi oleh masyarakat dunia menjelang 2012, adalah seperti berikut:

(i) mengadakan acara-acara utama seperti:

- (a) *Malaysia International Shoe Festival*;
- (b) Citrawarna 1Malaysia;

■1140

- (c) *1Malaysia International Tourism Night Floral Parade*;
- (d) Karnival Jualan GP, Karnival Jualan Mega 1Malaysia dan karnival jualan akhir tahun;
- (e) *Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival*;
- (f) *Fabulous Food 1Malaysia*; dan
- (g) Tarian Cuti-cuti 1Malaysia.

- (ii) meningkatkan mutu dan menggalakkan inovasi produk-produk pelancongan niche negara seperti:
 - (a) Kempen Cuti-cuti 1Malaysia;
 - (b) pelancongan *park and garden*;
 - (c) pelancongan seni;
 - (d) pelancongan makanan;
 - (e) pelancongan eko;
 - (f) pelancongan sukan;
 - (g) pelancongan membeli belah;
 - (h) pelancongan kesihatan;
 - (i) pelancongan *spa and wellness*;
 - (j) *homestay*; dan
 - (k) MM2H.
- (iii) meningkatkan dan mempelbagaikan strategi promosi pelancongan seperti:
 - (a) penyertaan di expo pelancongan dan seminar antarabangsa;
 - (b) melaksanakan langkah-langkah sinergistik dan *partnership* dengan negara asing dan juga pihak swasta;
 - (c) pengiklanan agresif di media cetak, papan iklan dan televisyen;
 - (d) kempen-kempen secara *online* dan digital media; dan
 - (e) pelaksanaan program lawatan suai kenal (*Mega Familiarization*) yang melibatkan media, agen-agen dan syarikat-syarikat pelancongan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pelancongan juga telah merangka *Malaysia Tourism Transformation Plan* iaitu satu pelan strategik yang menyeluruh. Pelan ini merangkumi pelan tindakan supaya sasaran kedatangan pelancong antarabangsa seramai 36 juta orang dengan unjuran pendapatan pelancongan sebanyak RM168 bilion dicapai pada tahun 2020. Pelan ini mengandungi lima tema sebagai ciri dan nilai utama dalam pembangunan sektor pelancongan negara iaitu:

- (i) barangan mewah mampu milik;
- (ii) kembara alam semula jadi;
- (iii) keseronokan seisi keluarga;
- (iv) acara hiburan, spa dan sukan; dan
- (v) pelancongan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelancong yang melawat Malaysia pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelancong (orang)
2008	22,052,488
2009	23,646,191
2010	24,577,196

Sekian.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih kementerian. Daripada kajian dan pengalaman kementerian, nyatakan ciri-ciri utama dan tempat-tempat di negara ini yang digemari oleh pelancong mengikut keutamaan. Kedua, apakah sumbangan kementerian dalam membantu negeri-negeri yang kurang dilawati oleh pelancong? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sememangnya terus menerus membuat kajian untuk mengenal pasti ciri-ciri utama dan juga tempat-tempat yang digemari oleh pelancong-pelancong asing. Daripada kajian kita, ciri-ciri yang kita lihat kenapa pelancong suka datang ke Malaysia ialah pertamanya ialah faktor keselamatan. Pelancong asing sememangnya menaruh harapan bahawa negara Malaysia adalah negara yang selamat jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia ini. Ciri-ciri yang kedua ialah rakyat Malaysia adalah rakyat yang peramah, *very friendly people* dengan izin, dan ciri yang ketiga ialah *valuable money*, nilai wang kita jika dibandingkan dengan nilai mereka sendiri dan juga harga barangan di pasaran yang mana jika dibandingkan dengan negara-negara lain, harganya amat murah.

Tempat-tempat yang digemari oleh pelancong-pelancong asing ialah tempat-tempat yang mana terdapat alam semula jadi. Sebagai contoh, di Terengganu di mana Tasik Kenyir adalah tempat yang amat digemari. Pulau Perhentian dan Pulau Redang turut digemari. Begitu juga di negeri-negeri yang lain yang mempunyai banyak tempat-tempat alam semula jadi dan sememangnya ini menjadi satu tarikan kepada pelancong-pelancong asing.

Walaupun demikian, ada juga pelancong-pelancong dari negara-negara Timur Tengah dan juga India datang ke negara kita untuk membeli belah. Mereka berbelanja tinggi, lebih banyak wang mereka untuk membeli belah di negara kita kerana barangan mewah yang mampu milik adalah lebih murah daripada negara lain. Juga, sekarang barangan mewah mampu milik sudah dihapuskan cukai import, maka harganya juga sudah menurun sehingga 30 peratus.

Untuk soalan tambahan yang kedua, untuk negeri-negeri yang kurang dilawati oleh pelancong-pelancong asing, Kementerian Pelancongan selalu mengadakan promosi – apabila kita pergi ke luar negara untuk membuat promosi, kita akan turut mempromosikan semua negeri-negeri di negara kita, lebih-lebih lagi produk-produk yang menarik yang terdapat dalam negeri-negeri tersebut.

Kedua, Kementerian Pelancongan juga sentiasa membangunkan prasarana dan *facility-facility* pelancongan supaya pelancong-pelancong boleh datang ke tempat-tempat itu dan boleh menikmati alam semula jadi dengan prasarana yang elok, baik dan sesuai serta tidak membahayakan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya tamatkan sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.49 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

■1150

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG ORGANISASI ANTARABANGSA
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) (PINDAAN) 2011****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[11 Julai 2011]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng dan seterusnya Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar selepas itu.

11.51 pg.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini bertujuan memberi penambahbaikan kepada Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 dalam bahasa Inggeris adalah *International Organizations (Privileges and Immunities) Amendment Act*. Walaupun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian khusus misalnya mengenai tahap kekebalan yang diberi kepada orang perseorangan, dokumen, harta dan pergerakan atau hala tuju badan antarabangsa yang terlibat.

Satu perkara lagi yang perlu dinilai sepenuhnya ialah takrif "agensi khusus" itu sendiri sama ada ia menjadi sebahagian daripada organ Bangsa-Bangsa Bersatu – ini Bangsa-Bangsa Bersatu ini dipanggil organ dia tidak panggil organisasi. Organ Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun ia hanya merupakan satu badan yang bernaung di bawah Bangsa-bangsa Bersatu atau ia hanya merupakan satu badan yang dimeterai di antara dua buah negara menjadikan ia sebagai *Intergovernmental Organization* (IGO). Contoh IGO seperti ASEAN, NAFTA mahupun *African Bloc*.

Apakah IGO merupakan atau ditakrifkan sebagai satu badan ataupun agensi khusus walaupun di bawah pindaan telah memberikan hak kepada badan-badan di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu seperti hak mengumpul, melupuskan harta dan menyaman. Akan tetapi, badan ini sebenarnya merupakan organ di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu sedangkan agensi khusus tidak membawa maksud sebagai organ seperti yang terdapat di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu misalnya:

- (i) *International Fund for Agricultural Development (IFAD)*;
- (ii) *World Intellectual Property Organization (WIPO)*;
- (iii) *International Maritime Organization (IMO)*;
- (iv) *International Telecommunication Union (ITU)*;
- (v) *Universal Postal Union (UPU)*;
- (vi) *International Civil Aviation Organization (ICAO)*;
- (vii) *International Finance Corporation (IFC)*;
- (viii) *International Development Association (IDA)*;
- (ix) IMF;
- (x) *International Bank for Reconstruction and Development (IBRD)*;
- (xi) WHO;
- (xii) UNESCO;
- (xiii) *Food and Agriculture Organization (FAO)*;
- (xiv) *International Labour Organization (ILO)*;
- (xv) *International Atomic Energy Agency (IAEA)* yang sekarang hangat dibincangkan di Lynas Gebeng, Kuantan ini;
- (xvi) *World Trade Organization (WTO)*;
- (xvii) *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA)*;
- (xviii) *United Nations Institute for Training and Research (UNITAR)*;
- (xix) *United Nations Children's Fund (UNICEF)*;
- (xx) *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)*;
- (xxi) *Joint United Nations (FAO) World Food Programme (WFP)*;
- (xxii) *United Nations Development Programme (UNDP)*;
- (xxiii) *United Nations International Research and Training Institute for the Advancement of Women (UN-INSTRAW)*;
- (xxiv) *United Nations Environment Programme (UNEP)*;
- (xxv) *United Nations University (UNU)*; dan
- (xxvi) *World Food Council (WFC)*.

Sementara di bawah Majlis Keselamatannya terdapat organ:

- (i) *United Nations Disengagement Observer Force (UNDOF)*;
- (ii) *United Nations Peacekeeping Force in Cyprus (UNFICYP)*;
- (iii) *United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL)*;
- (iv) *United Nations Military Observer Group in India and Pakistan (UNMOGIP)*; dan
- (v) *United Nations Truce Supervision Organization (UNTSO)*.

Persoalannya ialah jika ia tidak tertakluk di bawah akta ini, di manakah peruntukan bagi agensi ini? Apakah undang-undang *local* atau undang-undang antarabangsa yang terima pakai jika ASEAN dijadikan contoh, di manakah undang-undangnya jika ia bukanlah agensi khusus seperti di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu dan pada masa yang sama tidak pula tertakluk di bawah undang-undang ASEAN misalnya jika ada.

Menyentuh mengenai kekebalan dokumen, ini perlulah diberikan perhatian khusus dalam era teknologi moden. Tidak mustahil kekebalan dokumen ini digunakan untuk tujuan *terrorisme*. Kita tidak dapat atau pihak berkuasa mungkin gagal memastikan siapa dan bagaimana sel *terrorisme* akan *flourish undetected* kerana dokumen dari badan atau organ ini tidak dapat disemak kerana kekebalan yang diberikan di bawah pindaan undang-undang ini.

Ia mungkin jadi *the last bastion for terrorists* untuk menyampaikan maklumat melalui *syndicated people of their group camouflaged within the wall of the United Nations building or UN organ*, dengan izin.

Sejauh manakah dokumen yang diberikan kekebalan ini benar-benar untuk tujuan *for the betterment of mankind* dengan izin. Mungkin ia juga merupakan satu skema penjajahan dalam bentuk senyap ke atas sesebuah negara. Jikalau tidak, sudah tentu kita tidak mengenali apa itu *Cold War*. Satu perkara yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai perkataan, "ketua utusan" yang dipinda kepada "ejen diplomatik". Walau apa pun nama yang diberikan adalah penting untuk memastikan status dan pekerjaan yang dilakukan ejen-ejen diplomatik jika terlibat dengan jenayah misalnya membunuh ataupun merogol. Ejen tersebut akan berdepan dengan undang-undang negara di mana perlakuan salah itu dilakukan.

Persoalannya ialah terdapat negara walaupun menjadi ahli kepada Bangsa-bangsa Bersatu tidak mahu rakyatnya yang terlibat dengan jenayah di negara orang dihadapkan di mahkamah tempatan tetapi mesti dibawa balik ke negara asal. Itu jika kedua negara tersebut ada perjanjian ekstradisi maka ia boleh dilakukan. Apa kata jika negara tersebut tidak menandatangani perjanjian ekstradisi. Ini mungkin menimbulkan suatu suasana yang tidak baik untuk hubungan dua hala dan tidak mustahil memungkinkannya putusannya hubungan diplomatik.

■1200

Sebagai contoh, Amerika tidak bersetuju sangat dengan *International Criminal Court* (ICC), *Rome Statue* dan pernah mengutarakan syarat jika rakyatnya tidak dipulangkan ke Amerika untuk diadili, Amerika sanggup menggunakan cara *military* untuk mendapatkan rakyatnya balik ke negaranya. Saya ingin berkongsi satu senario di Dewan ini. Peristiwa ini merujuk kepada betapa *fragile* nya hubungan diplomatik di antara dua negara disebabkan peruntukan sama ada orang itu *enjoy diplomatic immunity* dengan izin. Pakistan akan mensabitkan kesalahan Raymond Davis sebagai pembunuh, sementara Amerika berkira-kira untuk mendapatkan kekebalan.

Raymond Davis ini adalah agen Amerika di Pakistan, dia membunuh dua orang penceroboh di rumahnya dan Amerika *insist that* Raymond Davis ini dibawa balik ke Amerika. Akan tetapi Pakistan hendak dia ini diadili di negara Pakistan. Jadi, ini membuatkan dua negara ini tidak berapa seronok.

Persoalan yang timbul dari peristiwa ini adalah apakah sebenarnya kehadiran agen *administrative and technical staff* Amerika di Pakistan dan sejauh manakah penggunaan akta sedemikian, *prejudicial* kepada sesebuah negara? Oleh itu saya menyokong penambahbaikan kepada undang-undang ini tetapi kerajaan perlu lebih memperhalus peruntukan atau pindaan undang-undang supaya negara ini tidak menjadi pusat kepada satu permasalahan baru yang timbul dari tindak tanduk di peringkat antarabangsa. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar.

12.02 tgh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap di peringkat dasar. Pertama, saya tertarik dengan suatu isu baru-baru ini, di mana Pope Benedict ke-16 dari *Vatican City*. *Vatican City* merupakan satu-satunya negara bukan anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memiliki status pemerhati tetap di badan dunia itu. *Vatican City* bukan sebuah negara tetapi diisytiharkan demikian oleh diktator Itali, Benito Mussolini.

Soalan saya, kepada Kementerian Luar Negeri, adakah Pope ini ditakrifkan sebagai ketua negara? Jika ya, apa sebab dan kalau bukan, apa sebabnya? Kedua, mengapa Pope harus memiliki kekebalan atau keistimewaan di PBB, sedangkan ada pemimpin-pemimpin agama lain yang mempunyai hak yang serupa. Contoh, Imam Besar Islam Masjid al-Haram Makkah di Saudi Arabia. Malah pemimpin spiritual Dalai Lama daripada Tibet juga tidak memiliki keistimewaan ini atau pemimpin-pemimpin agama lain juga tidak mempunyai keistimewaan serupa. Jadi, saya mohon jawapan.

Kedua, saya merujuk kepada seksyen 7 – barangan dikecualikan dari cukai. Pohon penjelasan lanjut dari senarai barang ini, adakah termasuk senjata api yang berbahaya dan barang-barang yang lain termasuk barang-barang yang sensitif. Soalan saya juga, layak kah pekerja PBB mendapatkan senjata api bagi kegunaan peribadi? Juga isu pemindahan dana emas dan mata wangnya dari satu negara ke satu negara.

Soalan saya, saya terpanggil untuk membangkitkan di sini kerana peraturan ini nampak longgar sedikit walaupun pada keseluruhan bagus. Saya khawatir berlaku aktiviti tidak sihat seperti pengubahan wang haram, penyeludupan wang asing dan perdagangan wang masa hadapan dalam jumlah yang banyak, yang bakal mengakibatkan negara kita mengalami kerugian disebabkan oleh *future trading*.

Saya hendak tanya juga mengapa Malaysia dijauhi oleh sebarang konvensyen milik PBB seperti yang ada berhubung kait dengan UNESCO, UNICEF, WTO dan lain-lain. Mengapa mereka lebih suka ke negara jiran seperti Thailand, Singapura, Indonesia atau negara-negara jiran lain. Adakah kerana tidak ada kekebalan? Jikalau tidak ada kekebalan, saya sokong akta ini terutama tambahan pada seksyen 7 dan seksyen 8.

Saya juga ingin menyentuh seksyen 13 perkara 5 – isu wakil anggota. Saya ingin menyentuh isu ini di mana suami isteri dan famili wakil PBB turut menikmati keistimewaan dari sekatan imigresen, pendaftaran dan obligasi kediaman negara dalam negara yang dilawati oleh mereka. Soalan saya, saya mohon makluman tambahan dalam isu ini kerana saya khuatir keistimewaan ini dicabuli dan dinodai. Maka saya pohon agar pihak berkuasa di pintu-pintu masuk memberi sedikit keprihatinan walau keistimewaan dinikmati oleh golongan ini.

Kita berharap kepada perubahan Akta Organisasi Antarabangsa negara kita turut berubah dan akan menjadi medan baru bagi PBB melakukan sebarang konvensyen, mesyuarat, pertemuan persidangan pada masa-masa akan datang. Saya hendak tanya bila saya sebut begini, adakah rang undang-undang ini tidak melibatkan sebarang perundangan negara kita dan tidak terlibat kepada badan-badan komersial? Jika benar, apakah implikasi baik dan implikasi buruknya?

■1210

Saya juga hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkannya tadi. Pertama, mengenai jalan penyelesaian. Kalau sekiranya agen-agen diplomatik tersebut menyalahgunakan keistimewaan diplomatik yang diberikan dan kekebalan yang diberikan, apakah tindakan atau hukuman yang akan dikenakan? Itu pertama.

Kedua, saya hendak tanya juga peranan dan tindakan pihak Kementerian Luar Negeri untuk mengawal organisasi antarabangsa dan agensi-agensi khusus semasa menjalankan urusan rasmi di dalam negara.

Ketiga saya hendak tanya lagi, apakah dengan tidak adanya kekebalan dan keistimewaan, PBB dan agensi khusus boleh merugikan negara? Ini kerana saya difahamkan akta ini pada mulanya dikenakan kepada negara kita semenjak 1922. Kenapa sekarang baru dikenakan? Kenapa mengambil masa begitu lama sehingga seorang Menteri Luar Negara berada dalam satu sidang pada tahun 2007 tidak silap saya, baru terbuka hati, terbuka minda untuk adakan satu akta yang baru.

Juga saya hendak tanya, adakah agensi-agensi khusus yang disertakan dalam rang undang-undang ini akan dibuat bilamana akta ini diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong dan digazetkan. Contoh agensi khusus:

- (i) Pertubuhan Buruh Antarabangsa;
- (ii) Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB;
- (iii) Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu;

- (iv) Pertubuhan Penerbangan Am Antarabangsa;
- (v) Tabung Kewangan Antarabangsa;
- (vi) Bank Antarabangsa untuk pemulihan dan pembangunan;
- (vii) Pertubuhan Kesihatan Sedunia;
- (viii) Kesatuan Pos Sedunia;
- (ix) Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa; dan
- (x) apa yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Ng - termasuk Palestin dan lain-lain.

Saya hendak syorkan, mungkin tidak masuk akal, tidak ada masa, tidak ada ruang, tidak ada peluang kalau kita hendak tubuh semua pertubuhan agensi khusus. Syor saya ialah supaya Kementerian Luar Negeri bila akta ini diluluskan, kita tidak boleh relaks, tidak boleh peluk tubuh.

Buktikan kepada rakyat Malaysia, kepada negara iaitu pertubuhan-pertubuhan agensi khusus boleh masuk di Malaysia. Saya hendak syorkan beberapa agensi khusus. Pertama, yang penting ialah makanan dan pertanian. Kedua, pelajaran, sains dan kebudayaan. Ketiga, kesihatan sedunia. Itu tiga, saya hendak minta didahulukan.

Saya syorkan supaya banyak persidangan, banyak pertemuan dibuat di Malaysia. Akan tetapi hati-hati, dibuat di Malaysia bila akta ini diluluskan. Selain itu saya hendak syorkan juga supaya taklimat penerangan diberikan kepada rakyat Malaysia terutama pemimpin-pemimpin, ahli-ahli politik termasuk Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, ADUN-ADUN di seluruh negara. Ini kerana akta ini agak sukar difahami. Kedua, ia melibatkan satu pembaharuan untuk kita berhubung kait dengan global dalam konteks antarabangsa. Jadi, saya syorkan supaya disegerakan taklimat, penerangan dan sebagainya bila akta ini diluluskan.

Akhirnya, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Kementerian Luar Negeri yang telah membawa akta ini untuk disokong. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dr. Malasingam.

12.16 tgh.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya turut serta dalam perbincangan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992.

Isu peringkat dasar, isu wakil tetap Malaysia membida kerusi di PBB. Saya difahamkan wakil tetap Malaysia yang baru ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York akan berusaha mendapatkan kerusi tidak tetap bagi Malaysia dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pembidaan ini juga termasuk pembida jawatan dalam Jawatankuasa Ketiga Perhimpunan Agung PBB yang bertembung pada isu sosial kemanusiaan dan kebudayaan termasuk isu hak asasi manusia.

Jawatankuasa Ketiga juga membincangkan isu kemajuan wanita, perlindungan kanak-kanak, isu peribumi, isu pelarian, penggalakan kebebasan menerusi penghapusan diskriminasi perkauman dan bangsa dan hak penentuan nasib sendiri.

Saya difahamkan Malaysia berminat dengan Jawatankuasa Ketiga kerana secara kebetulan merupakan satu daripada beberapa negara ASEAN yang mempunyai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang menumpukan pada isu-isu hak asasi manusia. Persoalan ialah apakah status dan *progress* setakat ini, berjaya kah kita membida?

Isu di peringkat Jawatankuasa, seksyen 5B - Kebebasan PBB memindahkan wang ke mana-mana akaun negara. Cadangan ialah harapan saya agar keistimewaan ini tidak disalahgunakan. Kita tidak mahu ada yang menjadi mangsa penyeludupan dan pengubahan wang haram di bawah nama PBB yang disalahgunakan yang bakal menjejaskan nama baik PBB sendiri. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

12.19 tgh.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini adalah sejajar dengan langkah kerajaan ke arah globalisasi khususnya untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan keistimewaan dan kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi khusus yang lainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 1 yang sebelum ini di dalam akta ibu hanya dinyatakan pertubuhan antarabangsa.

■ **1220**

Saya ingin menyentuh peruntukan dengan memasukkan selepas perenggan (b) dengan perenggan baru (c) dalam seksyen 3 subseksyen 1 iaitu yang mempunyai pejabat di Malaysia dan yang pada pendapat Yang Berhormat Menteri melaksanakan fungsi yang memberi manfaat pada Malaysia. Langkah ini adalah wajar sebagaimana pengiktirafan kepada mana-mana organisasi atau pertubuhan antara yang berniat jujur untuk membantu negara dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan dan pembangunan atau R&D inovasi pembangunan masyarakat dan sebagainya.

Begitu pun kerajaan hendaklah tegas bahawa penggunaan keistimewaan dan kekebalan ini sepatutnya adalah demi kepentingan organisasi antarabangsa dan bukan faedah peribadi individu sebagaimana ditetapkan dalam seksyen baru 8(a).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Perkara 5 iaitu yang mengatakan anggota pertubuhan yang mendapat keistimewaan dan kekebalan adalah seperti lampiran iaitu:

- (i) Pertubuhan Buruh Antarabangsa;
- (ii) Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu;

- (iii) Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa;
- (iv) Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan;
- (v) Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO);
- (vi) Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF;
- (vii) Bank Antarabangsa untuk pemulihan dan pembangunan;
- (viii) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO);
- (ix) Persatuan Telekomunikasi Antarabangsa;
- (x) Pertubuhan Pelarian Antarabangsa;
- (xi) Pertubuhan Meteorologi Sedunia; dan sebagainya.

Langkah kerajaan ini adalah wajar dan sesuai dengan konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah keistimewaan dan kekebalan yang dimasukkan di dalam akta ini termasuk juga bagi kesalahan jenayah dan salah laku? Kedua, sejauh manakah akta ini mampu menarik lebih banyak persidangan antarabangsa ke negara ini bagi mengangkat martabat negara di mata dunia?

Akhirnya, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sama ada pertubuhan antara bangsa lain seperti Pertubuhan Negara Islam (OIC), Persatuan Pengakap, Persatuan St. John, dan Persatuan Pandu Puteri Antarabangsa akan diberikan keistimewaan dan kekebalan mengikut akta ini? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan seterusnya Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit. Persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

12.23 tgh

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992. Saya mempunyai beberapa soalan untuk dikemukakan kepada pihak kementerian. Pertama, berapakah jumlah persatuan antarabangsa yang telah ada di Malaysia sebelum akta ini kita luluskan? Kedua, berapakah jumlah dan status orang warga asing yang telah mendapat kekebalan dan imuniti dalam negara kita sebelum akta ini diluluskan?

Seterusnya berkenaan dengan apakah dorongan atau pun faktor atau pun insentif yang belum kita ada tetapi telah dimiliki oleh pusat-pusat diplomasi sebagaimana yang ada di Geneva, Bangkok, Addis Ababa, New York, dan Rome yang telah pun menjadi pusat untuk badan antarabangsa ini berpusat. Adakah dengan kita meluluskan akta pada hari ini, ini bererti kita telah menemui semua ciri-ciri yang telah dipenuhi oleh pusat diplomasi tersebut yang perlu digubal atau diterima pakai di negara kita.

Seterusnya berkaitan dengan prasarana. Selain daripada akta ini, apakah prasarana-prasarana dan infrastruktur yang perlu disediakan oleh pihak kerajaan dalam menggalakkan pembukaan pejabat adapun organisasi antarabangsa di dalam negara kita? Begitu juga dengan polisi yang akan dipakai oleh kerajaan bila mana kita luluskan akta pada hari ini, adakah kita akan mewajibkan terdapat kuota-kuota tertentu di mana personel-personel atau pun pegawai-pegawai yang akan bertugas di mana-mana ibu pejabat antarabangsa dalam negara kita ini adalah terdiri daripada negara kita? Apakah lagi manfaat yang kita akan terima bila mana kita luluskan akta pada hari ini berkenaan dengan pertubuhan antarabangsa?

Begitu juga dengan status. Selain daripada organisasi yang disebutkan di bawah agensi khusus, adakah mereka yang ingin memohon untuk diiktiraf sebagai pihak yang berhak kepada imuniti dan kekebalan ini perlu memohon kepada pihak kerajaan dalam akta lain atau pun akta yang berkaitan?

Ini supaya mereka juga layak mendapat kekebalan sebagaimana yang di peruntukan di bawah akta ini. Begitu juga dengan status fiskal imuniti yang dibekalkan oleh pihak kerajaan berhubung dengan pihak organisasi antarabangsa terkini.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan berhubung dengan pertubuhan dari segi *regional* atau pun super nasional di negara kita yang telah pun diiktiraf. Adakah taraf di antara pekerja-pekerja yang bertugas di organisasi kebangsaan ini sama seperti diplomat dari segi fungsi dan juga kekebalan mereka. Kita juga hendak tanya kepada pihak kerajaan berapakah lagi perjanjian atau pun akta yang perlu kita pinda bagi memastikan keistimewaan yang diperlukan pada hari ini dapat dilaksanakan kerana kita faham, bahawa kesemua kekebalan dan keistimewaan ini harus datang dengan teliti mesti ada sama ada *multi lateral* atau pun *bilateral* atau pun diterima melalui konvensyen atau pun apa-apa yang diberikan khusus kepadanya. *That is why* dalam konteks ini kita lihat ada negara-negara yang hanya *adopt* atau pun terima sebagaimana daripada konvensyen yang telah pun ditetapkan oleh ILC tetapi ada juga yang tidak terima.

Dalam konteks negara kita, berapa banyak lagi konvensyen atau pun perjanjian yang perlu kita tanda tangani bila mana kita meluluskan akta pada hari ini. Begitu juga dengan kedudukan undang-undang yang kita luluskan pada hari ini tentang staf *ad hoc* dan staf tetap. Di peringkat antarabangsa ini mereka akan mempunyai pegawai-pegawai tetap dan pegawai-pegawai *ad hoc*. Adakah pegawai-pegawai *ad hoc* juga akan menikmati keseluruhan kekebalan dan keistimewaan sebagaimana yang diberikan kepada staf tetap? Adakah ianya juga diterima pakai kepada pegawai-pegawai yang bertugas di tempat tersebut tetapi berasal daripada negara kita? Adakah kita mempunyai kuasa untuk menyekat bilangan kakitangan yang akan datang dan berkhidmat di semua organisasi yang telah pun rakan-rakan saya tadi sebutkan. Jadi kita bimbang akan berlaku kebanjiran sebagaimana kita lihat yang berlaku di negara-negara lain dan adakah kita mampu untuk mengawal.

Begitu juga dengan bila mana kita sebut tentang organisasi seperti ini biasanya akan diberikan pengecualian cukai langsung. Akan tetapi ada masalah timbul di tempat-tempat lain seperti mereka mempunyai kesalahan-kesalahan dari segi tiket *parking* atau hutang sivil. Jadi dalam kes ini, adakah mereka akan dikecualikan had liabiliti sivil dan jenayah kerana ia boleh menjejaskan organisasi dan hubungan antara negara kita di peringkat antarabangsa? Apakah pula jaminan kerajaan kepada mana-mana institusi kewangan yang telah memberi hutang atau pun memberikan kad kredit kepada petugas-petugas ini kerana kalau diambil tindakan sivil atau pun jenayah dia akan ada masalah menjejaskan hubungan antarabangsa. Kalau tidak ambil tindakan. Ia menjejaskan institusi kewangan dalam negara kita.

Begitu juga adakah kita akan mewujudkan Jawatankuasa Arbitrator bila mana organisasi ini enggan melepaskan kekebalan mereka dan pertikaian tidak dapat kita selesaikan sebelum kita bawa kepada *International Court*.

Jadi maknanya sebelum kita bawa kepada pihak mahkamah adakah negara kita mempunyai Jawatankuasa Arbitrator untuk penyelesaian pertikaian sekiranya timbul pertikaian pada masa depan. Begitu juga dengan penglibatan *International Law Commission* dalam kita menggubal akta yang kita sebutkan pada hari ini. Adakah kita telah mendapat kelulusan atau pun kita telah mengambil kesemua cadangan yang telah dibekalkan oleh pihak *International Law Commission* berkenaan dengan akta pada hari ini?

Kita juga dimaklumkan bahawa semua negara dalam dunia dilarang daripada membida untuk menjadi lebih baik daripada negara-negara lain agar ia menjadi tumpuan organisasi antarabangsa. Jadi dalam konteks ini kalau kita dibenarkan untuk membida tetapi kita baru muncul, Bangkok sudah lama. Mungkin negara-negara lain sudah lama. Jadi dalam konteks ini bagaimana kita hendak pastikan bila kita luluskan pada hari ini kita akan dapat satu *attraction* atau pun satu daya tarik yang akan menyebabkan orang luar atau pun pihak-pihak yang tertentu akan datang ke negara kita.

Apakah lagi undang-undang diplomatik dalam negara yang harus dipinda selepas kita luluskan pindaan pada hari ini? Adakah ini akan bermakna kita akan membenarkan warga ataupun kerajaan haram Israel untuk datang berkhidmat dalam organisasi ini sekiranya mereka mempunyai atau pun ingin mendapatkan khidmat daripada pakar-pakar pertubuhan tersebut? Adakah ini akan menjejaskan pengiktirafan atau pun tanpa pengiktirafan kita kepada negara-negara yang saya sebutkan tadi? Jadi, kalau kita ada hubungan diplomatik dengan warga-warga ini, tiba-tiba organisasi ini buat hubungan. Jadi dalam konteks ini, adakah ia akan menjejaskan imej negara dari sudut pengiktirafan.

Dan yang terakhirnya, adakah kita juga mempunyai *liability* kewangan dalam budget pada masa akan datang sekiranya kita membenarkan keberadaan mereka di sini dan berapakah pula tanggungan kita yang telah pun kita tanggung sebelum ini bila mana kita hanya menempatkan kakitangan kita di tempat mereka sebagai *member states*.

■1230

Jadi, kalau kita tidak buat negara kita, kita kena hantar negara lain. Jadi, bila kita hantar ke negara lain, berapakah tanggungan kerajaan untuk semua badan antarabangsa yang telah kita anggotai sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan ada dua orang lagi. Yang pertama, Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit dan akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Puan Mariany binti Mohammad Yit.

12.30 tgh

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992.

Kekebalan dan keistimewaan diplomatik sudah lama diiktiraf sebagai satu kebiasaan yang tidak terbatas kepada duta, ketua perwakilan dan keluarganya yang tinggal bersamanya serta lain-lain petugas di bawahnya. Kekebalan ini termasuk harta, hak milik dan komunikasi dan para diplomat. Isu saya di peringkat jawatankuasa, seksyen 11, wakil anggota, diplomasi imuniti. Sejauh manakah *next of kin*, keluarga, mendapat perlindungan di bawah rang undang-undang ini.

Keduanya, adakah perlindungan diberi kepada kes-kes jenayah dari rang undang-undang yang dibentangkan, bidang kuasa sejagat iaitu satu konsep dalam undang-undang antarabangsa membolehkan hakim mengeluarkan waran tangkap terhadap hampir semua pelawat yang dituduh terlibat dalam jenayah berat tidak kira di mana mereka tinggal.

Saya ingin mengambil satu contoh yang berlaku di Singapura iaitu kes yang berlaku pada 2009 yang dilakukan oleh Silviu Ionescu, Duta Romania seorang Diplomat Romania di Singapura yang telah didakwa menyebabkan kematian ekoran satu kejadian langgar lari di Singapura dan mangsanya ialah warganegara Malaysia yang berumur 30 tahun iaitu Tong Kok Wai. Diplomat itu menafikan bertanggungjawab dalam insiden berkenaan dan terus melarikan diri ke Romania. Kerajaan Singapura telah meneruskan dakwaan terhadap Ionescu ini, duta ini tetapi hingga kini tidak berjaya bawa balik duta ini, Silviu Ionescu balik kepada Singapura untuk menjawab dakwaan-dakwaannya. Kerajaan Romania menyatakan bawah tidak ada perjanjian ekstradisi antara Romania dan Singapura. Jadi, duta itu tidak dibawa pulang ke Singapura untuk menjawab tuduhan.

Walau bagaimanapun, di atas desakan kerajaan Singapura, duta ini telah didakwa juga di Romania di atas tuduhan *homicide*, langgar lari dan memberi maklumat palsu. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum berkesudahan lagi kesnya. Mungkin daripada kes ini wakil diplomat boleh mengambil iktibar iaitu kes jenayah akan tetap diadili walaupun berstatus diplomat.

Kerajaan mengambil iktibar dari isu ini di mana jelas *diplomatic immunity* disalahgunakan. Di sini saya ingin bertanya, apakah perlu ada perjanjian lain iaitu perjanjian ekstradisi antara negara-negara yang membuka kedutaan di negara kita supaya apa jua kesalahan dapat diadili di dalam negara kita dan apakah tindakan kita sekiranya perkara ini berlaku di Malaysia.

Satu lagi ialah perkara tiga, keistimewaan berkomunikasi. Sebarang bentuk komunikasi seperti surat, telegram, faks, telefoto, telefon, e-mel, semuanya terlepas dari pemantauan negara tuan rumah. Soalan saya ialah, kita mungkin terlepas pandang aktiviti jahat penggadam yang mungkin menggadam *website* PBB. Jika golongan ini berani menggadam laman web CIA di US dan laman web kerajaan serta kementerian di negara kita, apa jaminan yang mereka tidak akan menggadam laman web PBB pula?

Di dalam dunia globalisasi hari ini, segala-galanya berkemungkinan di mana keistimewaan ini boleh dimanipulasikan oleh golongan berkepentingan peribadi yang boleh memudaratkan keselamatan negara kita. Tiadakah langsung sekatan dalam hal ini. Harapan saya ialah kita tidak mahu segala rahsia dan anasir menyeludup masuk ke negara kita mengguna saluran ini. Keharmonian dan ketenteraman negara ini hendaklah diutamakan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof dan akhir sekali, saya terima nota iaitu Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan kalau boleh cuba ringkaskan perbahasan itu yang mana belum sahaja disentuh oleh mana-mana sahaja rakan-rakan yang bercakap sebentar tadi. Silakan Yang Berhormat.

12.35 tgh

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk ikut serta bersama-sama rakan-rakan yang lain bagi membahaskan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2001 sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Keistimewaan dan kekebalan sememangnya telah diperuntukkan dalam Konvensyen Mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1946 dan juga Konvensyen Mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Agensi Khusus 1947 yang telah kita sertai di kedua-dua konvensyen tanpa sebarang syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam semasa pembentangan.

Dalam perbahasan ringkas saya Tuan Yang di-Pertua, kita akur pada konvensyen-konvensyen yang disertai oleh negara kita dan juga akur sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia sememangnya mempunyai peranan yang perlu dimainkan di pentas antarabangsa. Akta yang dibentangkan ini dilihat akan menyentuh tentang kedaulatan undang-undang negara ini sendiri.

Pada masa yang sama kita mahu menjadi sebahagian daripada masyarakat antarabangsa. Kita juga perlu mempertahankan maruah negara ini. Pada asas yang dikemukakan pada akta ini, kita dapati bahawa agen antarabangsa ataupun organisasi antarabangsa dari Pertubuhan-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta pegawai-pegawai yang dinamakan oleh Yang Berhormat Menteri sebagai agensi antarabangsa tersebut dan jika kita kaji seksyen-seksyen yang tersebut dalam akta ini kita dapati bahawa kekebalan mahupun imuniti ini begitu besar dan luas sekali.

Kita melihat imuniti ini dari sudut perundangan, dari sudut harta anggota-anggota diplomatik yang datang bertugas di sini mahupun melibatkan imuniti dari sudut kebebasan bersuara. Dalam kita mahu memberi kebebasan bersuara kepada organisasi antarabangsa tetapi malangnya kepada rakyat ini sendiri kebebasan itu dilihat dalam perspektif yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut sekali lagi bahawa kita telah memberi kebebasan imuniti yang besar pada masyarakat antarabangsa yang hadir di negara kita. Baik dari segi kebebasan bersuara, peribadi, harta, hingga ada dalam akta ini bahawa mereka ini tidak boleh tertakluk kepada undang-undang negara yang ada kerana mereka mempunyai imuniti dan sudah tentulah sebagai rakyat negara ini merasai satu kebimbangan tentang hal ini dan apakah jaminan bahawa keistimewaan dan kekebalan yang diberikan ini tidak disalah gunakan.

Akta ini juga jika diteliti dengan lebih mendalam, boleh dianggap bahaya juga kerana boleh berlaku usaha-usaha subversif atau kegiatan politik yang menyalahgunakan imuniti ini. Berupaya untuk menjejaskan keselamatan negara kita. Jadi, kita ingin melihat sejauh manakah akta ini mampu untuk menjadi ianya tidak mendedahkan kepada kegiatan-kegiatan subversif ini atas nama keistimewaan dan kekebalan. Saya ingin menyebut satu contoh yang pernah berlaku di Indonesia satu ketika dahulu, kes yang melibatkan atase tentera Soviet Union yang didapati bersalah kerana bertukar-tukar maklumat tentang rahsia ketenteraan tetapi tidak boleh didakwa kerana mempunyai imuniti. Saya pohon agar pihak kementerian dapat melihat tentang perkara ini. Saya ingin mengulangi dalam kita mahu menyertai masyarakat antarabangsa tetapi pada masa yang sama tidak mahu menggadaikan maruah atas dasar imuniti.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang kredibiliti Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri. Kita tidak menyatakan segala yang dilakukan oleh PBB itu betul. Banyak juga kesalahannya, kelemahannya serta pencabulan yang dilakukan. Dalam kita berlumba untuk menarik perhatian dunia, jangan kita lupa tentang kelemahan oleh PBB, apa yang telah berlaku pada tahun 2004-2005 tentang salah pengurusan dan amalan korupsi dalam program minyak untuk makanan di Iraq, *oil for food*, dengan izin, telah mengakibatkan seruan masyarakat antarabangsa meminta PBB melaksanakan *reform* dalam organisasi itu sendiri.

■1240

Satu rancangan reform yang rasmi telah dimulakan oleh Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu masa itu Koffi Annan pada tahun 1997 termasuklah penukaran keahlian tetap untuk Majlis Keselamatan yang menjadi birokrasi agar menjadi birokrasi itu lebih *streamline*, bertanggungjawab, cekap dan menjadikan lebih demokratik. Akan tetapi ternyata banyak kelemahan yang masih wujud dan perlu ditangani. Kita juga harus mengetahui banyak negara khususnya Israel yang disokong oleh banyak kuasa besar menentang yang memerlukannya menghapuskan penempatan-penempatan di Tebing Barat Gaza.

Kegagalan ini berpunca antaranya adalah daripada peranan PBB itu sendiri yang dirasakan tidak begitu komited, konsisten dan kerap dipengaruhi kuasa-kuasa besar dan tidak bebas seperti yang diharapkan. Tuan Yang di-Pertua akhirnya dalam kita mahukan suara serta pandangan kita didengar di peringkat antarabangsa, kita perlulah mempunyai kredibiliti atau rekod yang baik khususnya dalam menghormati hak-hak asasi rakyat barulah kita boleh mengkritik sebaik mungkin dan bebas.

Jangan kita pejam mata dengan segala tindakan yang bertentangan dengan amalan hak asasi yang baik sementara menumpukan perhatian kepada keistimewaan dan kepada imuniti kepada agensi antarabangsa pihak luar sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

12.41 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memberi pandangan ringkas mengenai rang undang-undang ini. Saya dengan segala hormat dan segala senang hati menyokong rang undang-undang ini. Saya tidak bermaksud untuk mengulang apa yang telah dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Cuma satu atau dua perkara kecil yang saya tanyakan. Satu, adakah kerajaan menyimpan rekod tentang tindakan-tindakan penyalahgunaan keistimewaan ini yang telah diberikan pada masa lalu. Kalau memang ada tindakan penyalahgunaan di masa lalu – perlakuan di masa lalu, apakah tindakan yang telah diambil. Itu satu.

Kemudian saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah berjaga-jaga atau dengan izin, *precautionary measures* yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa keistimewaan ini tidak disalahgunakan, umpamanya memberi perlindungan atau menjadi saluran tersembunyi kepada kegiatan-kegiatan jenayah atau kegiatan-kegiatan yang merugikan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setelah mendengar perbincangan daripada lapan orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.43 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang Kementerian Luar Negeri pada pagi ini. Saya akan cuba menjawab kesemua soalan yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng iaitu berkaitan dengan takrif agensi khusus. Berkenaan takrif agensi khusus ini ia ditakrifkan sebagai seperti yang terdapat dalam seksyen 1, Jadual Kelapan di mana dalam agensi-agensi khusus adalah termasuk seperti ILO, FAO, UNESCO, ICAO, IMF, WHO, UPO dan ITU.

PBB juga termasuklah organ subsidiari dan organ prinsipal PBB. Organ subsidiari PBB adalah termasuk Perhimpunan Agung, Majlis Keselamatan, Majlis Ekonomi dan Sosial, ICJ dan sebagainya. Organ prinsipal PBB merujuk kepada agensi-agensi seperti UNDP, WFP, UNU dan lain-lain.

Bagi agensi-agensi lain yang tidak termasuk dalam takrif PBB dan agensi khusus memang akan melalui peraturan-peraturan mengisytiharkan sesuatu organisasi sebagai organisasi antarabangsa dan memberi keistimewaan dan kekebalan seperti yang diperuntukkan dalam Akta 485.

Menyentuh soalan yang seterusnya iaitu mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya mana-mana pegawai organisasi antarabangsa melakukan kesalahan jenayah di Malaysia, sememangnya akta ini memberikan kekebalan daripada penangkapan atau penahanan kepada pegawai tinggi dan pegawai sesuatu organisasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, Akta 485 dan rang undang-undang ini mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk mengawal kekebalan ini dan memastikan bahawa individu yang melakukan kesalahan jenayah boleh diambil tindakan menurut undang-undang Malaysia.

Seksyen baru 8A memperuntukkan bahawa kekebalan yang diberikan adalah demi kepentingan organisasi antarabangsa dan bukan bagi faedah peribadi individu. Seterusnya Akta 485 yang sedia ada memperuntukkan perkara yang sama di mana kedua-dua konvensyen mengenai keistimewaan dan kekebalan PBB dan agensi khusus yang dilampirkan dalam Jadual Ketujuh dan Jadual Kelapan memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab semua orang untuk menikmati keistimewaan dan kekebalan untuk menghormati undang-undang negara penerima.

Mereka yang mempunyai tanggungjawab untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara tersebut. Sekiranya mana-mana pegawai organisasi antarabangsa melakukan kesalahan jenayah di Malaysia, seksyen 8A(2) rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa pihak berkenaan bagi organisasi antarabangsa tersebut mempunyai kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pegawai.

Ini sekiranya mana-mana kekebalan itu menghalang proses keadilan. Setelah kekebalan itu diketepikan maka individu tersebut boleh diambil tindakan menurut undang-undang negara Malaysia.

Selain daripada itu Menteri juga boleh melalui peraturan-peraturan menarik balik semua ataupun mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinikmati oleh wakil-wakil atau anggota kakitangan rasmi organisasi antarabangsa tersebut dan selepas itu tindakan menurut undang-undang Malaysia boleh diambil. Dengan itu adalah jelas bahawa rang undang-undang ini dan Akta 485 walaupun memberikan kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri, tetapi ia juga memperuntukkan langkah-langkah yang boleh diambil sekiranya seseorang itu melanggar undang-undang Malaysia.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar, iaitu dari segi sejarah, Pope atau Holy See telah lama memainkan peranan sebagai sebuah pusat kerajaan agama Kristian Katolik, sebagai ketua negara ataupun *head of state*.

Ia diberi taraf oleh negara berdaulat yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa yang mempunyai status pemerhati di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Holy See juga diberi taraf sebagai ahli kepada beberapa organisasi-organisasi antarabangsa seperti *International Atomic Energy Agency (IAEA)*, *International Telecommunication Union*, *Organization for Security and Cooperation In Europe*, *Organization for the Prohibition of Chemical Weapons*, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*, and *The World Trade Organization (WTO)*.

Tuan Yang di-Pertua, kedutaan Vatican di negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan serta duta-duta yang lebih dikenali sebagai *nuncio* mendapat kekebalan dan keistimewaan di bawah *Vienna Convention Diplomatic Relation 1961*. Walau bagaimanapun, erkara ini tidak relevan kepada konteks Akta 485. Dalam konteks PBB, keistimewaan dan kekebalan di bawah Akta 485 bukan kepada negara pihak PBB tetapi kepada organ prinsipal seperti perhimpunan Agung Majlis Keselamatan, Majlis Ekonomi dan Sosial serta organ subsidiari PBB seperti UNDP dan UNICEF.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga membolehkan agensi PBB dan agensi khusus membuka ibu pejabat atau mengadakan persidangan antarabangsa di Malaysia di mana antara syarat yang dikenakan adalah mereka harus diberikan keistimewaan dan kekebalan di bawah konvensyen mereka. Dengan adanya pejabat PBB di sini, ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan memperkembangkan kegiatan ekonomi dengan adanya golongan yang lebih besar di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang rakyat Israel datang ke Malaysia untuk menyertai organisasi antarabangsa, kemasukan mana-mana orang ke negara ini adalah dikawal oleh undang-undang negara dan Imigresen Malaysia. Oleh itu, pihak Imigresen boleh mengawal kemasukan mana-mana orang ke dalam negara ini. Tambahan lagi, dalam Jadual Ketujuh dan Kelapan, pihak PBB dan agensi khusus mempunyai kewajipan untuk memanjangkan nama-nama pegawai mereka yang akan dihantar ke Malaysia lebih awal. Oleh itu, Malaysia berhak untuk meneliti dan menolak sesiapa sahaja yang dirasakan tidak sesuai untuk dibenarkan memasuki negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan yang diperuntukkan dalam Akta 485 dan rang undang-undang ini mengelakkan penyalahgunaan keistimewaan dan kekebalan, pihak kerajaan sentiasa peka kepada kemungkinan berlakunya penyalahgunaan kekebalan yang diberikan di bawah Akta 485. Oleh itu, Akta 485 dan juga rang undang-undang ini memperuntukkan pelbagai kawalan atau *check and balance* bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kekebalan serta tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan.

Seksyen baru 8A menyatakan dengan jelas bahawa kekebalan dan keistimewaan yang diberikan di bawah akta ini diberikan bagi kepentingan organisasi antarabangsa dan bukan bagi faedah peribadi individu. Ini juga memperuntukkan bahawa pihak berkuasa organisasi antarabangsa berkenaan hendaklah mempunyai kewajipan dan hak untuk mengetepikan keistimewaan dan kekebalan mana-mana wakil.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kebebasan bersuara, kerajaan sentiasa memberikan kebebasan bersuara kepada rakyat negara ini. Kebebasan bersuara ini di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis yang lain dengan syarat kebebasan bersuara ini digunakan dengan bertanggungjawab dan tidak menyalahi undang-undang negara. Bagi anggota PBB dan agensi khusus, walaupun mereka berhak kepada kebebasan bersuara, mereka juga mempunyai kewajipan untuk menghormati undang-undang Malaysia. Mereka tidak boleh menyalahgunakan kebebasan mereka dan mereka tidak boleh melanggar undang-undang dan bertentangan dengan undang-undang negara kita.

Jika ia disalahgunakan, maka keistimewaan dan kekebalan ini boleh dikecualikan oleh pihak berkuasa organisasi tersebut agar tindakan undang-undang negara dapat diambil terhadap mereka. Menteri juga boleh membatalkan keistimewaan dan kekebalan yang diberikan oleh beliau melalui peraturan-peraturan yang dikeluarkan di bawah Akta 485 dan membolehkan tindakan diambil melalui undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang kah lagi?

Tuan A. Kohillan Pillay a/l G. Appu: Lagi tiga lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, oleh kerana jam menunjukkan tepat pukul 1.00 petang, kita tangguhkan dahulu, dan Yang Berhormat boleh sambung bila kita mula pada 2.30 petang nanti.

Tuan A. Kohillan Pillay a/l G. Appu: Satu, dua sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Pukul 2.30 petang Yang Berhormat. Kalau begitu, agaknya jam tepat kita berhenti dahulu, Yang Berhormat sambung kemudian. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana jam telah menunjukkan tepat jam 1 petang, kita tangguhkan mesyuarat kita buat seketika dan kita sambung semula pada jam 2.30 petang nanti. Sekian, terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sambung menjawab ya.

2.34 ptg.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar, adakah Malaysia berjaya dalam bidangnya di Jawatankuasa Ketiga Perhimpunan Agung PBB dan ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi tempoh tahun 2015?

Sebenarnya, Malaysia telah berjaya dalam bidangnya untuk dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Ketiga sesi ke-66 Perhimpunan Agung PBB. Pelantikan tersebut adalah pada 22 Jun 2011. Malaysia kini sedang aktif dalam memperoleh sokongan daripada negara-negara anggota PBB bagi bidangnya sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman sama ada pemberian kekebalan dan keistimewaan yang diberikan akan merugikan negara. Pihak kerajaan berpendapat bahawa pemberian keistimewaan kepada organisasi antarabangsa PBB dan agensi khusus hak ini tidak akan merugikan negara sebaliknya ia akan membawa manfaat yang amat positif kepada negara kita. Dengan pemberian keistimewaan dan kekebalan ini lebih banyak organisasi antarabangsa, agensi PBB dan agensi khusus akan cenderung untuk menganjurkan persidangan-persidangan antarabangsa di Malaysia. Ia juga akan membuka ruang kepada PBB dan agensi khusus untuk menempatkan pejabat-pejabat projek khusus PBB dan agensi khusus di Malaysia. Keadaan ini akan menaikkan imej Malaysia di persada antarabangsa. Ia juga boleh membawa manfaat kepada Malaysia dari segi menyumbang kepada kegiatan ekonomi negara.

Selain daripada itu, ia juga membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Tambahan lagi, Malaysia juga akan melaksanakan obligasi negara sebagai pihak kepada kedua-dua konvensyen mengenai keistimewaan dan kekebalan PBB dan agensi khusus dengan memberikan keistimewaan dan kekebalan kepada kedua-dua pihak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, mengapakah Malaysia dijauhi oleh sesetengah organisasi antarabangsa. Di Malaysia, PBB ia telah menubuhkan beberapa cawangan pejabat bagi beberapa agensi-agensi antaranya ialah seperti berikut:

- (i) *United Nations Development Programme (UNDP)*;
- (ii) *United Nations Population Fund (UNFPA)*;
- (iii) *United Nations Children's Fund (UNICEF)*;
- (iv) *United Nations High Commissioner of Refugees (UNHCR)*;
- (v) *World Health Organization (WHO)*; dan
- (vi) *World Food Programme (WFP)*

Jadi oleh itu, adalah tidak benar pihak PBB menjauhi Malaysia. Dengan pindaan kepada akta ini juga adalah dijangka lebih banyak pertubuhan antarabangsa akan mengadakan persidangan-persidangan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus iaitu berkenaan rekod yang disimpan oleh Kementerian Luar Negeri berkenaan dengan penyalahgunaan kekebalan oleh organisasi antarabangsa ini. Setakat ini, kementerian tidak mempunyai sebarang rekod atau aduan berkenaan penyalahgunaan, keistimewaan atau kekebalan oleh agensi-agensi antarabangsa di bawah Akta 485. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan sentiasa memantau penggunaan keistimewaan dan kekebalan bagi memastikan tidak ada penyalahgunaan keistimewaan dan kekebalan. Oleh itu, pihak yang menikmati keistimewaan dan kekebalan ini perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya sekiranya berlaku penyalahgunaan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz, sekiranya sesuatu organisasi atau pihak ingin mendapatkan keistimewaan dan kekebalan adakah organisasi tersebut atau pihak tersebut harus memohon keistimewaan dan kekebalan ini – memohon di bawah akta ini atau akta yang lain? Pada masa sekarang, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri melalui seksyen tersebut boleh mengisytiharkan sesuatu organisasi sebagai organisasi antarabangsa di bawah Akta 485 dengan syarat organisasi tersebut dianggotai oleh Malaysia dan sekurang-kurangnya sebuah lagi negara atau dianggotai oleh orang yang mewakili Malaysia dan sekurang-kurangnya seorang lagi yang mewakili sesebuah negara lain.

Ini bermakna sesebuah organisasi harus memohon untuk mengisytiharkan sebagai organisasi antarabangsa dahulu di bawah Akta 485 dan seterusnya organisasi tersebut layak mendapat keistimewaan dan kekebalan di bawah Akta 485.

Menyentuh soalan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat, adakah staf *ad hoc* mendapat kesemua keistimewaan dan kekebalan? Kekebalan dan keistimewaan yang diberikan kepada sesuatu organisasi adalah seperti diperuntukkan dalam Akta 485. Terdapat lima pihak yang boleh mendapat keistimewaan di bawah Akta 485 iaitu pegawai dari pegawai tinggi organisasi antarabangsa berhak mendapat keistimewaan dan kekebalan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua dan Jadual Keempat Akta 485. Bagi staf *ad hoc* yang mungkin tergolong sebagai orang yang ditauliahkan untuk menghadiri persidangan antarabangsa bagi pihak organisasi antarabangsa dan orang yang menjalankan misi bagi pihak organisasi antarabangsa, mereka adalah diberi keistimewaan dan kekebalan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga dan Jadual Kelima, Akta 485.

Bagi kategori ini, mereka hanya menikmati keistimewaan dan kekebalan yang terhad dan bukannya semua keistimewaan dan kekebalan di bawah Akta 485 yang dinikmati oleh pegawai tinggi atau pegawai sesuatu organisasi antarabangsa. Menyentuh tentang kes Raymond Davis yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng, kes ini sebenarnya tiada sangkut-paut dengan kekebalan dan keistimewaan di bawah Akta 485. Keistimewaan yang dipohon oleh pihak Amerika bagi Raymond Davis adalah sebagai seorang diplomat di bawah *Vienna Convention 1961*. Akta 485 dan rang undang-undang ini bertujuan untuk memberikan keistimewaan dan kekebalan kepada organisasi antarabangsa dan pegawai-pegawai.

Menyentuh kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz iaitu senarai jumlah organisasi antarabangsa yang telah diisytiharkan di bawah Akta 485. Sehingga kini terdapat 14 buah organisasi yang telah diisytiharkan di bawah akta ini. Ini termasuk *Islamic Corporation for the Development of the Private Sector* atau *Privileges and Immunities Regulations 2002 P.U. 1992 and 2002*. Ini adalah satu contoh. Selain daripada itu ada juga *International Natural Rubber Organization, Privileges and Immunities Regulations 2001 P.U. 234 2001*. Ini adalah di antara agensi yang memang diisytiharkan di bawah akta ini. Ini termasuk organ-organ di bawah PBB. Misalnya *United Nations (Privileges and Immunities) Regulations 2009 P.U.A 248, 2009*. Begitu juga *Specialized Agencies (Privileges and Immunities) Regulations 2009*. Ini adalah contoh-contoh antara agensi-agensi dan juga agensi khusus yang diiktiraf di negara kita.

Menyentuh satu lagi soalan yang terakhir iaitu sama ada OIC akan diberikan keistimewaan dan kekebalan di bawah akta ini. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya OIC membuka pejabatnya di Malaysia dan sekiranya mendapat permohonan untuk mengisytiharkan OIC sebagai organisasi antarabangsa maka Yang Berhormat Menteri boleh berbuat demikian sekiranya OIC memenuhi kehendak seksyen 3, Akta 485.

Sekiranya perkara ini dipenuhi, maka OIC boleh diisytiharkan sebagai organisasi antarabangsa dan diberikan keistimewaan dan kekebalan oleh Yang Berhormat Menteri melalui peraturan-peraturan yang dikeluarkan di bawah Akta 485. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1450

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan adalah untuk meminda peruntukan-peruntukan di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242). Pindaan ini bertujuan untuk memperkuatkan lagi rangka perundangan, penyeliaan dan pengawalan industri harta tanah dan ianya adalah untuk memastikan pengawal industri ini lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas serta memberikan perlindungan yang lebih luas kepada semua pengguna. Ini seterusnya membolehkan industri harta tanah untuk berkembang setanding dengan lain-lain industri dalam memenuhi peranannya dalam ekonomi negara.

Pindaan ini akan memberi kuasa kepada Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia sebagai badan pengawalseliaan yang mempunyai kuasa yang cukup di samping memberi ruang yang mencukupi kepada industri harta tanah untuk berinovatif dan berkembang dengan cara yang tersusun. Atas dasar ini pindaan ini adalah dirumuskan untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya masalah-masalah dalam industri ini yang boleh membawa halangan kepada perkembangan ekonomi negara. Pindaan ini dibuat bagi memasukkan beberapa peruntukan baru dan meminda beberapa peruntukan yang sedia ada sejak pelaksanaan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981. Beberapa aspek perundangan perlu diubahsuai supaya selaras dengan perkembangan semasa bagi membolehkan Lembaga memikul tanggungjawabnya dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, pindaan-pindaan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 memperuntukkan seperti berikut:

Fasal 2 adalah untuk meminda tarif-tarif dalam seksyen 2 akta untuk memperkemaskan definisi yang sedia ada serta memasukkan tarif-tarif baru seperti berikut:

- (i) amalan pengejenan harta tanah telah diubah semula bagi memperluaskan cara amalan;
- (ii) satu taksiran baru pemohon dimasukkan; dan
- (iii) ditetapkan telah digubah bagi memperkemaskan definisi.

Fasal 3 pula adalah untuk meminda seksyen 4 akta untuk menjelaskan dan meluaskan kuasa Ketua Pengarah Penilaian untuk menjalankan perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan penyelidikan.

Fasal 4 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 10 akta bagi memperluaskan lagi fungsi-fungsi Lembaga bagi menetapkan kaedah-kaedah mengenai pengambilan insurans, indemniti, profesional serta standard-standard amalan.

Fasal 5 adalah untuk meminda seksyen 10 akta dengan memasukkan seksyen baru 10(a) bagi melantik orang yang bukan ahli Lembaga menganggotai mana-mana Lembaga Jawatankuasa atau badan yang dibentuk bagi apa-apa maksud berhubung dengan profesion itu atau dengan mana-mana profesion yang berkaitan.

Fasal 6 adalah untuk meminda seksyen 12 akta bagi membolehkan penggunaan Lembaga di bawah seksyen 12(1) akta digunakan bagi membayar belanja pendaftaran dan belanja lain bagi apa-apa penyelidikan, penyiasatan, kajian, persidangan atau seminar yang tidak di kendali oleh Lembaga dan penerbitan buku panduan.

Fasal 7 adalah untuk meminda seksyen 16 akta bertujuan untuk menjelaskan bahawa seseorang penilai, pentaksir, ejen harta tanah berdaftar perseorangan dibenarkan menjalankan amalan hanya mengikut seksyen 23 akta. Pindaan ini juga memberi Lembaga kuasa untuk menetapkan syarat-syarat bagi menjalankan amalan memandangkan ini adalah suatu fungsi pentadbiran.

Fasal 8 adalah untuk meminda seksyen 17 akta dengan memasukkan perenggan baru A(b) A(c) dan A(d) iaitu menambahkan tiga syarat baru bagi pendaftaran penilai dan pentaksir.

Fasal 9 pula adalah bagi meminda seksyen 17 akta iaitu untuk memasukkan seksyen baru iaitu 17A bagi mengadakan peruntukan bagi kelayakan pendaftaran sebagai penilai percubaan.

Fasal 10 adalah untuk meminda seksyen 19 akta bagi menjelaskan dengan lebih lanjut skop kerja seorang penilai.

Fasal 11 adalah untuk meminda seksyen 21 akta bagi menambahkan sekatan terhadap amalan penilaian serta memasukkan sub-seksyen baru iaitu sub-seksyen 21(4) bagi mengenakan sekatan-sekatan sama ke atas amaran sesuatu firma.

Fasal 12 adalah untuk meminda seksyen 22A akta dengan memasukkan perenggan-perenggan baru (aa), (ab) dan (ac) iaitu untuk menambahkan tiga syarat baru bagi pendaftaran ejen harta tanah.

Fasal 13 adalah untuk meminda seksyen 22C akta. dan ini bertujuan bagi mencegah ejen harta tanah haram dari menjalankan amalan perejenan. Pindaan ini juga adalah bertujuan untuk memasukkan satu sub-seksyen baru iaitu sub-seksyen 22C(iii) bagi mengenakan sekatan-sekatan yang sama ke atas amaran sesuatu firma.

Fasal 14 pula adalah bertujuan untuk memasukkan satu sub-seksyen baru iaitu seksyen 22 bagi pendaftaran ejen harta tanah percubaan.

Fasal 15 adalah untuk meminda seksyen 23 Akta. Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang penilai, pentaksir dan ejen harta tanah boleh menubuhkan firma dengan orang awam dengan menawarkan ekuiti dalam firmanya. Memandangkan komitmen Malaysia dalam *Gates* dan WTO, Lembaga meminda polisi-polisi dan akta yang terbabit hendak menyesuaikan dengan langkah meliberalisasikan perkhidmatan yang ditawarkan selaras dengan lembaga menawarkan pegangan ekuiti sehingga 49 peratus kepada mana-mana individu atau mana-mana firma awam.

Ini adalah tawaran-tawaran awal Lembaga berpandukan daripada komitmen *Gates* dan WTO. Lembaga berpandangan perkara-perkara teknikal hendaklah diselesaikan terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang kesulitan di kemudian hari. Selain daripada itu pindaan ke atas peruntukan ini adalah juga untuk mengambil kira kepentingan orang awam apabila seseorang penilai, pentaksir dan ejen harta tanah mendaftar namanya dibatalkan dari didaftar atau digantung amalan atau meninggal dunia maka Lembaga atau Penilai, Pentaksir atau ejen harta tanah lain boleh mengambil alih tempatnya bagi tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga untuk menyelesaikan semua pekerjaan atau perkara-perkara yang belum diselesaikan pada masa kejadian tersebut.

Fasal 16 pula untuk meminda seksyen 24 Akta untuk menambah jenis-jenis kesalahan yang boleh dihukum.

Pindaan juga bertujuan untuk menambah denda dari RM5,000 kepada RM10,000 dan daripada RM10,000 kepada denda yang tidak melebihi RM25,000. Ini adalah satu pencegahan bagi seseorang pendaftar yang melakukan kesalahan kerap kali.

Fasal 17 adalah untuk meminda seksyen 25 Akta untuk menambahkan alasan baru bagi penghantaran nama orang berdaftar daripada daftar penilai, pentaksir dan ejen harta tanah.

■ **1500**

Fasal 18 adalah untuk meminda seksyen 29 akta iaitu memperuntukkan bahawa sesuatu rayuan perlu menggunakan borang yang ditetapkan.

Fasal 19 pula adalah meminda seksyen 30 akta bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang membantu atau bersubahat dalam melakukan kesalahan turut melakukan kesalahan. Pindaan ini juga bertujuan untuk mewujudkan kesalahan menjalankan amaran sebagai penilai, pentaksir atau ejen harta tanah tanpa kuasa yang sah. Pindaan ini juga mencadangkan supaya denda maksimum yang diperuntukkan adalah dalam seksyen asas dinaikkan daripada RM25,000 kepada RM300,00 dan RM10,000 kepada RM25,000. Pindaan ini juga bertujuan bagi menambah jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh individu yang menyamar sebagai penilai, pentaksir dan ejen harta tanah.

Fasal 20 adalah untuk meminda seksyen 31 akta iaitu bertujuan untuk meningkatkan denda maksimum daripada RM10,000 kepada RM200,000 bagi kesalahan-kesalahan lain di dalam akta.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Selepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman diminta bersedia.

3.02 ptg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...*

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu sekiranya ada lagi Ahli Yang Berhormat turut berbahas dalam rang undang-undang ini, sila hantar nama sekarang. Silakan, Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan saya juga laluan untuk membahar Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini sebagai suatu inisiatif kerajaan untuk melahirkan lebih banyak ejen penilai, pentaksir dan ejen harta tanah yang kompetitif serta berlesen dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Ia juga sebagai usaha kerajaan memastikan agar rakyat tidak tertipu dengan ejen palsu serta memanipulasikan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah serta pembeli rumah pertama.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu di peringkat dasar. Pertamanya isu ejen harta tanah. Saya berpendapat firma ejen hartanah tempatan di saran bergabung untuk membentuk entiti lebih besar dan kukuh bagi memastikan mereka mampu bersaing apabila pasaran bagi perkhidmatan itu dibuka kepada penyertaan asing. Ini kerana saya berpandangan pada pindaan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981, pasaran terbuka akan membolehkan warga asing memiliki sehingga 30 peratus pegangan di dalam firma ejen hartanah tempatan.

Saya prihatin akan kadar pegangan itu dijangka dinaikkan sehingga kepada 49 peratus sejajar dengan era globalisasi dan bagi merangsang pasaran hartanah negara dan buat masa ini hanya ejen harta tanah yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEM) terdiri daripada warganegara sahaja yang boleh memiliki pegangan di dalam firma ejen hartanah.

Saya khawatir jika ejen hartanah ini tidak membentuk entiti yang kukuh kemungkinan mereka tidak mampu bersaing nanti. Soalan saya, berapakah jumlah ejen hartanah dan firma hartanah yang berdaftar dengan LPPEM setakat ini? Bagaimana kementerian memantau kegiatan ejen dan firma hartanah yang tidak berdaftar dengan LPPEM. Ini kerana ejen yang tidak berdaftar ini akan banyak menimbulkan masalah terhadap pasaran hartanah sekali gus memberi kesan negatif terhadap profesion berkenaan. Saya pernah mendapat aduan bahawa terdapat juga segelintir pembeli secara sukarela yang mahu mengurus niaga dengan broker atau ejen haram kerana menganggap caj yang dikenakan lebih rendah berbanding caj ejen bertauliah. Bagaimana kementerian memandang serius akan isu ini?

Kenapa masih terdapat kes di mana ejen hartanah dan pemaju bersekongkol memberi maklumat pembeli dan ejen sewenang-wenangnya meletak tanda "*for sale*" ataupun "*for rent*" dengan izin tanpa pengetahuan pembeli sendiri di premis mereka yang baru siap dan mengambil kunci tersebut. Benarkah dakwaan terdapat pemaju yang menjual lokasi strategik kepada ejen hartanah dan kemudian dijual semula untuk mengaut keuntungan berlipat ganda.

Benarkah dakwaan bila ejen berjaya menjual hartanah, syarikat agensi akan mengambil *fee* sebanyak tiga peratus daripada harga jualan sebagai khidmat konsultasi dan selebihnya 97 peratus adalah milik kepada penjual, benarkah ia? Adakah ini standard prosedur di dalam urusan menggunakan ejen sebagai ejen penjual.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya untuk menyentuh pula isu di peringkat jawatankuasa iaitu fungsi Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah. Apakah peranan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah selain dari menerima dan menyelesaikan kompelin aduan kes penipuan semasa transaksi jual beli hartanah dari mangsa iaitu pengguna. Apakah bentuk penipuan yang paling banyak? Adakah meminta deposit sebelum urus niaga, dimuktamadkan merupakan satu kesalahan dan merupakan kes yang paling tinggi direkodkan. Ini kerana kita akui kelebihan menggunakan perkhidmatan ejen hartanah seperti menjimatkan masa, tenaga dan menguruskan dokumen dengan pihak bank. Saya ingin menyarankan agar kerajaan lebih bertegas dengan ejen tidak berlesen ini dan juga apabila pasaran ini dibuka kepada pasaran asing yang terbuka, kerajaan perlu membuat pemantauan yang lebih.

Apakah mekanisme kerajaan untuk memantau pasaran ini supaya selepas dibuka untuk pasaran luar, ejen luar tidak menyeleweng dengan lesen yang dikeluarkan. Juga bagaimana kementerian menjaga kepentingan ejen tempatan yang terpaksa bersaing dengan ejen asing. Dengan kata-kata tersebut, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

3.08 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010.

Selalunya, apabila saya membahaskan sesuatu rang undang-undang, saya terus bahas secara spesifik dan oleh itu tidak mengambil masa lebih daripada lima atau sepuluh minit. Akan tetapi oleh sebab rang undang-undang ini yang sedang dibahaskan ini melibatkan diri saya sendiri sebagai juruukur penilaian, pengurusan dan ejen harta tanah, izinkan saya mengambil masa yang lebih sedikit supaya dapat memberi huraian lanjut selain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi dalam pembentangnya sambil memberi komen dan pendapat berhubung kait dengan rang undang-undang yang berkenaan.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah ialah untuk membolehkan kerajaan membuka profesion penilai dan ejen harta tanah sejajar dengan program liberalisasi untuk memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian WTO dan AFTA. Saya menyokong penuh hasrat kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib dan saya percaya profesion-profesion lain seperti *architecture*, *engineering* dan lain-lain juga akan dikehendaki berbuat demikian. Profesion penilaian, pengurusan dan ejen harta tanah tidak mempunyai apa-apa peraturan undang-undang sebelum tahun 1981 dan ianya diurus oleh mereka yang berkelulusan profesional yang kebanyakannya diperoleh dari universiti-universiti di United Kingdom.

Bahkan semasa saya mula berkecimpung dalam profesion ini dalam tahun 1968, hanya ada 10 hingga 15 orang juru nilai bertauliah sahaja dan kebanyakannya bekerja sebagai juru nilai kerajaan di Kementerian Kewangan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, istimewa pula Yang Berhormat Datuk Nor Hayati, kita sekarang mempunyai 1,340 firma tempatan dalam profesion ini dengan bilangan 650 penilai dan hampir 2,000 ejen harta tanah yang berdaftar. Kita juga mengeluarkan lebih kurang 400 orang hingga 500 orang graduan tiap-tiap tahun dari empat buah universiti tempatan. Bilangan *estate agent* yang tidak berdaftar dan bekerja sebagai *negotiators* ialah lebih kurang 20,000 sementara bilangan juru nilai eksekutif, penolong jurunilai dan kakitangan lain berjumlah lebih kurang 50,000.

Dalam tahun 1981, kerajaan telah menggubal undang-undang iaitu Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dan menubuhkan satu lembaga untuk mengehendkan kerja-kerja penilaian, pengurusan harta dan ejen harta tanah kepada mereka-mereka yang mempunyai kelayakan profesional dalam bidang ini dan juga mengehendkan saham-saham syarikat dipegang oleh mereka-mereka yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah. Kebanyakan daripada syarat-syarat seperti etika kerja, pembayaran fi dan sebagainya digubal mengikut syarat-syarat yang diambil daripada badan profesional dari United Kingdom iaitu, dengan izin, *the Royal Institution of Chartered Surveyors*. Ini ialah selain daripada menjaga taraf profesionalisme, ia juga untuk menjaga kepentingan pengguna.

Malangnya, apabila profesion ini bertukar corak di negara-negara maju seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia, kita oleh sebab yang saya sendiri tidak faham, tidak mahu menukar hala dan terus mengehendkan syarat-syarat yang telah pun pada pandangan saya menyebabkan syarikat-syarikat juruukur penilaian di negara ini tertinggal jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat antarabangsa dari United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Misalannya, apabila syarikat-syarikat di United Kingdom telah dibenarkan untuk disenaraikan di *London Stock Exchange*, dengan izin, lebih daripada 20 tahun dahulu, syarikat-syarikat di negara kita tidak dapat berbuat demikian di KLSE kerana saham-saham syarikat ini hanya dapat dipegang oleh individu-individu yang berdaftar dengan lembaga.

Jadi, terpaksa kita bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai saham sebanyak 100 juta *Pound* atau lebih berbanding dengan syarikat-syarikat kita yang mempunyai modal RM500,000 atau RM1 juta sahaja. Pindaan kepada Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah ini sungguhpun pada pandangan saya terlewat sedikit tetapi amatlah dialu-alukan oleh syarikat-syarikat dan ahli-ahli profesional dalam bidang ini untuk mereka *tap into the capital market*, dengan izin, dan berkembang bukan sahaja di dalam negara tetapi dapat bersaing di luar negara istimewa pula di rantau Asia Pasifik. Tuan Yang di-Pertua, komen saya secara spesifik berhubung dengan pindaan ini ialah seperti berikut.

Fasal 15 dalam rang undang-undang ini meminda seksyen 23 untuk membolehkan saham syarikat-syarikat penilai dipegang oleh individu dan pertubuhan yang tidak disenaraikan dalam Register Lembaga sebagai jurunilai sama ada warganegara atau syarikat-syarikat luar negara dengan syarat majoriti saham ini dan ahli lembaga tidak melebihi daripada saham dan ahli lembaga juru nilai berdaftar.

Dalam hal ini, saya penuh yakin lembaga penilai yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian di Kementerian Kewangan, saya fikir ada beberapa pegawai daripada JPPH berada di sini, selamat datang, akan menentukan syarat dipenuhi dan tidak digunakan untuk meng'ali baba'kan syarikat-syarikat tempatan sebagai *front*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat asing. Saya juga berharap lembaga tidak akan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap syarikat-syarikat tempatan yang betul-betul menjalankan kerja-kerja profesional masing-masing dan mempunyai hasrat untuk betul-betul bersaing di peringkat antarabangsa dan memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam akta ini daripada segi pemegangan saham dan lembaga pengarah.

Sebagai seorang profesional, saya setuju supaya lembaga mengenakan syarat-syarat tertentu sebelum seseorang itu dapat disenaraikan sebagai seorang juruukur penilaian dan ejen harta tanah tetapi ada suara-suara yang telah didengar bahawa syarat-syarat yang dikenakan oleh lembaga terlampau ketat. Saya berharap lembaga dapat menyemak kembali syarat-syarat ini untuk memberi peluang yang lebih luas kepada mereka berhasrat untuk memasuki profesion ini, istimewa pula graduan-graduan muda tanpa mengkompromikan tahap profesionalisme dan taraf kerja yang tinggi bagi kepentingan pengguna.

Dengan kelonggaran yang diberi hasil daripada pindaan ini, saya yakin banyak syarikat antarabangsa akan mengambil kesempatan untuk memulakan perniagaan mereka di negara ini. Secara peribadi, saya *welcome the competition*, dengan izin. Hanya saya berharap, pelanggan tempatan termasuk syarikat-syarikat GLC janganlah pula lantik satu-satu syarikat semata-mata kerana syarikat itu berjenama "Mat Saleh". Saya sebut demikian kerana saya pernah mengalami situasi di mana kerja-kerja penilaian dan penyelidikan untuk ladang kelapa sawit di Malaysia hanya diberi ruang kepada syarikat-syarikat yang berjenama "Mat Saleh" sahaja untuk sebut harga dan tidak ada satu syarikat tempatan pun diberi peluang.

Kepada saya, tidak masuk akal syarikat yang beribu pejabat di London boleh menjalankan kerja-kerja penilaian dan selidikan kelapa sawit di Malaysia dengan lebih profesional daripada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun hingga 40 tahun dan sanggup membuat kerja-kerja itu dengan bayaran fi yang berpatutan dan kompetitif.

■1520

Kadangkala syarikat-syarikat yang berjenama “Mat Saleh” ini mempunyai ibu pejabat yang tersorok di Break Stand London dan hanya mempunyai beberapa orang kakitangan sahaja di Malaysia. Berbanding dengan syarikat tempatan yang mempunyai barisan kakitangan profesional melebihi 300 orang. Pihak yang menawar kerja itu ialah syarikat GLC dan bila ditanya jawapannya dengan izin, *it is our prerogative and in any case, we are not international enough*. Mati akal kita dibuatnya hendak tidak hendak saya sendiri pun terpaksa memikir untuk menukar nama syarikat saya ini kepada nama yang berdekatan dengan “Mat Saleh”. Pengambilan pekerja-pekerja “Mat Saleh” memang sudah lama dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada Yang Berhormat hendak mencelah ya. Silakan Yang Berhormat.

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Amat memeranjatkan bila Yang Berhormat Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman menimbulkan perkara tentang sikap mementingkan syarikat-syarikat luar itu. Saya rasa ini sekali lagi ada kaitan dengan sikap dan *attitude*. Bolehkah agaknya Yang Berhormat Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman menjelaskan kenapa perkara sebegini sampai berlaku? Kata orang, “Kera di hutan disusukan anak dipangku dibiarkan.” Terima kasih.

Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Jawapannya Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua ialah kerana *attitude* kita. Kita masih ingat sebelum dan selepas baru kita *independent* tiap-tiap Orang Putih walaupun yang meniup wisel di Marble Arch datang dekat sini kita panggil “Tuan”. Dari segi itulah kita telah dipengaruhi bahawa syarikat-syarikat asalkan jenamanya berbunyi Orang Putih, maka dia anggap bahawa orang-orang ini boleh membuat kerja dengan lebih baik daripada kita. Itu adalah *attitude* dan saya berharap pegawai-pegawai kerajaan istimewa pula *attitude* ini kita kena buang. Ini kerana saya pasti bahawa kita boleh membuat kerja kalau tidak sama dengan mereka itu lebih baik daripada orang-orang itu, kita sendiri di negara kita. Itu kerja-kerja dalam negeri.

Untuk kerja-kerja di luar negara pula syarikat-syarikat GLC ini tidak memberi peluang langsung kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai sekutu di luar negara untuk membuat kerja. Misalannya di London dan terus melantik syarikat antarabangsa untuk membuat kerja-kerja berkenaan sungguhpun ada syarikat-syarikat tempatan mampu dan boleh membuat kerja ini setanding kalau tidak lebih profesional daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, komen saya yang ketiga ialah sementara saya menyokong penuh program liberalisasi kerajaan sebagai salah satu daripada jalan untuk menjadi negara yang lebih kompetitif dan mencapai matlamat sejajar dengan ETP. Saya suka mengingatkan mereka yang terlibat bahawa kerajaan juga di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggalakkan supaya syarikat-syarikat profesional tempatan meluaskan khidmat mereka di luar negara. Mereka yang telah cuba atau telah membuka cawangan di luar negara tentu sedar betapa susahnya untuk berbuat demikian. Sama ada dari segi menyediakan modal yang mencukupi atau lebih-lebih lagi untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh negara masing-masing.

Oleh sebab itu saya berharap apabila berbincang dengan *counterpart* masing-masing, pegawai-pegawai kita mestilah arif dengan syarat-syarat yang dikenakan berbanding dengan kemudahan yang diberi oleh kerajaan kita. Ini kerana profesional-profesional dari negara kita sepatutnya mendapat kemudahan yang sama di negara-negara yang berkenaan. Saya menyambut baik peruntukan yang diberi melalui MITI sebagai insentif setengah daripada perbelanjaan permulaan untuk syarikat profesional membuka pejabat di luar negara. Malangnya dalam pengalaman saya sendiri kemudahan ini tidak mudah didapati. Misalnya salah satu daripada syarat mendapatkan peruntukan ini ialah syarikat berkenaan mesti mempunyai cap dagangan atau dengan izin, *trademark*.

Malangnya permohonan untuk mendapat *trademark* mengambil masa hingga tiga setengah tahun untuk mendapat kelulusan. Jika dibandingkan dengan masa hanya enam bulan apabila permohonan itu dibuat di Hong Kong. Saya berharap komen saya ini tidak dianggap sebagai mengkritik mana-mana pihak. Ianya adalah semata-mata untuk kepentingan syarikat-syarikat profesional di negara ini yang mutunya adalah di antara yang tertinggi di kawasan Asia Pasifik. Semoga dengan penjelasan ini kita sama-sama dapat mencapai kejayaan membawa negara kita ke arah negara maju dalam tahun 2020, juga membawa negara ke tahap yang lebih kompetitif sambil menjaga kepentingan para profesional negara kita.

Komen saya yang terakhir ialah berhubung dengan mustahaknya kerajaan mempunyai sekatan undang-undang untuk kerja-kerja profesional istimewa apabila ianya melibatkan kutipan fi dan yuran daripada pengguna atau dengan izin, *members of the public*. Saya menyebut perkara ini kerana ada kumpulan yang meminta supaya kerja-kerja pengurusan harta dibenarkan dibuat oleh sesiapa sahaja. Pengurus-pengurus harta tanah dan syarikat-syarikat yang mengendalikan kerja-kerja ini tidak didaftar dengan lembaga. Saya berharap kerajaan tidak terkeliru dan terpengaruh dengan desakan ini dan terus mengadakan register bagi kerja-kerja pengurusan harta tanah. Ini kerana kita tidak mahu mereka yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan peluang mengutip wang daripada pengguna untuk kepentingan berasingan.

Pengurusan harta tanah ini tidak semestinya terhad kepada juruukur penilaian, tetapi boleh dibuka kepada ahli-ahli profesional bersekutu yang lain seperti arkitek, jurutera dan juruukur bahan dengan syarat mereka itu bertauliah dan mempunyai pengalaman yang sewajarnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang mulia ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpisah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tamat tempoh perkhidmatan di Dewan dalam penggal ini. Perkhidmatan Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah dihargai bukan sahaja oleh kami semua tetapi oleh rakyat seluruh negara. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Hanya dua orang sahaja ya Yang Berhormat turut berbahas rang undang-undang ini. Dengan itu minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.28 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pemindaan rang undang-undang ini. Kementerian menghargai pandangan terutama sekali Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Beliau juga adalah tokoh dalam bidang industri harta tanah. Kita ucapkan terima kasih kepada dia. Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertanya apakah peranan lembaga menerima laporan daripada pihak pengguna?

Untuk makluman Yang Berhormat kementerian melalui Jabatan Penilaian Harta kita selalu mengambil tindakan yang sewajarnya tentang laporan yang dibuat oleh pengguna. Kita ambil tindakan seperti mengendalikan pemeriksaan ejen harta tanah dan penilai, kita ambil tindakan dalam pengawalseliaan profesional penilaian prestasi dan ejen harta tanah. Kita juga akan mendengarkan pertikaian di antara pihak penilai, penaksir dan ejen harta tanah.

■1530

Yang Berhormat ada tanya mengenai isu 3 peratus yang dikutip oleh ejen harta tanah untuk perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar 3 peratus itu adalah maksimum dan ejen harta tanah boleh memberi diskaun. Dalam amalan kita, selalu nampaknya 2 peratus kalau harga yang lebih tinggi dan ada yang sampai tahap 1 peratus.

Yang Berhormat Datuk Paduka Nor Hayati ada tanya berapakah jumlah ejen harta tanah yang berdaftar. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini ada 2,350 ejen yang berdaftar dengan jabatan.

Yang Berhormat juga bertanya bagaimana kita memantau ejen yang tidak berdaftar. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian dan juga Jabatan Penilaian Harta Tanah, kita anggap pada masa ini ada 5,000 ejen harta tanah yang tidak berdaftar.

Akan tetapi Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman cakap ada 20,000 lebih. Kita akan kaji isu ini dan harap para pegawai ambil maklum.

Yang Berhormat Datin Paduka juga ada tanya mengenai isu-isu penipuan yang paling banyak sekali. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah menerima laporan iaitu isu-isu penilaian ada tiga kategori iaitu;

- (i) mengambil deposit terlebih;
- (ii) *miss interpretation* iaitu harta tanah yang dijual tidak serupa dengan apa yang dijanjikan; dan
- (iii) *cheating*.

Kita pinda akta ini supaya kita boleh menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada sesiapa yang tidak bertanggungjawab. Itu sahaja dari Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Seperti yang dikatakan tadi, memang beliau adalah tokoh dalam industri ini. Nama ini kita semua sudah tahulah, Rahim and Co., syarikat yang besar. Dia telah memberi banyak pandangan. Seperti yang saya katakan tadi, kita adakan pindaan ini ialah supaya kita boleh membantu industri harta tanah untuk berkembang setanding dengan lain-lain industri dalam memenuhi peranannya dalam ekonomi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah *banking system* atau sistem perbankan yang kita ada, 26 peratus *loan* adalah pergi ke industri harta tanah iaitu angka yang besar sekali iaitu lebih kurang RM900,000. *About 26 peratus go to the property industry*, dengan izin. Oleh itu Yang Berhormat tadi ada beri pandangan untuk membantu perkembangan sektor ini, kementerian menghargai pandangan dan cadangan Yang Berhormat.

Isu-isu dengan sikap GLC atau PLC kita yang menggunakan syarikat luar sebab kita tahu baru-baru ini syarikat EPF pun pakai syarikat luar untuk membeli harta tanah di UK, di Australia dan memang kita mengharapkan mereka boleh memberi keutamaan kepada firma negara kita. Saya haraplah pegawai kementerian akan memberitahu kepada mereka. Saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dari banyak aspek. Saya akan berbincang dengan pegawai tentang isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rahim. Memang ada yang saya tidak dapat jawab pada masa ini.

Kita tahu Yang Berhormat adalah tokoh dalam bidang ini dan boleh memberi lebih banyak pandangan supaya kita ada lembaga yang lebih baik dan kita hendak ahli dalam lembaga kita orang seperti Yang Berhormat, yang ada pengalaman, orang baru yang ada *energy*, orang yang tahu undang-undang supaya kita boleh mengembangkan syarikat negara kita pergi ke tahap *international*. Kita harap dengan bantuan semua pihak, dengan pindaan akta-akta ini kita boleh mengembangkan sektor harta tanah di negara kita untuk membantu negara kita ke tahap negara maju pada tahun 2020.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1540

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang yang bernama suatu akta bagi meminda Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 ataupun dikenali sebagai Akta 520 adalah suatu akta yang dikuatkuasakan untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsinya berhubung dengan industri pembinaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pindaan yang dicadangkan kepada Akta 520 ini adalah buat kali pertama sejak dari tarikh kuat kuasa pada bulan Disember 1994. Pindaan ini adalah hasil daripada siri perbincangan bersama dengan industri dan agensi kerajaan yang mengambil kira keperluan industri semasa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini memberikan tumpuan kepada teras-teras berikut:

- (i) memperkasakan CIDB sebagai badan *regulatory* industri pembinaan;
- (ii) pembangunan modal insan berterusan dalam industri;
- (iii) penerapan teknologi yang boleh meningkatkan produktiviti;
- (iv) penggunaan bahan binaan yang berkualiti;
- (v) peningkatan tahap pengurusan tapak bina termasuk aspek keselamatan; dan
- (vi) peningkatan penguatkuasaan.

Pindaan kepada Akta 520 ini mempunyai 33 fasal dan boleh dikelaskan kepada dua jenis pindaan iaitu pindaan baru dan pindaan penambahbaikan. Pindaan baru terhadap akta ini melibatkan tiga perkara utama iaitu:

- (i) pendaftaran personel binaan untuk tujuan meningkatkan kualiti kerja, rancangan, pembangunan, pentauliahan dan perakuan kemahiran dan pensijilan;
- (ii) berkenaan jaminan kualiti bahan binaan dan kualiti kerja melalui penetapan dan pematuhan kepada standard dan piawaian; dan
- (iii) peletakan tanggungjawab mengurus dan menjaga keselamatan di tapak bina yang lebih baik, yang sistematik ke atas kontraktor dan pengurus tapak.

Manakala pindaan penambahbaikan pula melibatkan penyusunan semula peruntukan sedia ada untuk menambah baik, memperjelas dan memperkemas lagi fungsi dan kuasa CIDB.

Menerusi pindaan-pindaan tersebut, inti patinya adalah hanya pekerja-pekerja yang kompeten dan kemahiran sahaja akan dipastikan terlibat dalam industri pembinaan. Kualiti sesuatu projek pembinaan akan lebih terjamin dengan penglibatan pekerja-pekerja yang kompeten. Penggunaan bahan-bahan binaan yang menepati standard dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terutamanya mengenai keselamatan di tapak binaan. Ini akan memberikan impak yang besar terhadap peningkatan taraf sosioekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 yang dibentangkan pada hari ini mengandungi 33 fasal pindaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menghentikan seksyen 2 Akta 520 yang sedia ada dengan beberapa tafsiran baru dimasukkan. Antaranya:

- (i) berhubung dengan takrif kontraktor untuk membenarkan mana-mana orang yang akhirnya mengaku janji untuk menjalankan dan menyiapkan kerja pembinaan dianggap juga sebagai kontraktor. Oleh itu, dikehendaki untuk didaftarkan;
- (ii) berhubung dengan takrif industri pembinaan untuk memasukkan reka bentuk, teknologi bahan dan mutu kerja binaan dengan mengambil kira perkembangan semasa industri;
- (iii) berhubung dengan takrif kerja pembinaan untuk memasukkan perolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja sebagaimana yang perlu bagi merealisasikan mana-mana jenis kerja pembinaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta 520 yang sedia ada;
- (iv) untuk membuat peruntukan bagi takrif personel binaan untuk memasukkan pekerja binaan am, pekerja binaan separa mahir, pekerja binaan mahir, penyelia tapak binaan, pengurus projek binaan dan mana-mana pekerja atau golongan pekerja sebagaimana yang ditentukan oleh lembaga dan termasuklah mana-mana orang yang terlibat atau mengaku janji untuk terlibat dalam mana-mana aktiviti yang berhubungan dengan kerja pembinaan; dan
- (v) untuk mengadakan takrif sistem binaan berindustri atau *Industrialized Building System* dengan izin, yang sinonim dengan IBH.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 3 pula bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 520 untuk mengadakan asas undang-undang bagi penggunaan nama *Construction Industry Development Board Malaysia* dalam bahasa Inggeris dengan akronim CIDB.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 520 berkenaan dengan fungsi lembaga yang termasuk antara lain:

- (i) mengawal selia pematuhan standard bagi mutu kerja pembinaan dan bahan binaan;
- (ii) mendaftarkan, mengkreditkan dan memperakukan personel binaan dan untuk membatalkan, menggantung atau mengembalikan semua pendaftaran akreditasi dan perakuan personel binaan itu; dan
- (iii) mengawal selia pelaksanaan sistem pembinaan berindustri dalam industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 520 untuk meminda nama ketua pegawai eksekutif kepada ketua eksekutif.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 520 untuk menjelaskan pendapatan lembaga yang sekarang ini hendaklah juga termasuk wang yang dipungut melalui kompaun.

Fasal 7, 8 dan 9 bertujuan untuk meminda seksyen 20, 21 dan 22 Akta 520 dengan beberapa pindaan berkenaan dengan kuasa lembaga untuk meminjam, memberikan pinjaman dan melabur yang hendaklah juga termasuk mendapatkan kebenaran Yang Berhormat Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 520 untuk menambahkan kuasa untuk melantik ejen penasihat teknikal dan sebagainya.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 520 untuk membolehkan lembaga untuk mewakili mana-mana fungsi dan kuasa kecuali juga jika diperuntukkan sebaliknya kepada mana-mana anggotanya, pegawainya atau perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 12 dan 13 bertujuan untuk meminda kepala Bahagian VI dan seksyen 25 Akta 520 yang berbangkit daripada pindaan pada takrif kontraktor. Dengan binaan ini, seseorang yang menjalankan atau menyiapkan atau mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan mana-mana kerja pembinaan adalah dikehendaki untuk didaftarkan di bawah akta ini.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu 25A ke dalam Akta 520 untuk mengadakan peruntukan bagi akreditasi kontraktor.

■1550

Fasal 15 bertujuan untuk meminda Seksyen 26 Akta 520 berkenaan penyimpanan dan penyelenggaraan satu daftar kontraktor yang berdaftar dan diakreditasi.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 520 untuk meluaskan ruang lingkup berkenaan dengan kuasa lembaga untuk memperoleh maklumat yang relevan melalui pengeluaran notis.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 520 terutamanya untuk menaikkan penalti yang boleh dikenakan terhadap kontraktor tidak berdaftar apabila disabitkan.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 520 untuk meluaskan ruang lingkup notis untuk memberhentikan kerja pembinaan dan menaikkan penalti kerana tidak mematuhi notis itu.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 520 untuk menegaskan bahawa kuasa lembaga di bawah akta ini hendaklah terpakai bagi kedua-dua kontraktor berdaftar dan tidak berdaftar.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda Bahagian II Akta 520:

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan;
- (b) untuk memberi lembaga kuasa untuk menubuhkan, memajukan dan mengakredit institusi latihan bagi maksud melatih personel binaan; dan
- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi penalti dalam hal ketidakpatuhan.

Fasal 27 bertujuan untuk memperkenalkan agihan baru 7(a) ke dalam Akta 520 yang mengadakan peruntukan bagi kuasa kepada lembaga untuk menetapkan dan memperakukan bahan binaan tertentu untuk digunakan dalam industri pembinaan. Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 33F tentang “kod amalan” bagi industri pembinaan untuk memberi kefleksibelan kepada lembaga untuk membangunkan, meluluskan, merumuskan atau mereka bentuk apa-apa kod amalan yang sesuai dan perlu bagi industri.

Fasal 22 bertujuan untuk menambahbaikkan seksyen 34 mengenai pengenaan levi yang termasuklah;

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi hal keadaan yang akan menimbulkan liabiliti untuk membayar;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan kontraktor untuk mengemukakan dengan benar kepada lembaga semua fakta yang menyentuh liabilitinya untuk membayar levi;
- (c) untuk memberi lembaga kuasa untuk memberitahu amaun levi yang kena dibayar oleh kontraktor dan pemberitahuan itu adalah muktamad; dan
- (d) untuk memberi lembaga kuasa untuk membuat penyelarasan ke atas amaun jumlah kontrak yang diisytiharkan oleh kontraktor sebagaimana yang difikirkannya patut.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 34A ke dalam Akta 520 untuk membolehkan lembaga mendapatkan amaun levi yang kena dibayar sebagai suatu hutang sivil.

Fasal 24 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru VIIIA ke dalam Akta 520 yang memperuntukkan kewajipan kontraktor.

Fasal 25 bertujuan untuk menggantikan Bahagian IX Akta 520 dengan bahagian baru bagi meluaskan kuasa penguatkuasaan dan penyiasatan yang berhubung kait dengan kuasa dan fungsi yang terletak hak kepada lembaga.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 520 berkenaan dengan kuasa lembaga untuk membuat peraturan-peraturan, yang termasuk antara lain:

- (a) mengawal selia dan menguatkuasakan kualiti dan standard dalam industri pembinaan termasuk cara, bentuk dan tatacara;
- (b) menetapkan cara, bentuk, jenis dan gred bagi pemerakuan mengikut mana-mana yang berkenaan bagi bahan binaan dan mutu kerja binaan; dan
- (c) menetapkan syarat dan kehendak bagi pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 38(2) Akta 520 untuk menyatakan bahawa pendakwa raya boleh memberi kuasa mana-mana pegawai lembaga untuk menjalankan pendakwaan.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru di dalam Akta 520 iaitu seksyen 38A bagi membolehkan mana-mana pegawai lembaga dan wakil yang diberi kuasa untuk hadir dan menjalankan prosiding CO. Seksyen 38B melindungi anggota pegawai perkhidmatan dan agen lembaga dalam menjalankan mana-mana kuasa atau pelaksanaan di bawah akta dan 38C untuk membolehkan lembaga mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan oleh lembaga sebagai kesalahan-kesalahan boleh di kompaun.

Fasal 29 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 39A ke dalam Akta 520 berkaitan tanggungjawab mana-mana pengarah, pengurus atau pegawai yang seumpamanya ke atas apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana syarikat, firma, persatuan atau kumpulan orang lain tersebut.

Fasal 30 bertujuan untuk menambahbaikkan seksyen 40 tentang kuasa Menteri untuk membuat pengecualian.

Fasal 31 bertujuan untuk memperbetulkan rujukan seksyen dalam Jadual Ketiga yang berkaitan dengan senarai pekerja binaan mahir.

Fasal 32 bertujuan untuk memasukkan Jadual Keempat baru di dalam Akta 520 yang berkaitan dengan standard bahan binaan.

Fasal 33 bertujuan untuk mengadakan peruntukan perolehan bagi menguatkuasakan akta ini.

Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus di dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit. Pindaan ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ini mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya industri pembinaan yang telah berkembang pesat melalui berbagai-bagai cabaran.

Sehubungan dengan itu, adalah wajar dan sudah tiba masanya pindaan ini dibuat bagi membolehkan CIDB memajukan industri pembinaan negara ke arah daya saing global. Dalam erti kata lain segala pindaan tersebut juga akan dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat menerusi mutu pembinaan yang berkualiti, meningkatkan produktiviti melalui aspirasi rakyat selaras dengan slogan, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan." Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, selepas itu diminta Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim untuk bersedia.

3.59 ptg.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang peranan CIDB kepada kontraktor negara yang mendapat kontrak kerja di luar negara. Semua syarikat binaan yang telah mendapat kontrak negara diwajibkan mendaftar dengan CIDB bagi mengelakkan eksploitasi dari pihak tertentu di luar negara. Di samping itu CIDB juga menjadi *mediator* bagi mendapatkan kerja di luar negara iaitu selari dengan hasrat kerajaan bagi mengetengahkan kontraktor berwibawa negara ke luar negara atau di peringkat antarabangsa.

Dalam hubungan ini, CIDB berperanan memastikan kebajikan profesional, juruteknik dan lain-lain personel binaan syarikat binaan negara ini yang berkhidmat di luar negara. Walau bagaimanapun saya difahamkan ramai di kalangan profesional dan lain-lain kakitangan ini menghadapi masalah untuk membawa isteri dan anak-anak kerana kos sara hidup dan pendidikan di luar negara seperti di Dubai, Qatar dan sebagainya.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah CIDB memainkan peranan menjaga kebajikan profesional dan kakitangan lainnya bagi syarikat negara di luar negara? Adakah kerajaan bercadang memberikan keistimewaan kepada anak-anak ekspatriat yang berkhidmat di syarikat binaan di luar negara diberi keistimewaan untuk mendapatkan tempat di sekolah berasrama?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung peranan bekas Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu sebagai wakil negara bagi pembangunan infrastruktur? Sejauh manakah kejayaan beliau mendapat kontrak pembangunan infrastruktur di luar negara dan setakat manakah kontraktor negara ini mendapat manfaat serta adakah berlaku pertindihan antara fungsi CIDB dan peranan yang dimainkan oleh Dato' Seri S. Samy Vellu ini?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh berhubung dengan pusat latihan CIDB yang memberikan latihan kemahiran peringkat sijil dalam pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri binaan. Saya ingin mendapat penjelasan, berapakah jumlah pusat latihan CIDB di seluruh negara serta lokasinya mengikut negeri, kursus yang ditawarkan dan bilangan pelatih yang boleh mendapatkan latihan bagi sesuatu masa? Berhubung dengan latihan di CIDB ini, saya dimaklumkan masalahnya adalah tiadanya hubungan lulusan pusat latihan CIDB dengan institusi kemahiran lain negara seperti Institut Kemahiran MARA (IKM) atau Pusat Latihan Perindustrian (ILP). Adalah penting lulusan pusat latihan CIDB ini dapat meneruskan pengajian yang lebih tinggi iaitu daripada peringkat sijil kepada peringkat diploma dan seterusnya ke peringkat ijazah.

Saya ingin mencadangkan agar CIDB menjalinkan hubungan bukan sahaja dengan institut kemahiran lain tetapi juga Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang lain bagi pembangunan kerjaya. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan agar pelatih yang memiliki tiga sijil kemahiran dari CIDB diberikan peluang untuk mengikuti pengajian di peringkat diploma. Selain itu berhubung dengan latihan di CIDB, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sama ada CIDB ada menganjurkan kursus khas dalam bidang kemahiran pembinaan tertentu kepada pekerja asing dan adakah CIDB juga terlibat dengan kursus atau program khas dengan syarikat pembinaan bagi kepentingan industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen baru 25(a) berhubung dengan akreditasi kontraktor. Saya amat bersetuju dengan cadangan ini bagi membolehkan CIDB mengakreditasi kontraktor. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, jumlah bilangan kontraktor mengikut kategori atau gred? Adakah kerajaan bercadang menyenaraikan kedudukan kontraktor atau syarikat pembinaan ini mengikut prestasi sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah berjaya menggredkan lebih 8,000 buah sekolah rendah dan menengah?

Dalam hubungan ini CIDB sewajarnya menggredkan syarikat atau kontraktor bagi menentukan integriti syarikat atau kontraktor binaan ini bagi memajukan lagi industri binaan negara. Saya juga ingin menyentuh seksyen 26 yang menyentuh tentang senarai kontraktor berdaftar dan di akreditasi di bawah akta ini. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah CIDB mempunyai pangkalan data yang lengkap berhubung dengan syarikat pembinaan dan kontraktor termasuklah dari segi profil syarikat, kedudukan kewangan dan prestasi syarikat pembinaan ini?

Akhirnya saya ingin menyentuh seksyen 30 berhubung dengan pindaan bahawa CIDB boleh menghantar notis bertulis kepada syarikat pembinaan yang menjalankan kerja-kerja pembinaan yang tidak berdaftar dengan CIDB supaya memberhentikan kerja-kerja pembinaan berkenaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan CIDB, sejauh manakah CIDB memantau bukan hanya syarikat yang berwibawa dan berkeelayakan sahaja ditawarkan projek pembinaan bagi memastikan mutu pembinaan termasuk bahan binaan yang berkualiti dan mengikut spesifikasi kontrak dan tenaga buruh terlatih. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

4.08 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 di dalam Dewan Negara yang mulia ini. Menerusi rang undang-undang ini saya mengharapkan pindaan yang akan diluluskan kelak akan dapat memperkasa dan memperkukuhkan kedudukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam kemajuan industri pembinaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh fasal 4(a), (b) dan (c) antara lain ialah mengawal selia pematuhan standard bagi mutu kerja binaan dan bahan binaan serta mengawal selia pelaksanaan sistem binaan berindustri dan industri pembinaan. Sebagai sebuah negara sederhana ke arah berpendapatan tinggi, pelbagai pendekatan cuba dilaksanakan kerajaan dalam membangunkan sesuatu projek demi memanfaatkan rakyat. Banyak tenaga manusia diperlukan dan kadangkala mengundang risiko yang kepelbagaian.

Bagi mengatasi permasalahan sedemikian, pendekatan Sistem Pembinaan Industri (IBS) kini sedang rancak dilaksanakan dalam mengurangkan penggunaan pekerja asing di negara ini. Saya melihat transformasi yang dilakukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia melalui pendekatan IBS iaitu melalui kaedah pasang siap bagi menyiapkan suatu projek pembangunan ini mampu memastikan kualiti pembinaan yang lebih baik dan kukuh.

Dengan IBS barangan yang telah siap dari kilang terus dibawa ke tapak pembinaan dan ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga pekerja asing dalam menyiapkan beberapa struktur bangunan. Pendekatan IBS ini juga mengurangkan pembaziran dalam sektor pembinaan dan pada masa yang sama mempercepatkan satu-satu pembinaan. Saya hendak tahu berapa peratuskah pembinaan melalui penggunaan pendekatan IBS di seluruh negara buat masa ini?

■ 1610

Adakah dikaji sama ada pembinaan menggunakan kaedah ini akan mempunyai sebarang kesan sampingan atau *side effect* dalam tempoh masa yang panjang. Oleh sebab saya difahamkan apabila kita menggunakan bahan-bahan yang pasang siap ini sekiranya ia tidak mengikut *spec* yang sepatutnya, *in the long run* dengan izin, ia akan menyebabkan *leakage problem* ataupun retakan kepada bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh fasal 5 iaitu meminda seksyen 11 Akta 520 untuk meminda nama "ketua pegawai eksekutif" kepada "ketua eksekutif".

Saya Cuma ingin bertanya apakah rasional dalam perubahan nama jawatan ini. Bolehkah diberi penjelasan lanjut mengenai isu yang ditimbulkan dalam media massa baru-baru ini mengenai berlakunya kontroversi dua nakhoda dalam Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan satu daripada aspek penting dalam pindaan rang undang-undang ini adalah untuk memperkenalkan pendaftaran pekerja bukan profesional di tapak binaan sama ada pekerja tempatan atau luar negara bagi tujuan membangunkan kapasiti sumber manusia berkenaan. Langkah ini amatlah dialu-alukan menerusi kaedah ini kerana semua pekerja terbabit yang berdaftar akan mendapat satu kad CIDB selain perlindungan insurans. Bagaimanapun, sebelum mendapat kad itu saya hendak tahu apakah mereka perlu menyertai kursus yang disediakan seperti berkaitan aspek-aspek keselamatan.

Saya juga hendak tahu bagaimanakah mekanisme untuk memastikan pendaftaran pekerja bukan profesional ini benar-benar mengikut piawaian dan standard yang kita akan tetapkan. Saya difahamkan seramai kira-kira lapan ratus ribu orang pekerja di tapak pembinaan yang akan didaftarkan kemudian.

Kita juga mengalu-alukan akta tersebut dipinda dengan bertujuan dengan menjaga kebajikan pekerja dan juga memperkasakan lembaga sebagai badan yang memantau kemajuan industri tersebut di negara ini. Secara tidak langsung saya melihat akta tersebut akan dapat membangunkan kapasiti dan keupayaan sumber manusia dalam industri pembinaan yang semakin berkembang pesat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membangkitkan sejauh manakah kebenaran berhubung beberapa projek yang diluluskan kerajaan negeri di Pulau Pinang menerusi sistem tender terbuka yang dikatakan tidak mengikut peraturan kerana melantik kontraktor yang tidak mempunyai lesen Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Apakah benar kerajaan negeri hanya melantik kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi melaksanakan projek berkenaan. Jikalau mengikut akta lembaga sedia ada, mereka yang ingin melaksanakan kerja pembinaan perlulah mempunyai lesen lembaga selain SSM dan kegagalan berbuat demikian boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu.

Saya juga difahamkan apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri dengan melantik syarikat yang tidak berdaftar dengan lembaga adalah amat berbahaya. Jika berlaku sesuatu, mereka perlulah bertanggungjawab dan ini pernah didedahkan oleh Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia. Jadi, saya pohon penjelasan lanjut daripada jabatan yang berkenaan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff.

4.13 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang yang dibentangkan untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Industri Malaysia 1994 atau Akta 520. Cadangan pindaan akta ini sebagaimana yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini adalah terbahagi kepada dua kategori iaitu pindaan baru dan pindaan penambahbaikan. Pindaan baru yang telah dibentangkan sebagaimana oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah satu pendaftaran personel binaan untuk tujuan seperti berikut:

- (i) meningkat kualiti kerja perancangan pembangunan pentauliahan dan memperkukuhkan kemahiran dan pensijilan;
- (ii) berkenaan jaminan kualiti bahan binaan dan kualiti kerja melalui penetapan dan pematuhan kepada standard dan piawaian; dan
- (iii) meletakkan tanggungjawab mengurus, menjaga keselamatan di tapak pembinaan yang lebih baik sistematik ke atas kontraktor dan pengurus tapak.

Saya menyambut baik pindaan ini terutama pindaan yang saya sebutkan tadi. Manakala dalam pindaan penambahbaikan dinyatakan melibatkan penyusunan semula untuk menambahbaikkan dan memperjelas dan memperkemaskan lagi fungsi dan kuasa lembaga.

Menerusi pindaan ini sebagaimana yang disebut dalam pembentangan tadi, hanya pekerja yang kompeten dan mahir sahaja yang dipastikan terlibat dalam industri pembinaan. Disebut juga penggunaan bahan-bahan yang menepati standard dan penguasaan peraturan *safety* di tapak pembinaan yang lebih ketat.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini ketiga perkara yang disebutkan di atas adalah merupakan masalah asas dalam industri pembinaan di negara kita. Saya rasakan pindaan ini patut dilaksanakan dahulu lagi. Kita berdepan dengan masalah pekerja-pekerja iaitu *skill workers* dengan izin, mutu pembinaan dan mutu bahan yang digunakan. Apabila kita menghadapi ketiga-tiga masalah ini, tentulah hasil kerja pembinaan tidak menepati sebagaimana yang diharapkan. Jikalau kita imbas balik sebenarnya kita menghadapi masalah dari segi mutu pembinaan, mungkin juga bahan dan mungkin juga kontraktor yang diberi untuk satu projek yang menimbulkan masalah seperti kelewatan menyiapkan projek.

Ada pula kerja separuh jalan atau separuh siap atas sebab-sebab tertentu. Akibatnya banyak masalah termasuk melibatkan kerugian wang yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk projek-projek tertentu. Jikalau hendak disebutkan masalah yang dihadapi, tentulah banyak contohnya. Seperti bangunan MATRADE dahulunya, Hospital Queen Elizabeth di Sabah yang retak, Hospital Alor Setar yang dindingnya berkulat sebelum digunakan, MRR2 mempunyai 33 tiang dan didapati 27 daripadanya retak.

Saya tidak faham bagaimanakah masalah ini boleh berlaku dan banyak lagi masalah projek yang mendatangkan masalah kalau kita hendak senaraikan.

Persoalannya, bagaimanakah masalah ini boleh berulang berlaku dan di mana silapnya. Akhirnya, kerajaan mengalami kerugian dari segi kewangan iaitu duit yang kita kutip daripada rakyat. Cara pemberian tender juga kita kena lihat sama dan mungkin di sini juga berpunca segala masalahnya. Kadang-kadang kalau kita lihat bangunan yang baru dibina tidak sampai tiga atau empat tahun sudah nampak buruk, catnya luntur, silingnya bocor, dinding retak dan bilik air tidak boleh digunakan dengan baik.

Kerajaan berbelanja ratusan juta untuk projek-projek yang diluluskan untuk pembinaan dan bagaimana pula pembiayaan ke atas projek-projek tersebut, apakah kita gagal untuk mewujudkan satu mekanisme yang cukup berkesan dari segi penyeliaan projek-projek berkenaan. Kalaulah masalahnya di peringkat penyeliaan, apakah kita telah mengambil tindakan ke atas mereka yang didapati cuai dan mengakibatkan kerajaan kerugian jutaan ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bagi projek MRR2, kita mempunyai kes mahkamah. Saya ingin bertanya apakah status kes tuntutan tersebut? Saya juga ingin bertanya berapa peratus daripada projek yang di bawah kementerian yang telah dikategorikan sebagai bangunan atau struktur yang runtuh, yang retak, tidak berkualiti dan sebagainya.

Dalam cadangan pindaan akta ini di fasal 14 untuk memasukkan seksyen baru 25A bagi mengadakan satu peruntukan bagi akreditasi kontraktor. Ini adalah satu langkah yang cukup baik. Cuma saya pohon penjelasan apakah kaedahnya bagaimana akreditasi kontraktor ini dapat kita laksanakan. Saya berharap ia dapat dibuat dengan tegas supaya kontraktor yang layak dan berkemampuan sahaja diberi kelas yang sesuai dengan kebolehan mereka. Kelayakan ini mestilah berdasarkan kepada kebolehan, bukan di atas dasar hubungan politik dan sebagainya, kerana akhirnya mutu pembinaan boleh menjejaskan keselamatan orang ramai termasuklah nyawa.

Fasal 25 untuk memperkenalkan satu bahagian yang mana perakuan bahan binaan oleh CIDB. CIDB diberi kuasa untuk menetapkan bahan binaan tertentu untuk digunakan dalam industri bahan binaan. Ini pada pendapat saya satu kaedah yang cukup baik yang berkaitan dengan mutu bahan yang digunakan. Cuma kaedah mesti jelas agar tidak bercanggah dengan penentuan kerja. Ertinya, biarlah penentuan bahan-bahan binaan ini dibuat di peringkat awal supaya kontraktor tidak berdepan dengan masalah kemudiannya nanti.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, pada Oktober 2008, kerajaan telah mewajibkan penggunaan Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialisation Building Society* (IBS), dengan izin. Saya ingin bertanya, sejauh ini apakah projek kerajaan atau JKR yang menggunakan sistem IBS ini? Apakah sebenarnya faedah penggunaan IBS dan bolehkah sistem IBS ini mengurangkan penggunaan tenaga asing di sektor pembinaan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan bahawa pindaan ini adalah langkah yang positif ke arah meningkatkan mutu pembinaan yang berkualiti bagi kepentingan negara dan rakyat keseluruhan. Saya mohon pihak badan pelaksana CIDB untuk menjalankan tanggungjawab seperti mana yang dinyatakan dalam rang undang-undang yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, baik kepentingan negara dan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

4.21 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Saya mempunyai beberapa pertanyaan kepada pihak kementerian. Pertama, berkenaan dengan seksyen 2, yang menyebut tentang perkataan, “mana-mana bahagian penting” dan “*integral*”. So, dalam konteks ini walaupun banyak kali jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini bahawa isu bahasa ini isu kecil akan tetapi, saya rasa perkara ini penting kerana ini melibatkan pekerja-pekerja di tapak binaan dan kebanyakan bahasa yang digunakan adalah melibatkan Bahasa Melayu. Jadi saya hendak tahu, tidak adakah dalam perkataan dalam Bahasa Malaysia yang sesuai dengan perkataan, “*integral*” ini untuk dimasukkan dalam seksyen ini?

Kedua, berkaitan dengan seksyen 38A, yang menyebutkan bahawa bilamana lembaga ini di saman, antara orang yang boleh menjadi pembela kepada lembaga ini ialah yang disebut ialah menyebut tentang “Bar Malaysia”. Jadi, seksyen 38A, yang menyebutkan (b), “Bahawa lembaga ini boleh dibela oleh mana-mana anggota Bar Malaysia.” Sepanjang pengetahuan saya, anggota Bar Malaysia ini adalah anggota ahli Majlis Peguam Malaysia. Jadi, kenapakah perkataan di sini digunakan perkataan, “Bar Malaysia”, bukan “Majlis Peguam Malaysia”. Jadi, banyak sangat saya rasa di mudah-mudahkan dalam soal penggubalan ini.

Begitu juga dengan di bawah seksyen 34, yang menyebut, “Bahawa sekiranya mana-mana kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor yang mana kontraktor ini akan didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.” So, dalam konteks ini, saya hendak bertanya apakah *limit* di antara insurans yang telah pun ditanggung oleh pihak insurans yang melibatkan pekerja yang mempunyai kad hijau dengan kewajipan kepada kontraktor sendiri. Maknanya, sekarang ini seolah-olahnya kita ada dua liabilitilah, dua orang yang kita boleh saman, satu kontraktor, yang kedua pihak insurans.

Jadi, kalau pihak insurans ataupun takaful telah ada dalam konteks ini, mengapa pula kita perlu menyaman pihak kontraktor dan adakah dalam konteks ini kita maksudkan bahawa yang diletakkan di sini ialah tanggungjawab dari segi *criminal*. Maknanya, kontraktor ini dari segi sivil dia kena, *criminal* dia kena, dengan insurans pun perlu bayar. So, dalam konteks ini saya hendak bertanya kepada pihak kementerian agar dapat memberikan jawapan yang sejelas-jelasnya.

Begitu juga dengan *target*. Apakah *target* yang disasarkan oleh pihak kementerian kerana kita difahamkan bahawa jumlah tenaga mahir dalam negara kita ini setakat ini baru mencapai tahap 28 peratus. Jadi, kalau 28 peratus ini dengan kita luluskan CIDB kerana CIDB ini saya rasa sudah lama. Jadi, kalau sudah lama, pencapaian sasaran yang kita dapat daripada dua tiga tahun lepas bagaimana? Adakah ia menaik-menaik atau *stagnant* ia punya kadar pencapaian kerana sudah lama kita dengar bahawa semua kontraktor perlu ada lesen kontraktor dan juga lesen CIDB. Mereka harus mempunyai dua-dua sijil ini untuk mereka memperbaharui lesen.

Jadi, kalau sudah lama kita buat, dalam lebih daripada sepuluh tahun, mengapa perkara ini masih lagi belum mencapai tahap sebagaimana kita lihat di Singapura yang mempunyai lebih daripada 50 peratus pekerja-pekerja dalam negara mereka mahir dan kita faham juga kalau ikut sejarahnya, ramai pekerja-pekerja binaan yang bekerja di Singapura berasal daripada Malaysia.

Jadi, mengapa kita tidak dapat menggunakan kemahiran rakyat yang ada kepada rakyat kita ini? Apabila mereka di Singapura mereka mahir, apabila balik ke Malaysia bagaimana pula kita tidak boleh menguruskan mereka agar dapat memberikan manfaat kepada negara. Jadi, saya minta unjuran perkembangan CIDB daripada yang mula-mula dibuat sehingga sekarang ini. Adakah menunjukkan satu unjuran yang munasabah dalam kita hendak menuju negara yang lebih mampu dan mampan dari segi kita membina, terlibat dengan pembangunan industri pembinaan di Malaysia ini.

Seterusnya, berkaitan dengan lesen CIDB. Saya difahamkan untuk mereka memperbaharui lesen CIDB ini, semua kontraktor dikehendaki menghadiri kursus-kursus dan setiap kali kursus, mereka akan dikira merit. Masalahnya, setiap kali kursus yang dikira merit ini kadang-kadang bila mereka hadir, satu mereka perlu bayar. Maknanya, untuk dapat hendak barukan lesen ataupun hendak tinggikan gred dari segi lesen itu mereka perlu bayar untuk kursus. Kadang-kadang bila mereka hadir kursus itu, nilai yang didapati daripada kursus itu kadang-kadang tidak membantu kerana yang datang memberikan taklimat itu ataupun yang memberikan kursus itu mereka dari segi teori, mereka bukan orang yang praktikal terlibat dari segi bidang kontraktor sendiri. Jadi, ini kita lihat, kita dengar rungutan daripada kontraktor, datang pun tidak membantu apa-apa. Maknanya, mereka tidak nampak perkara itu dari sudut praktikal.

Kita mahu sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak kerajaan kita bilamana diberi satu kursus, kursus ini ialah perkara yang melibatkan perkara yang akan menambahkan kemahiran, bukan hanya memberikan teori-teori yang saya rasa tidak akan membantu mereka menjadi kontraktor yang lebih mahir ataupun pekerja yang lebih mahir.

Saya juga hendak tanya kepada pekerjaan, setakat ini berapakah jumlah insurans ataupun takaful yang telah pun dimiliki oleh mana-mana pekerja di Malaysia, khususnya yang terlibat dalam CIDB. Ini kerana kita difahamkan, sekarang ini untuk semua projek yang terlibat dengan kerajaan, pihak kontraktor mestilah menginsuranskan ataupun membeli takaful bagi pihak pekerja mereka. Jadi, kalau setakat ini yang terlibat dengan program kerajaan, mereka perlu beli insurans ataupun takaful. Bagaimana yang terlibat dengan kerja-kerja yang bukan kerajaan? Maksudnya, dalam kes-kes swasta, adakah dengan terlulusnya akta pada hari ini, mereka terpaksa juga mendapatkan insurans sebelum mana-mana pihak mendapatkan khidmat daripada mana-mana pekerja sama ada pekerja mahir ataupun pekerja separa mahir.

Begitu juga dengan apakah persatuan yang telah pun dimiliki oleh pekerja-pekerja binaan di Malaysia setakat ini? Ini kerana kita lihat dalam bidang-bidang lain, banyak ada persatuan yang membela mereka tetapi dari segi industri pembinaan Malaysia, saya tidak pernah dengar lagi mana-mana industri yang dimiliki oleh pekerja-pekerja binaan sama ada separa mahir ataupun benar-benar mahir. Dari segi liabiliti ini, sekiranya mereka hendak menuntut ataupun mereka hendak *fight* tentang apa-apa hak, cara manakah yang mereka telah buat? Ini kerana setakat ini kita dengar CIDB sahaja, dari segi lain kita tidak dengar lagi.

Kemudian dari segi, setakat ini berapakah jumlah kontraktor Kelas 'A' yang telah berdaftar dengan kerajaan berbanding dengan kontraktor Kelas 'F'? Ini kerana kita lihat bilamana dibuatkan pengelasan dan penggredan ini, ramai kontraktor majoritinya terlibat sebagai kontraktor Kelas 'F'. Akan tetapi apabila kontraktor Kelas 'F' ini, kita lihat dia punya *competition*, dia punya persaingan seolah-olahnya seperti mereka pengemis, terpaksa mengikut segala kehendak semata-mata hendak dapatkan projek. Jadi, saya mahu, kalau boleh kita sebagai kerajaan boleh sasarkan satu bentuk imej baru kepada pekerja binaan dan juga kontraktor agar mereka ini akan dapat tender ataupun projek dalam keadaan terhormat, bukan dalam keadaan seolah-olah terpaksa patuh kepada semua arahan ataupun semua kehendak pihak terbabit semata-mata kerana ingin mendapat untung RM1,000 ataupun RM2,000.

Saya juga hendak tahu daripada pihak kerajaan tentang bilangan kes kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan yang berkaitan dengan industri pembinaan di Malaysia. Ini kerana kita faham berdasarkan daripada Kementerian Sumber Manusia bahawa jumlah kes yang melibatkan kemalangan tempat kerja tinggi. Jadi, adakah ini juga melibatkan pekerja di bidang industri pembinaan Malaysia?

Saya hendak cadangkan kepada pihak kementerian agar memastikan mana-mana majikan, tidak kiralah kontraktorkah ataupun syarikatkah, memastikan semua pekerja yang dalam bidang pembinaan ini mempunyai slip gaji. Sebagai seorang peguam, saya mempunyai banyak masalah kalau melibatkan pekerja ataupun tuntutan yang dibuat oleh orang yang terlibat dengan kes-kes pembinaan kerana mereka ini *confirm* memang hadir, memang kerja dan kita dimaklumkan gaji untuk penyelia ataupun yang menjadi pekerja mahir di mana-mana bidang itu kadang-kadang gaji mereka sampai RM150 sehari walaupun di Kelantan. Apabila kita minta slip gaji, tidak ada slip gaji. Kalau kerja ada gaji, tidak kerja, tiada gaji.

Jadi, dalam industri lain kita lihat walaupun *cleaner*, mereka ada satu slip gaji yang *proper*. Jadi, mengapa untuk bidang industri pembinaan ini memang—kecualilah syarikat yang terlalu besar. Jadi, kalau syarikat biasa memang tiada sedangkan mereka terlibat dengan risiko yang besar. Kalau bolehlah cadangkan kepada pihak kementerian, fikirkanlah macam mana metodologi pun, pastikan semua yang terlibat dalam kes-kes binaan yang bekerja sebagai kerja pelbagai ini, mereka mempunyai slip gaji yang *proper* sekurang-kurangnya boleh dicop dan disahkan supaya masa hadapan mereka terjamin. Kalau berlaku apa-apa, kita tidak ada apa-apa bukti. Mereka juga ada keluarga, mereka juga hendak beli rumah, mereka juga hendak beli kereta. Kalau mereka tidak ada slip gaji, bagaimana? Walaupun mereka ini kerja swasta, saya minta perkara ini diberi satu pemerhatian. Kalau tidak mampu buat slip gaji, sekurang-kurangnya mereka mesti ada akaun bank untuk kita *provekan* bahawa mereka ini bekerja kerana pendapatan mereka ini tinggi dan mereka ini adalah orang yang betul-betul bergantung kepada kekuatan fizikal.

■1630

Sekali mereka demam dan sakit, gaji mereka berhenti. Jadi ini masa depan yang perlu kita jaga. Begitu juga dengan soal bila mana kita menjaga kebajikan pekerja-pekerja, kita juga hendak jaga kebajikan orang yang mendapatkan khidmat daripada pekerja binaan. Bagaimanakah sekarang ini kita mengendalikan kes-kes tuan rumah ataupun tuan bangunan yang tidak berpuas hati dengan konsep ataupun nilai pembinaan yang telah pun ditunjukkan oleh pekerja kita yang mengaku bahawa mereka ini adalah pekerja mahir? Jadi saya rasa perkara ini banyak kita dengar di bawah sendiri bagaimana mereka buat tidak sampai ke tahap, tetapi minta gaji lebih. So dalam konteks ini bagaimana kita hendak menyeimbangkan di antara kepentingan orang yang memohon untuk mendapatkan khidmat daripada Institut Binaan Malaysia dan juga kepentingan ataupun kebajikan pekerja sendiri?

Saya juga hendak tanya kenapakah dalam seksyen 33(6) yang menyebut bahawa sekiranya pihak majikan menggaji seorang pekerja mahir tetapi tidak maklumkan kepada pihak CIDB dan tidak dapatkan satu akreditasi? Syarikat ini akan dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.

Kenapa RM5,000 sebab dalam konteks ini yang saya faham gaji mereka yang dibayar sebagai pekerja mahir di tapak binaan sebagai penyelia itu kalau rumah atau bangunan kecil pun dalam RM100 sehari, itu di Kelantan. Mungkin di Kuala Lumpur gaji mereka lebih tinggi. Jadi kalau gaji mereka ini kemungkinan dalam RM6,000 ataupun RM5,000 tidak mungkin denda kepada orang yang tidak mendaftar. Mereka itu hanyalah RM5,000 sedangkan dalam seksyen lain saya lihat kebanyakan denda yang ditulis di sini adalah tidak melebihi RM500,000. So, saya hendak tanya apakah rasionalnya letak di sini RM5,000 sahaja? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap pihak kementerian ambil perhatianlah teguran-teguran yang membina dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi supaya jawapan yang berpatutan akan diberi sebentar lagi. Setelah mendengar empat orang Ahli Yang Berhormat membahaskan isu rang undang-undang ini, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.32 ptg.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan teguran kepada pindaan rang undang-undang ini adalah Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal, dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Pandangan yang diberikan bagi saya adalah amat berguna kerana mereka tidak pun sentuh isu-isu yang sebenar iaitu isu-isu yang berbangkit dari bidang tugas CIDB. Jadi kalau saya tidak sempat menjawab semua soalan, saya janji akan memberikan secara bertulis kepada semua soalan. Kadang-kadang hingga saya tidak sempat terima jawapan.

Saya akan memberi penjelasan kepada beberapa soalan yang berkaitan dengan CIDB, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah tanya tentang pusat latihan yang ada, berapakah, dan di mana tempatnya. Kita ada enam buah pusat latihan dipanggil Akademi Binaan Malaysia yang satunya di Wilayah Tengah iaitu di Cheras, Jalan Chan Sow Lin, kedua ada juga Akademi Binaan Malaysia di Selatan iaitu di Johor Bahru, di utara iaitu di Sintok, Kedah, dan di Timur di Kuala Terengganu, di Sabah kita ada satu, dan di Sarawak ada satu juga iaitu di Kuching. Ini jumlahnya enam. Terdapat juga enam bukan Akademi Binaan Malaysia. Kita juga ada 61 buah pusat latihan bertauliah yang telah dipantau oleh CIDB. Mereka juga dapat memberi latihan kepada pekerja-pekerja dalam beberapa jenis tred yang ada. Kursus ditawarkan seperti yang ada dalam 60 tred termasuk kimpalan dan semuanya ada.

Untuk *details* selanjutnya saya akan beri sepanjangnya *list*. Mereka dilatih khususnya kepada belia selama ada di antara dua bulan sehingga 18 bulan bergantung kepada tred yang dipohon, yang ini ada dalam *certificate* atau sijil sahaja dan kalau mereka ada juga selepas ini, mereka juga boleh lanjutkan memohon ke institusi-institusi teknikal yang lain untuk diploma atau lain.

Akan tetapi saya lihat telah pun mencukupi dan ramai belia yang telah pun dilatih di Akademi Binaan Malaysia (ABM) dapat juga kerja di mana-mana tred dengan pulangan wang gaji yang lumayan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz bawa banyak isu. Saya fikir lebih elok saya beri jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis kerana Yang Berhormat cakap dengan cepat. Saya pun tunggu soalnya sampai ada 20. Saya akan cuba...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehkah sekiranya pegawai-pegawai bantu Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Yong Khoon Seng: Ya, tetapi Yang Berhormat memang cakap cepat dan laju tahap tangannya tidak sempat tulis. Tadi ada Yang Berhormat sentuh mengenai *grading* kepada kontraktor. Kita sebenarnya ada tujuh gred dalam CID mulai dari gred 1 sehingga 7. Gred 1 iaitu Kelas 'F', 100 peratus bumiputera. Saya berikan sehingga hari ini, kontraktor yang berdaftar dengan CIDB adalah 61,153. Gred 1 paling banyak iaitu 31,637, gred 871(a) ada 4,379. Ini pun juga senarai yang saya akan beri kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan.

Berkenaan dengan keluarga yang mengikut profesion konvensional kita yang kerja di luar negara memang ini adalah pihak - kalau ada duta kita di sana, boleh berhubung dengan duta kita supaya kebijakan atau apa-apa perlu dibuat, boleh dijaga oleh pihak Kementerian Luar Negeri di mana kita ada wakil duta atau konsol jeneral. Ada juga peranan Duta Khas Infrastruktur di Asia Selatan. Ini dituju khas kepada mantan atau bekas Menteri Kerja Raya Dato' Seri Samy Vellu. Dia adalah Duta Khas Infrastruktur untuk Asia Selatan ditujukan khas. Perdana Menteri tidak ada di bawah kementerian, okey. Kita pun juga akan memberikan secara bertulis mengenai kemajuan yang telah pun dapat oleh duta khas ini.

■1640

Saya minta maaf kalau tidak dapat menjawab semua soalan. Saya janji akan berikan secara bertulis. Ya, ada satu soalan ditanya iaitu bagaimana ketua pegawai eksekutif menjadi ketua eksekutif. Ini adalah dengan Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam dalam Bil. 2 pada tahun 1998. Kita menyelaraskan *title* nama sahaja, gaji semua tidak ubah. Ini supaya ia selaras dengan semua GLC, dengan semua pertubuhan. CEO dalam bahasa Inggeris, tetapi dahulu kita translate "*Chief Executive Officer*". Itu yang jadi pegawai ada dalam sana. Kita sekarang gunakan "Ketua Eksekutif." Sama sahaja. Tidak ubah, dari status kah, dari segi gaji pun sama juga serupa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Norliza sebentar tadi?

Dato' Yong Khoon Seng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Satu kapal dua nakhoda dia kata tadi, ada kaitan?

Dato' Yong Khoon Seng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Kes pasal projek-projek yang bermasalah ini adalah satu kes yang spesifik, tetapi dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, kita boleh menentukan bahan binaan adalah bermutu tinggi. Bahan binaan akan disenaraikan oleh pihak CIDB mengikut standard. Ada *Malaysia standard, British Standard, ISO standard* pun ada yang boleh dipakai supaya bahan-bahan binaan bermutu diguna untuk pembangunan atau infrastruktur.

Itulah kalau kita bergantung pada pegawai, kita pun susah hendak baca. Orang menyoal pun cepat sangat, itulah masalah... *[Ketawa]* Mereka perlu tulis macam doktor, *scribbling*.

Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal, yang kita gunakan IBS ini boleh. Sekarang kita telah pun nampak ia telah pun mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dalam lingkungan lebih daripada 47 peratus. Ini adalah satu kaedah yang kita ambil dan kita tengok ada faedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok ini saya rasa lebih baik saya menjawab secara bertulis supaya dapat memberikan jawapan yang lebih jelas. Saya tidak akan jawab di sini teragak-agak kerana ia tidak baik untuk jawapan. Kalau kita agak-agak nanti kena tuduh dan hendak buat *ministerial statement* lagi. Tidak boleh. Itu sahaja saya fikir Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat jawab. Sekali lagi saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada empat orang Yang Berhormat Senator yang telah menyumbang kepada perbahasan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon Yang Berhormat sampaikan salam takzim saya kepada Yang Berhormat Menteri dan seterusnya saya teruskan kepada urusan seterusnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat, akhirnya seorang Menteri datang untuk menjawab bagi rang undang-undang yang penting ini dan saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat. .. [Tepuk]

4.48 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 iaitu suatu akta untuk menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara dengan tanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berkenaan dengan gaji minimum dan untuk membuat syor kepada kerajaan supaya membuat perintah gaji minimum mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui empat tunggak utama transformasi iaitu Model Ekonomi Baru, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dalam usaha mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dalam tempoh sembilan tahun dari sekarang, nasib golongan pekerja berpendapatan rendah ataupun golongan yang dianggap sebagai *working poor*, dengan izin, di negara ini perlu mendapat pembelaan sewajarnya selaras dengan prinsip keterangkuman dalam Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penetapan gaji bagi pekerja-pekerja sektor swasta di Malaysia ditentukan melalui tiga kaedah iaitu:

- (i) kuasa-kuasa pasaran berdasarkan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh;
- (ii) melalui perjanjian kolektif ataupun *collective agreement* hasil rundingan antara kesatuan sekerja dengan pihak majikan; dan
- (iii) melalui Majlis Penetapan Gaji di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947.

Daripada ketiga-tiga kaedah tersebut, hanya gaji yang ditetapkan melalui Majlis Penetapan Gaji yang merupakan gaji minimum. Namun begitu, penetapan gaji minimum adalah terhad kepada subsektor tertentu bagi kumpulan pekerja yang mudah terjejas seperti pembantu kedai, pekerja di pelabuhan, pekerja hotel, penyediaan makanan dan pengawal keselamatan.

Gaji yang ditentukan melalui kuasa pasaran didapati tidak berkesan kerana berdasarkan kajian oleh Bank Dunia sejak sepuluh tahun yang lepas, kadar gaji di Malaysia hanya meningkat secara purata sebanyak 2.6 peratus setahun. Kajian Guna Tenaga Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2009, melibatkan sampel sebanyak 24,000 orang majikan dan 1.3 juta pekerja mendapati 33.8 peratus pekerja adalah bergaji di bawah RM700 sebulan. Ini menunjukkan bahawa terdapat herotan dalam pasaran buruh yang di mana kadar gaji yang ditentukan oleh kuasa pasaran telah mengekang peningkatan kadar gaji sedangkan kos sara hidup meningkat berlipat ganda.

Gaji yang dirundingkan bersama antara majikan dan pekerja dalam perjanjian kolektif atau *collective agreement* hanya meliputi kira-kira 7 peratus daripada keseluruhan guna tenaga iaitu pekerja yang menyertai kesatuan sekerja sahaja. Bagi menangani isu ini, kerajaan perlu mengambil langkah intervensi untuk melaksanakan Dasar Gaji Minimum di peringkat nasional. Langkah intervensi ini adalah berasaskan fakta dan perangkaan yang tepat, relevan dan menyeluruh, bersandarkan kajian dan penyelidikan yang komprehensif dan bukannya disebabkan desakan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa, gaji minimum ditakrifkan sebagai gaji paling rendah yang patut dibayar kepada pekerja untuk kerja atau perkhidmatan yang dilakukan dalam tempoh tertentu sama ada dikira berdasarkan masa atau output yang tidak boleh dikurangkan oleh individu atau menerusi perjanjian bersama, dijamin oleh undang-undang dan ditetapkan bertujuan untuk menampung keperluan minimum kehidupan pekerja dan keluarganya berasaskan keadaan sosioekonomi sesebuah negara. Definisi gaji minimum itu sendiri menunjukkan bahawa pelaksanaan Dasar Gaji Minimum memerlukan suatu undang-undang yang khusus.

Rang undang-undang ini adalah atas keperluan dan kepentingan tersebut. Suatu rang undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 telah digubal bagi melaksanakan gaji minimum di peringkat nasional. Rang undang-undang ini telah digubal dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak iaitu pihak pekerja, pihak majikan, agensi-agensi kerajaan, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan, orang awam dan pengalaman serta kepakaran antarabangsa iaitu pihak Bank Dunia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Melalui mesyuarat-mesyuarat kumpulan fokus, bengkel-bengkel, makmal dan hari terbuka malahan melalui saluran internet iaitu melalui blog gaji minimum di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah Majlis yang dinamakan Majlis Perundangan Gaji Negara yang berfungsi sebagai satu badan bebas bagi mengkaji dan sebagai satu badan yang menetapkan gaji minimum berteraskan prinsip *tripartisme* antara pihak kerajaan, pihak pekerja dan pihak majikan.

Majlis ini akan dibantu oleh kumpulan profesional dalam Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar statistik dan pakar-pakar sosial.

Berteraskan gabungan prinsip *tripartisme* dan profesionalisme tersebut, ia akan dapat menjamin kaedah penetapan gaji minimum yang dilaksanakan dengan lebih adil dan telus. Berteraskan gabungan prinsip *tripartisme* dan profesionalisme itu juga ia sebenarnya membentuk satu perundingan kolektif di peringkat nasional atau *national based collective bargaining* dengan izin, yang akan menjadi asas kepada perundingan kolektif di peringkat kesatuan sekerja atau pihak majikan kelak.

Ini bermakna Majlis akan menetapkan satu gaji minimum yang asas *based line* yang mana pihak kesatuan sekerja dan majikan boleh merundingkan gaji yang lebih tinggi daripada gaji asas itu berdasarkan tahap produktiviti, daya saing, kemampuan syarikat dan sebagainya. Akhirnya, perundingan kolektif di antara kesatuan sekerja dan pihak majikan akan menjadi perkara pokok yang lebih penting daripada gaji minimum bagi membolehkan pekerja mendapatkan gaji yang jauh lebih tinggi sesuai dengan tahap produktiviti mereka berbanding dengan gaji minimum iaitu gaji lantai yang diwartakan kerajaan. Dalam erti katanya, gaji minimum akan berjalan seiringan dengan perjanjian kolektif.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan gaji minimum bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan kuasa beli bagi menghadapi peningkatan kos sara hidup dan seterusnya menangani isu kemiskinan di kalangan pekerja. Gaji minimum juga bertujuan mengelakkan eksploitasi majikan ke atas pekerja dalam keadaan majikan mudah mendapat bekalan pekerja asing yang sanggup menerima gaji yang rendah. Selain itu, ia bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja tempatan dan bagi menggalakkan majikan meningkatkan rantai nilai melalui pelaburan dalam teknologi tinggi dan peningkatan produktiviti pekerja. Dengan itu, secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Di kebanyakan negara yang telah melaksanakan gaji minimum, menunjukkan bahawa pelaksanaan gaji minimum lebih banyak membawa kesan positif ke atas pembangunan sosioekonomi mereka. Walau bagaimanapun, jika gaji minimum ditetapkan pada kadar yang terlalu tinggi secara teorinya ia boleh menyebabkan peningkatan kos menjalankan perniagaan kepada majikan yang mendorong majikan mengurangkan jumlah pekerja dan seterusnya meningkatkan kadar pengangguran. Perusahaan kecil-kecilan terutamanya di luar bandar, selalunya beroperasi dengan margin keuntungan yang sangat kecil dan kerap kali menghadapi masalah semasa kelembapan ekonomi. Andaikan gaji minimum ditetapkan pada kadar yang tinggi, ia tentunya di luar kemampuan perusahaan kecil untuk terus beroperasi dan ini boleh menjejaskan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Pelaksanaan gaji minimum secara teorinya mungkin memberi kesan ke atas peningkatan kadar inflasi di dalam tempoh jangka pendek. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dipengaruhi oleh pelbagai faktor ekonomi seperti permintaan dan penawaran, kos tenaga, kos teknologi dan sebagainya dan bukannya disebabkan oleh faktor peningkatan gaji sahaja semata-mata. Penetapan kadar gaji minimum yang munasabah sewajarnya dapat meningkatkan kapasiti dalam menjana peluang pekerjaan. Namun, pelaksanaan gaji minimum mungkin boleh memberikan kesan terhadap peluang pekerjaan kepada golongan yang mudah terjejas iaitu seperti orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal dan sebagainya.

Dalam hal ini, Majlis akan diminta untuk mencari kaedah terbaik supaya kumpulan ini diberi perlindungan agar peluang pekerjaan mereka tidak terjejas. Sementara itu, Majlis juga akan diminta mengkaji sistem gaji bagi sektor tertentu seperti perhotelan, pertanian, pengangkutan dan sebagainya yang mempunyai elemen gaji boleh ubah seperti caj perkhidmatan, *fees rated commission* dan *output*. Pelaksanaan gaji minimum mungkin memberi kesan terhadap pelaksanaan Sistem Upah Berdasarkan Produktiviti (PLWS) yang sedang diamalkan sekarang.

Bagi menangani kemungkinan implikasi-implikasi itu, Kementerian Sumber Manusia telah menggunakan kepakaran daripada Bank Dunia untuk menjalankan kajian yang *comprehensive*. Selain itu, pemantauan yang berterusan dan konsisten akan dijalankan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara dengan bantuan daripada Jawatankuasa Teknikal melalui pengumpulan dan penganalisan data tentang gaji dan *indicator* sosioekonomi.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi enam bahagian dan 61 fasal seperti berikut. Bahagian I yang mengandungi fasal 1 dan fasal 2 yang memerlukan nama akta ini, penetapan tarikh kuat kuasa, pemakaiannya dan tafsiran istilah-istilah yang digunakan. Dalam fasal 2, rang undang-undang ini, "gaji minimum" ertinya gaji pokok yang diwartakan daripada perintah gaji minimum. Rasional gaji pokok dipilih sebagai gaji minimum adalah bagi mengelakkan pelaksanaan gaji minimum ini dimanipulasikan kaedah pembayarannya kepada pekerja.

Selain itu, secara umumnya pembayaran elaun atau pemberian faedah pengajian oleh majikan adalah berdasarkan kepada gaji pokok seseorang pekerja. Oleh itu sebarang pemberian elaun seperti elaun lebih masa yang diasaskan kepada gaji pokok akan dapat meningkatkan pendapatan keseluruhan seseorang pekerja. Gaji pokok juga akan dapat memastikan seseorang pekerja dapat menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau PERKESO yang lebih tinggi dan ini akan dapat menjamin masa depan masa hadapan pekerja dan keluarga mereka. Dengan kata lain, gaji minimum juga bertujuan meningkatkan perlindungan sosial kepada pekerja bukan sahaja semasa mereka bekerja tetapi juga untuk hari tua mereka.

Bahagian II yang mengandungi fasal 3 hingga fasal 20 memperincikan perkara-perkara yang berkaitan dengan penubuhan Majlis Perundingan Gaji Negara termasuk keahlian, kuasa dan fungsi majlis, jawatankuasa yang boleh ditubuhkan, urus setia tetap dan penyediaan dana kepada majlis.

Fasal 4 rang undang-undang memperuntukkan fungsi majlis seperti berikut:

- (i) menasihati kerajaan tentang semua perkara yang berhubungan dengan gaji minimum termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- (ii) membuat syor kepada kerajaan tentang kadar dan liputan gaji minimum mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah dan perkara-perkara lain yang berhubungan dengan gaji minimum dan gaji;
- (iii) membuat rundingan dengan orang awam tentang kadar dan liputan gaji minimum;
- (iv) mengumpul dan menganalisis data dan maklumat dan menjalankan kajian tentang gaji dan petunjuk sosioekonomi;
- (v) menyelaraskan dan menyelia dan menilai impak pelaksanaan gaji minimum;
- (vi) mengkaji semula perintah gaji minimum;
- (vii) menimbang teliti tentang semua perkara yang berhubungan dengan gaji minimum;
- (viii) menyebarkan maklumat dan analisis tentang gaji; dan
- (ix) menjalankan apa-apa fungsi lain yang difikirkan patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Selaras dengan fungsi majlis sebagai satu badan yang memberi nasihat dan syor kepada kerajaan dalam hal berkaitan upah, gaji dan penetapan gaji minimum serta bagi memastikan kepentingan semua pihak terjamin, keanggotaan majlis sebagaimana dalam fasal 5 adalah seperti berikut:

- (i) seorang pengerusi;
- (ii) seorang timbalan pengerusi;
- (iii) seorang setiausaha yang merupakan penjawat awam;
- (iv) sekurang-kurangnya lima orang wakil dari kalangan penjawat awam;
- (v) sekurang-kurangnya lima orang mewakili pihak pekerja;
- (vi) sekurang-kurangnya lima orang mewakili pihak majikan; dan
- (vii) sekurang-kurangnya lima orang wakil yang lain.

Pengerusi, timbalan pengerusi dan wakil-wakil lain adalah bukan dari kalangan penjawat awam, pihak majikan atau pihak pekerja dan mereka hendaklah mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam hal ehwal perburuhan dan perhubungan perusahaan. Majlis mempunyai kuasa menjalankan fungsi-fungsi dan tanggungjawab secara *self-regulatory* dalam lingkungan semangat keharmonian perhubungan perusahaan. Selain pihak pekerja, pihak majikan dan pihak kerajaan yang berasaskan prinsip tripartisme, keanggotaan majlis ini turut terdiri daripada individu-individu berkecuali yang berkemahiran atau berpengalaman luas.

Selain itu, ahli Majlis ini akan dilantik supaya dapat mewakili wilayah iaitu dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Langkah ini adalah bagi memastikan proses yang telus, terbuka dan menyeluruh digunakan oleh majlis sebelum sesuatu syor dimuktamadkan dan dikemukakan kepada kerajaan untuk kelulusan. Majlis ini juga boleh menubuhkan jawatankuasa bagi membantu majlis menjalankan fungsinya. Salah satu jawatankuasa ialah jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada wakil-wakil yang pakar dalam bidang ekonomi, bidang statistik dan sosial yang berperanan memberi maklumat teknikal kepada majlis secara bebas dan profesional.

Perkara-perkara yang akan dikaji oleh jawatankuasa teknikal termasuk impak pelaksanaan gaji minimum seperti impak terhadap pasaran buruh, kadar pengangguran, tahap gaji iaitu *level of wages*, inflasi, *consumer price index*, *cost of living*, produktiviti, pertumbuhan ekonomi iaitu GDP, pendapatan garis kemiskinan atau *poverty line income* dan pembangunan sosial.

Bahagian III yang mengandungi fasal 21 hingga fasal 25 memperincikan kuasa majlis membuat konsultasi dengan orang awam berhubung cadangan gaji minimum, kuasa majlis membuat perakuan kepada kerajaan, perintah gaji minimum dan kuasa majlis dan kerajaan dalam mengkaji semula gaji minimum. Kajian semula atau *review* perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun adalah untuk memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan gaji minimum ke atas pembangunan sosial dan ekonomi negara serta mengkaji keperluan sama ada kadar dan liputan gaji minimum perlu diselaraskan.

Bahagian ini juga memperincikan proses yang perlu dilalui sebelum sesuatu syor gaji minimum diwartakan dan kesan undang-undang apabila suatu perintah gaji minimum dikuatkuasakan melalui warta. Syor oleh pihak majlis akan diputuskan oleh kerajaan sama ada syor berkenaan diterima atau kerajaan boleh meminta majlis mengkaji semula dan mengemukakan syor yang baru dalam tempoh yang ditentukan oleh kerajaan. Sekiranya kerajaan masih tidak bersetuju dengan syor yang baru, kerajaan boleh menentukan kadar gaji minimum dan perkara-perkara berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya menentukan gaji minimum secara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, syor gaji minimum yang dibuat oleh majlis kepada kerajaan boleh mengikut sektor, jenis pekerjaan dan wilayah. Sekiranya majlis membuat syor hanya satu gaji minimum terpakai untuk semua sektor, semua jenis pekerjaan dan semua wilayah, ini bermakna gaji minimum yang ditetapkan itu adalah gaji minimum kebangsaan. Majlis juga boleh membuat syor bagi mengecualikan mana-mana sektor atau golongan pekerja yang tidak sesuai diliputi di bawah perintah gaji minimum. Selain itu, Majlis juga boleh membuat syor tentang tarikh penguatkuasaan perintah gaji minimum.

Implikasi pelaksanaan gaji minimum terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara dijangkakan sangat meluas, kompleks dan tidak menentu. Walaupun majlis diberi tanggungjawab menentukan gaji minimum berlandaskan prinsip tripartisme dan bersifat profesional, namun kerajaan perlu mempunyai peranan dalam menentukan kadar dan liputan gaji minimum setelah menimbang syor daripada majlis. Dalam hal ini, peranan kerajaan adalah penting kerana kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap hal ehwal ekonomi dan pembangunan sosial negara secara menyeluruh. Lebih-lebih lagi, pelaksanaan gaji minimum di peringkat nasional merupakan perkara yang baru di negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih daripada 70 peratus dari negara di dunia ini yang melaksanakan gaji minimum memberi peranan kepada kerajaan sama ada kepada Kabinet, Kongres atau Parlimen dalam menentukan gaji minimum. Umpamanya di negara Perancis, gaji minimum ditentukan oleh Majlis Menteri dan di United Kingdom oleh Parlimen setelah mendapat syor daripada badan penasihat dan di Amerika Syarikat oleh Kongres tanpa obligasi untuk berunding dengan rakan sosial.

Bahagian IV yang mengandungi fasal 26 hingga 42 memperincikan tentang kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai Jabatan Tenaga Kerja. Di bawah bahagian ini, kuasa penyiasatan, penggeledahan, penyitaan, pemeriksaan dokumen diperuntukkan kepada pegawai penyiasat yang dihuraikan secara terperinci dalam 17 fasal bagi memastikan pelaksanaan gaji minimum dapat dikuatkuasakan dengan teratur, telus dan lancar.

Bahagian V yang mengandungi fasal 43 hingga 47 memberi tumpuan kepada aspek kesalahan dan penalti. Semua bentuk penalti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini yang disebabkan oleh ketidakpatuhan majikan adalah bertujuan untuk melindungi pekerja daripada sebarang ketidakadilan dan eksploitasi serta membolehkan pekerja mendapatkan hak-hak di bawah undang-undang.

■1710

Selain penalti RM10,000 maksimum bagi setiap kesalahan, majikan dikehendaki membayar apa-apa perbezaan gaji pokok kepada pekerja yang didapati dibayar di bawah paras gaji minimum serta bayaran-bayaran lain yang berkaitan.

Selain itu, rang undang-undang ini turut menekankan penalti yang bersifat *deterrent* dengan izin dalam hal kesalahan berterusan dan berulang. Bagi kesalahan berterusan, penalti yang dicadangkan ialah denda tidak melebihi RM1,000 sehari bagi setiap kesalahan. Sementara bagi kesalahan berulang, penalti yang dicadangkan ialah denda RM20,000 maksimum atau penjara tidak lebih lima tahun bagi setiap kesalahan.

Bahagian VI merupakan fasal-fasal am yang mengandungi fasal 48 hingga 61 memperincikan tanggungjawab majikan, badan korporat, perlindungan kepada pegawai awam, perlindungan kepada pemberi maklumat, kuasa penawaran kompaun bagi kesalahan pendakwaan, kuasa menteri dalam membuat peraturan dan rujukan.

Bahagian ini juga memperincikan pemansuhan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 atau Akta 195 dan digantikan dengan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Ini kerana penetapan gaji minimum melalui Akta 195 mengambil masa yang lama dan melalui proses yang rumit. Akta tersebut juga tidak menyeluruh kerana pendekatannya adalah mengikut jenis pekerjaan dan subsektor tertentu sahaja. Dengan pemansuhan Akta 195, apa-apa rujukan terhadapnya dalam mana-mana undang-undang bertulis selepas pemansuhan Akta 195 adalah merujuk kepada Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai kesimpulan, Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 adalah suatu perundangan yang sangat penting sebagai platform utama bagi kerajaan, pihak pekerja dan pihak majikan berbincang secara konstruktif dalam semangat *tripartisme* berkenaan gaji termasuk penetapan gaji minimum bagi memastikan pekerja menerima gaji yang berpatutan, mengelakkan eksploitasi majikan, meningkatkan kuasa beli pengguna, menggalakkan pelaburan dalam teknologi tinggi, meningkatkan produktiviti pekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Kadar gaji minimum hendaklah berpatutan yang tidak terlalu rendah atau terlalu tinggi. Sekiranya kadar gaji minimum terlalu tinggi, ia boleh membebankan majikan dan seterusnya menjejaskan perniagaan mereka atau terpaksa gulung tikar yang mana akhirnya akan merugikan pihak pekerja sendiri. Sekiranya gaji minimum terlalu rendah, ia tidak mencapai objektif pelaksanaan gaji minimum.

Sehubungan itu, gaji minimum perlu ditetapkan pada kadar yang munasabah dan berpatutan kepada semua pihak. Melalui pelaksanaan dasar gaji minimum secara teratur, telus dan tulus, kerajaan berkeyakinan penuh bahawa nasib rakyat berpendapatan rendah akan terus terbela dan terangkum dalam satu bahtera kecemerlangan 1Malaysia menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Begitulah bunyinya penjelasan dan penghuraian yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sendiri datang ke Dewan ini memberi penjelasan. Seterusnya saya minta seorang Menteri menyokong.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara dengan tanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berkenaan dengan gaji minimum dan untuk membuat syor kepada kerajaan supaya membuat perintah gaji minimum mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya mulakan minta Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan rang undang-undang ini, terdapat sejumlah 12 orang telah menyatakan kesediaan untuk berbahas. Dalam perkara ini saya minta semua Ahli Yang Berhormat perkara ini penting perlu dibahaskan. Saya minta Ahli Yang Berhormat fokus dengan cara yang lebih bijak, tepat *to the point*, cadangan dan sebagainya untuk menjimatkan masa dan juga saya harap Yang Berhormat selepas ini siapa yang sudah berbahas jangan balik dahulu. Sungguhpun saya tahu hari ini hari terakhir kerana yang penting kerana yang penting bekerjasama itu amat penting sekali.

Sekian, saya persilakan sekarang Datin Paduka Datuk Nor Hayati. Selepas itu Datuk Subbaiyah bersedia dan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

5.16 ptg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillahhi Rahmanni Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya laluan bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat gaji minimum merujuk kepada gaji yang diberikan oleh majikan pada tahap minimum tanpa mengira mana-mana sektor tanpa mengira pelbagai faktor termasuk jantina, kelulusan, bidang dan sebagainya. Menurut sejarah peradaban manusia pertama kali diperkenalkan ialah di Australia dan juga New Zealand pada akhir abad ke-19. Undang-undang gaji minimum kini terdapat di lebih 90 peratus negara di seluruh dunia.

Izin saya mengimbas sedikit kerenah pelaksanaan gaji minimum di negara kita. Dari pembacaan saya, sejak sekian lamanya gaji minimum antara swasta dan kerajaan tidak dapat diselaraskan kerana faktor kelulusan, penilaian produktiviti berbeza, sasaran keuntungan kerajaan dan swasta berbeza dan sebagainya. Ada dakwaan tidak berasas mengatakan gaji minimum hanya akan menyebabkan kerajaan bankrap kerana tidak mampu membayar gaji sebanyak itu. Majikan tentu akan membayar gaji lebih jika mahu mengekalkan pekerja terbaiknya.

Saya berpandangan ini semua fakta yang tidak tepat kerana kerajaan mempunyai iltizam dan hasrat murni untuk membantu golongan pekerja bawahan menikmati kehidupan yang lebih selesa dan menyediakan landasan yang betul menuju negara berpendapatan tinggi (*high income nation*).

Di sini saya teguh berdiri di belakang kerajaan dalam usaha dan iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyokong penuh hasrat kerajaan yang mengilhamkan Model Baru Ekonomi (MBE) di dalam usaha memperkenalkan ekonomi berpendapatan tinggi (*high income nation*) dan meningkatkan pendapatan per kapita dari USD7,000 sekarang kepada USD17,000 pada 2020.

Saya berpendapat ianya dapat membantu golongan bawahan yang berpendapatan isi rumah di bawah RM2,300 sebulan yang dikatakan mewakili di antara 30 peratus hingga 40 peratus penduduk negara. Saya berkeyakinan dengan Majlis Perundingan Gaji Negara ini yang bakal menggantikan Akta Majlis Gaji 1947 dengan pelbagai penambahbaikan dari sudut keahlian dan kepakaran memberi nasihat, bajet, penglibatan ahli ekonomi dan ahli akademik.

Rang undang-undang ini juga turut menyentuh isu peranan dan kuasa sebenar yang diberikan kepada majlis serta penglibatan secara langsung pihak menteri dan wakil menteri sendiri dalam membuat syor dan cadangan kepada pihak kerajaan bagi tujuan penambahbaikan.

Izinkan saya menyentuh beberapa isu sama ada di peringkat dasar dan juga jawatankuasa. Bagi status gaji pengawal keselamatan saya mengikuti perkembangan gaji minimum pengawal keselamatan ini. Di Semenanjung Malaysia terdapat hampir 150,000 pengawal keselamatan rakyat tempatan dan rakyat asing. Bagaimana pun gaji baru antara RM500 hingga RM700 telah dikuatkuasakan pada 15 Februari 2011 menerusi arahan yang ditandatangani Menteri Sumber Manusia bertarikh 11 Februari 2011.

■ 1720

Apa yang boleh saya rumuskan, penetapan gaji minimum untuk pengawal keselamatan yang pada mulanya sepatutnya berkuat kuasa pada bulan Julai 2010 terpaksa ditunda ke bulan Januari kerana kerajaan sedar bahawa dalam keadaan yang sedia ada majikan terbabit tidak mampu melaksanakan gaji minimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Walaupun kerajaan telah menstrukturkan semula formula gaji minimum untuk pengawal keselamatan yang telah berkuat kuasa pada 15 Februari 2011, sebahagian besar majikan masih tidak mampu untuk membayar kadar gaji minimum yang telah ditetapkan.

Soalannya ialah, bagaimanakah risiko tempat bertugas mempengaruhi gaji minimum pengawal keselamatan? Adakah sama gaji jika risiko kerja golongan ini berlainan?

Bagaimanakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian dalam menetapkan zon-zon skala gaji baru ini iaitu Zon 'A' dengan gaji pokok RM550 dan elaun sebanyak RM150 yang meliputi kawasan Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru Selatan, Kota Tinggi, Kulai Jaya dan Pontian. Zon 'B' memperuntukkan gaji pokok sebanyak RM500 dan elaun sebanyak RM100 merangkumi Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Terengganu, Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar, Ledang dan Segamat dan untuk Zon 'C', gaji pokok ditetapkan pada RM450 dan elaun sebanyak RM50 bagi Kedah, Kelantan dan juga Perlis.

Saya mohon penjelasan kementerian mengenai perkara ini. Begitu juga dengan kemiskinan bandar, *urban poverty* dengan izin. Saya juga memohon agar kementerian turut menumpukan usaha ke arah membasmi kemiskinan bandar, *urban poverty* dengan izin, kerana jelas golongan miskin bandar ini gajinya sekitar RM2,500 ke bawah dan tinggal di flat PPRT dan tiada simpanan masa hadapan. Bagi daya saing Malaysia di peringkat global, gaji minimum dikatakan menjejaskan daya saing Malaysia sebagai negara industri sedangkan insentif buruh murah dilaung-laungkan sejak mantan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian di sekitar tahun 70-an lagi.

Pada masa itu Tun Dr. Mahathir berjaya menarik pengilang seperti Motorola, Robert Bosch, Western Digital dan National Semiconductor untuk melabur di Bayan Lepas dan Sungai Wei. Persatuan sekerja tidak dibenarkan ditubuhkan di zon-zon perdagangan bebas ini. Pada satu ketika, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad menggesa produktiviti mestilah selari dengan pendapatan yang diterima. Beliau menekankan jika produktiviti meningkat maka gaji juga akan turut meningkat. Akan tetapi hal ini masih belum dicapai lagi. Apakah pandangan kementerian di dalam soal ini? Ada juga dakwaan mengatakan tanpa adanya gaji minimum sekalipun, pelabur berebut-rebut keluar.

Di antaranya ialah Sumida, Panasonic, Sony di Kawasan Perindustrian Bangi, National Semiconductor di Bayan Baru telah lama bertukar-tukar pengurusan dan pemilik. Kilang Seagate di Ipoh juga tidak dapat bertahan lama kerana semua kilang elektronik ini amat bergantung pada kos buruh murah. Sementara permintaan kepada semikonduktor sentiasa turun naik dan beralih kepada teknologi robot dan mesin. Bagaimana kementerian melihat juga akan isu ini?

Bagi Bahagian III, fasal 21 – Komunikasi dengan orang awam dan golongan berkepentingan sebelum sesuatu cadangan dibuat, apakah tindakan komunikasi yang bakal diambil serta konsep turun padang oleh Majlis untuk mendengar permasalahan rakyat. Bagi kuasa Menteri membuat syor gaji minimum atau syor Majlis, nampak seperti seolah-olah Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa veto di dalam isu ini dan saya mohon sedikit ulasan di dalam perkara ini.

Bagi Bahagian V, fasal 28 dan 29 – penyitaan berwaran dan tanpa waran. Bagaimanakah kaedah penyitaan tanpa waran? Bagaimana pengenalan kad kuasa yang dipegang pegawai penguat kuasa. Perlukah ia diiringi dengan pihak polis?

Bagi fasal 43, penalti jika majikan tidak menurut perintah gaji minimum. Saya ingin tahu bagaimanakah nilai denda dan adakah hukuman penjara atau sebat ini dibuat sebagai pengajaran?

Disebabkan ramai lagi yang hendak berbahas, maka dengan ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan, selepas itu Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

5.25 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana dengan sendirinya telah datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh semua Ahli Yang Berhormat selepas ini, *preamble* itu kurangkan. *Go to the point straight away*, silakan.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua, gaji minimum adalah satu kehendak seperti mana yang dirancang dalam mentransformasikan negara menuju negara maju dan berpendapatan tinggi. Saya menerima baik hasrat kerajaan dalam merealisasikan akta ini demi menjamin masa hadapan golongan pekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kenaikan gaji minimum akan menjurus kepada satu atau dua masalah khususnya inflasi dan memandangkan *mindset* yang kita ada di kalangan rakyat dan peniaga-peniaga. Kenaikan harga oleh peniaga sedemikian dilihat amat nyata dan mereka sah mengambil kesempatan dengan sewenang-wenangnya. Kita dengar sebaik sahaja gaji naik, harga barang pasti naik. Saya menyarankan agar implementasi rang undang-undang ini harus diganding bahu oleh kementerian-kementerian lain dalam memastikan inflasi kita terkawal khususnya dalam bidang peruncitan. Adalah harapan saya agar kementerian dapat menentukan gaji yang dinaikkan ini dipastikan ia dapat dan mencukupi dari segi saraan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian penguatkuasaan, saya sekali lagi mahu kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan iaitu dalam bahagian empat yang mengandungi 17 fasal ini diperincikan. Soal penguatkuasaan ini diperuntukkan kepada pegawai jabatan tenaga rakyat. Jadi kita mungkin menghadapi kekurangan tenaga dalam melaksanakan tugas yang diamankan dalam memastikan harga peruncitan sentiasa berada dalam kawalan. Walaupun penguatkuasaan dijalankan secara *random*, tetapi kita harus juga melihat kepada laporan-laporan yang diberikan sama ada menerusi surat dan juga blok laporan serta kerajaan harus memantau laman-laman sosial agar kita dapat bertindak segera dalam mencari penyelesaian dan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah tugas dan tanggungjawab panel yang menjadi badan *advisory* atau menasihati kerajaan. Adakah semua syor ini akan diguna pakai oleh kerajaan dan juga kalau kita hendak dipastikan bahawa syor-syor daripada Majlis ini bukanlah menjadi sia-sia dan sepatutnya menjadi sebagai garis panduan oleh kerajaan dalam pelaksanaan gaji minimum ini. Saya menyedari bahawa dalam implikasinya adalah begitu luas, kompleks dan tidak menentu yang sekali gus kerajaan terpaksa berhati-hati dalam memastikan bahawa selari dengan penetapan gaji minimum ini, kita harus melihat dari sudut hal ehwal ekonomi, harus dilihat dari sudut pembangunan negara sama ada kita dapat mencapai perkara ini dengan sebaik mungkin. Di bawah peraturan fasal 5 yang telah pun dijelaskan bahawa Majlis ini terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

■1730

Saya merujuk kepada pelantikan Pengerusi dan Timbalannya. Tidak ada satu klasifikasi yang jelas bahawa mereka ini dari kalangan siapa. Yang Berhormat Menteri dengan kuasa yang ada boleh melantik mereka ini. Sekurang-kurangnya lima anggota daripada kalangan pegawai awam. Itu jelas. Pegawai awam di bawah seksyen 5(1)(e) sekurang-kurangnya lima anggota yang mewakili pekerja- pekerja itu siapa, dari sektor-sektor mana. Mohon penjelasan.

Persoalan selanjutnya adalah apabila kerajaan melaksanakan rang undang-undang ini, pihak majikan harus menepati dan menghayati keputusan yang telah dibuat. Apakah kementerian akan memastikan bahawa pihak majikan tidak menyeleweng atau mengambil kesempatan ini dengan memansuhkan elaun-elaun yang sedia ada.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jika ini berlaku, apakah tindakan kementerian terhadap isu-isu sedemikian kerana kita sedar kementerian tidak mempunyai sebarang kuasa mutlak dalam menghalang pihak majikan berbuat demikian. Mengikut seksyen 22(2)(b), kerajaan boleh mengarahkan untuk mengkaji semula syor yang dikemukakan oleh Majlis. Adakah peruntukan ini dilihat sebagai terbuka dan luas bidangnya. Adakah kerajaan perlu menyatakan dalam keadaan apakah syor tersebut dapat dikaji semula. Mengikut seksyen 44 yang memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan majikan itu untuk membayar perbezaan antara kadar gaji minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah gaji minimum dengan gaji pokok yang dibayar oleh majikan kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang majikan tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen tersebut, mahkamah hendaklah atas permohonan pekerja mengeluarkan satu waran dan mengikutnya adalah secara *distress* di bawah sub-seksyen (a), secara *distress* dan penjualan harta majikan itu mengikut tatacara yang sama seperti pelaksanaan di bawah kaedah-kaedah Mahkamah Rendah ataupun *Subordinate Court's rules*. Saya dapati bahawa di bawah *Subordinate Court's rules* itu seharusnya pekerja-pekerja itu hendaklah mengeluarkan satu deposit yang amaunnya adalah signifikan.

Soalan saya adalah, sama ada pihak kementerian boleh memberi pengecualian kepada deposit ini. Kalau tidak, pekerja akan mendapat kesusahan. Mereka tidak boleh melaksanakan ataupun mengikut proviso ini untuk mendapatkan balik perbezaan gaji itu.

Tuan Yang di-Pertua, penetapan gaji minimum ini juga boleh menggalakkan majikan meningkatkan rantai nilai ataupun *move up the value chain*, dengan izin, melalui pelaburan dalam..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau berucap sekali sekala tengok di sini ya... [Ketawa] Bukan Tan Sri lagi.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini kita boleh melahirkan, menjual, memasarkan pekerja-pekerja profesional sebab mereka telah dilatih. Antara lain-lain lagi, penetapan gaji minimum dapat meningkatkan kapasiti dalam menjana peluang pekerjaan yang menjadi *pull factor*, dengan izin, yang memerlukan pekerja penggiat dalaman itu antara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sarankan agar kementerian dapat meneliti kembali dengan sewajarnya agar hasrat kerajaan tidak terpesong atau dipesongkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini dalam menjayakan niat kerajaan dalam mempertingkatkan pendapatan yang setanding dengan negara maju. Mohon agar penetapan gaji minimum ini mempunyai satu dasar yang boleh terjejas jika penyelarasan ini tidak diteliti dengan halus. Jika terlalu tinggi gaji yang ditetapkan, ia akan menyebabkan inflasi yang tinggi dan jika terlalu rendah, ianya tidak akan mencerminkan keikhlasan kerajaan dalam memperkasakan tenaga kerja di negara kita. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Doris Brodi. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.

5.36 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya rang undang-undang saya lihat sebagai jalan penyelesaian terbaik kepada golongan sasaran yang termasuk dalam *bracket* gaji, dengan izin, berpendapatan rendah. Saya juga melihat ini sebagai persiapan negara menuju status negara maju seiring dengan Model Ekonomi Baru dan negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya saya memang menyokong penuh hasrat kerajaan yang digariskan melalui *The New Economic Model*, dengan izin, ataupun Model Baru Ekonomi untuk memperkenalkan ekonomi berpendapatan tinggi dan meningkatkan pendapatan per kapita dari USD7,000 sekarang kepada USD17,000 pada tahun 2020 nanti. Secara teknikalnya, ia juga bertujuan untuk membantu golongan bawahan yang berpendapatan isi rumah di bawah RM2,300 sebulan yang merangkumi hampir 40 peratus penduduk negara kita.

Saya yakin Majlis Perundingan Gaji Negara yang bakal mengambil alih tanggungjawab Akta Majlis Gaji 1947 dengan pelbagai penambahbaikan dari sudut keahlian dan kepakaran, memberi nasihat, bajet, penglibatan ahli ekonomi dan ahli akademik serta kuasa dan penglibatan secara langsung pihak Menteri sendiri dalam membuat syor dan cadangan kepada pihak kerajaan akan memantapkan lagi usaha-usaha dan perkhidmatan kerajaan dalam melaksanakan hal-hal ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh beberapa isu di peringkat dasar. Saya berpandangan di samping penepatan gaji minimum, kawalan harga barangan dan perkhidmatan, kerajaan juga perlu kerap membuat pemantauan. Seterusnya, saya ingin bertanya, adakah gaji minimum sebanyak RM1,200 seperti yang dicadangkan oleh MTUC masih relevan? Jika ya, mohon berikan alasannya dan jika tidak, mohon jelaskan sebab-sebabnya. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ianya tidak lagi relevan sebanyak RM1,200.

Di bawah program *Price Control and Anti-Profitteering Act 2010*, khabarnya hampir 6,000 barangan harian diperiksa oleh Pegawai Pemantau Harga dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di seluruh negara untuk memastikan harga barangan ini sentiasa mengikut garis panduan kementerian. Barangan kawalan seperti gula, minyak masak, beras dan tepung terus diberi subsidi. Begitu juga dengan minyak petrol RON95 dan diesel juga diberi subsidi.

Berkaitan isu kenaikan tarif elektrik, walaupun dinaikkan, golongan bawahan yang menggunakan tarif di bawah RM20 sebulan terus menerima subsidi dan tiada sebarang kenaikan dalam bil bulanan mereka. Di samping itu, pelancaran Klinik 1Malaysia, Kedai Runcit 1Malaysia dan yang terbaru bakal dilancarkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menjawab soalan lisan saya semalam ialah Restoran 1Malaysia di mana harga makanan pagi serendah RM2 dan makanan tengah hari serendah RM4.

■1740

Jelas di samping niat murni kerajaan menetapkan gaji minimum, kerajaan juga terus mengawal harga barangan dan perkhidmatan dalam usaha mengekang inflasi berlaku di kalangan rakyat kerana Tuan Yang di-Pertua, tergunanya gaji naik tetapi barangan menjadi mahal. Jadi cadangan saya agar kerajaan terus memantau harga barangan dan perkhidmatan di samping penetapan gaji minimum ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahu membangkitkan isu membabitkan pihak swasta. Pihak majikan swasta dikhabarkan enggan memberi gaji minimum. Ini kerana mereka boleh mendapatkan pekerja asing dengan cukup mudah. Majikan swasta dan majikan asing boleh mengugut memindahkan kilang dan pelaburan ke luar negara terutamanya ke negara Vietnam, Thailand dan China. Sememangnya saya difahamkan pihak pengilang telah lama menjadikan isu ini sebagai salah satu alasan ataupun modal untuk mengugut negara yang sedang membangun seperti negara kita, Malaysia.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kementerian melihat keengganan sebahagian besar pihak swasta menurut perintah gaji minimum dengan alasan yang seperti saya sebut sebentar tadi, iaitu mengeksploitasikan pekerja asing dengan gaji murah.

Soalan saya seterusnya adakah kementerian juga berhajat memperkenalkan Skim Persaraan Swasta ataupun Skim Pencen Swasta dan jika ya, setakat manakah perkembangannya. Mungkin kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dalam isu ini.

Seterusnya soalan saya adakah kementerian yakin bahawa jika gaji minimum dilaksanakan, maka rakyat tempatan akan merebut peluang pekerjaan yang disediakan dan tidak lagi ditindas dan diperas. Maka dengan sendirinya pekerja asing akan balik kampung. Jika ini benar, kita mungkin menghadapi senario baru pula iaitu kemungkinan rakyat asing lebih ramai yang datang kerana tawaran gaji yang lebih lumayan. Ini kerana di negara yang mengamalkan gaji minimum seperti Amerika Syarikat masih mengalami kebanjiran pendatang dari negara Amerika Latin.

Jadi seterusnya soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kementerian melihat isu ini ataupun apakah perancangan kementerian dalam hal ini? Gaji minimum antara swasta dan kerajaan tidak dapat diselaraskan kerana faktor kelulusan penilaian produktiviti berbeza. Sasaran keuntungan kerajaan dan swasta berbeza dan sebagainya. Gaji minimum dikatakan akan menyebabkan kerajaan bankrap kerana tidak mampu membayar gaji sebanyak itu seperti yang telah disebut oleh rakan-rakan saya terdahulu tadi. Majikan tentu akan membayar gaji lebih jika mahu mengekalkan pekerja terbaiknya.

Apa yang berlaku, majikan akan membuang pekerjanya kerana ramai lagi menanti di luar. Malah pekerja asing boleh dibawa dari negara jiran. Kebanyakan kerja tidak memerlukan kelayakan tinggi. Cukup sekadar tahu membaca. Contohnya operator pengeluaran, pekerja stor, bahagian pembungkusan dan mandor. Jadi soalan saya, bagaimanakah kementerian memastikan dengan pelaksanaan gaji ini, majikan tidak sewenang-wenangnya membuang pekerja tempatan dan diganti dengan pekerja asing kerana mengeksploitasi gaji murah kepada pekerja asing.

Saya juga mahu menyentuh atau membangkitkan isu status gaji pembantu rumah. Saya difahamkan setakat ini kerajaan belum lagi mengiktiraf orang gaji sebagai buruh di bawah Undang-undang Buruh. Secara peribadi saya berpandangan adakah hak pekerja ini untuk mendapatkan cuti mingguan, waktu bekerja yang selaras, pampasan untuk kecederaan di tempat kerja dan gaji minimum serta perlindungan insurans termasuk *personal assurance* (PA). Tanpa perlindungan undang-undang, ramai pekerja ini akan menghadapi kesulitan atau kesengsaraan akibat penderaan jika ia berlaku dan eksploitasi terutama kepada pekerja asing. Jadi soalan saya apa pandangan kementerian dalam hal ini?

Seterusnya berapa kadar gaji yang dikira sesuai hari ini bagi sektor pembantu rumah? Bagaimana rundingan dengan Kerajaan Indonesia berkenaan dengan hal ini?

Bagi peringkat jawatankuasa, saya mahu menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada bahagian dua di muka surat 37 iaitu berkenaan dengan fasal 4 dan fasal 6 yang menyentuh peranan Majlis, bidang kuasa dan kuasa Timbalan Pengerusi dalam menasihati kerajaan.

Saya teruskan dengan soalan saya. Sejauh manakah nasihat Majlis dipatuhi kerajaan? Perlukah melalui *approval*, dengan izin atau kebenaran dari pihak Menteri dahulu? Ini kerana fasal 16 menyentuh kuasa mutlak Majlis di bawah kelolaan Menteri termasuk menentukan isi kandungan kertas cadangan yang dicadangkan oleh Majlis. Soalan saya juga sejauh manakah kuasa Timbalan Pengerusi. Siapakah yang bakal dilantik dari segi *virtue* jawatannya dalam kementerian. Apakah bidang kuasanya? Fasal 3, saya juga ingin menyentuh pelantikan wakil dalam Majlis. Jadi soalan saya berapakah jumlah wakil bagi golongan pekerja dan NGO. Benarkah dakwaan MTUC bahawa wakil pekerja hanya sekitar 20 peratus. Selebihnya wakil kementerian dan wakil dilantik Menteri.

Soalan seterusnya, mengapa tidak diuar-uarkan kepada MTUC dan juga Persatuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) serta NGO berkaitan dalam melantik wakil dalam Majlis. Saya kira mereka perlu mempunyai wakil dalam Majlis. Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, jika ia benar, saya berpendapat wakil dari Kesatuan Sekerja ataupun *Union* dan NGO perlu ditambah untuk mendengar suara, rungutan dan cadangan mereka. Golongan inilah yang sebenarnya mengetahui kesusahan dan tahap kemiskinan jika hidup di bawah paras kemiskinan terutamanya di bandar-bandar besar, *urban poverty*, dengan izin.

Fasal 16 juga menyebut bahawa Majlis melalui Menteri berkuasa menentukan tatacaranya sendiri. Jadi soalan saya apakah maksud tatacara ini? Fasal 16. Soalan seterusnya apa pandangan kementerian dengan laporan MTUC di dada akhbar baru-baru ini yang tidak berpuas hati dengan pengenalan akta ini yang menurut mereka tiada bezanya dengan akta lama iaitu Akta Majlis Gaji 1947.

Saya juga mahu tahu apa reaksi kementerian berkenaan dengan komen MTUC mengatakan Majlis yang ditubuhkan di bawah akta baru ini sebagai tiada kuasa langsung, kerana kuasa mutlak di tangan Menteri Sumber Manusia. Jadi soalan saya benarkah Menteri juga difahamkan berkuasa mengikut budi bicaranya untuk menentukan kadar gaji minimum dalam nilai ringgit tanpa perlu mendapat persetujuan Majlis. Ini berdasarkan rungutan MTUC. Apa pendapat kementerian?

Fasal 19 peruntukan dan kawalan dana bagi aktiviti Majlis. Soalan saya bagaimanakah kaedah kawalan dana? Audit bertauliah perlu dibentangkan segala perbelanjaannya.

Seterusnya sejauh manakah Majlis mengambil kira contoh dari negara luar untuk menentukan nisbah gaji minimum yang munasabah di negara kita. Bagaimana faktor perkembangan sektor terpilih, kategori serta klimaks ekonomi dunia bakal mempengaruhi kadar gaji minimum.

Ini adalah kerana hari ini garis panduan gaji mungkin relevan tetapi disebabkan klimaks ekonomi dunia yang mungkin berubah seperti inflasi, deflasi, kegawatan, bencana alam melanda USA dan Jepun baru-baru ini yang sememangnya klimaks ekonomi. Dua negara ini bakal mempengaruhi ekonomi dunia. Maka garis panduan gaji tidak relevan lagi. Bagaimana kementerian dan Majlis sendiri bersedia menghadapi situasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah perbincangan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Majlis Perundangan Gaji Negara 2011. Saya harap komen, teguran serta kritikan saya dalam hal ini dapat diambil secara positif sebab saya memang betul-betul mengharapka rang undang-undang ini sebagai jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan perkara-perkara berkaitan gaji negara. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.

5.49 ptg.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbincangan rang undang-undang ini.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, ekoran perkembangan ekonomi sedunia masa kini, harga produk-produk asli termasuk bahan bakar dan bahan penanaman semakin meningkat. Akibatnya, kos kehidupan semakin meningkat kerana kos barang keperluan harian dan makanan semakin meningkat. Sekiranya tidak ada penetapan gaji minimum, kehidupan untuk golongan pendapatan rendah akan semakin susah kerana pendapatan mereka tidak cukup untuk menampung kehidupan seharian. Saya setuju dengan pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Datuk Sri Idris Jala semalam yang menyatakan bahawa kenaikan gaji buruh mesti selaras dengan kadar indeks inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Negeri Sarawak mempunyai Ordinan Buruh iaitu *Labor Ordinance* tersendiri melibatkan sebahagian Akta Buruh Persekutuan tidak dikuatkuasakan di Negeri Sarawak. Soalan saya ialah, sekiranya Akta Gaji Minimum ini telah pun diluluskan, adakah akta ini akan dikuatkuasakan di Negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, di Radio Sarawak FM setiap pagi pada jam 6.40 pagi, kedengaran pengumuman melalui radio, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ingin menawarkan gaji RM10 sehari bagi sektor perindustrian dan RM15 hingga RM18 bagi sektor perladangan kelapa sawit. Pengumuman ini berkumandang setiap pagi. Tangga gaji RM10 di sektor industri jika dibandingkan dengan Semenanjung, ianya telah berlaku pada awal tahun 1980-an.

Di Sarawak masa kini sememangnya tidak sesuai kerana kos kehidupan sememangnya tinggi terutamanya kawasan yang sedang pesat membangun.

Di sektor perladangan, tangga gaji RM15 hingga RM18 menyebabkan rakyat tempatan tidak sanggup untuk bekerja di ladang. Justeru, penyelarasan gaji minimum adalah tepat dan sesuai pada masa ini. Di samping penyelarasan gaji minimum ini dilaksanakan, pihak majikan haruslah menyediakan kediaman yang sempurna dan kemudahan pengangkutan bagi para pekerja yang datang dari jauh. Ini adalah untuk menghalang pekerja-pekerja ini membina rumah-rumah setinggalan di tanah milik kerajaan atau individu. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, setakat ini Sarawak masih mempunyai 10,000 buah rumah setinggalan di seluruh Negeri Sarawak. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan, selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Khoo Soo Seang.

5.53 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Isu gaji minimum adalah penting untuk pekerja apabila kita memandangkan bahawa 34 peratus pekerja memperoleh pendapatan di bawah paras kemiskinan dan isu ataupun Rang Undang-undang Gaji Minimum sangat ditunggu oleh pekerja-pekerja tetapi apabila rang undang-undang ini diperkenalkan, saya mengucapkan bahawa terdapat banyak kekecewaan sebab rang undang-undang ini tidak secara langsung memperkenalkan atau *define* apa itu gaji minimum. Ia hanya memperkenalkan Majlis Perundingan Gaji Negara dan Majlis ini akan berunding dan akan mengeluarkan satu gaji minimum. Ini semua ambil masa yang panjang lagi. Jadi, ini semua macam satu taktik untuk *delay* lagi. Jadi, inilah kekecewaan para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini hanya menyebut Majlis Konsultasi Gaji Minimum (MWCC) dan pembentukannya. Rang undang-undang ini tidak menyebut mengenai kriteria-kriteria yang akan diambil untuk menyelesaikan atau menyesuaikan gaji dengan kenaikan harga inflasi setiap tahun. Perkara ini sangat penting sebab ini akan membantu majikan supaya bersiap sedia tiap-tiap tahun dan ia juga akan mengelakkan pekerja daripada membuat jangkaan-jangkaan yang tidak realistik atas penyelarasan gaji mereka. Seperti di Singapura yang ada mekanisme ini yang akan digunakan untuk menyelaraskan gaji tiap-tiap tahun. Kita tidak mahu majikan membayar gaji yang minimum kepada pekerja tetapi satu gaji yang bersesuaian dengan kos sara hidup. Sebab itu saya cadangkan bahawa rang undang-undang ini mesti merujuk gaji bukan sebagai gaji minimum tetapi sebagai *a decent living wages*.

Hormatlah pekerja sedikit atas sumbangan mereka. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah mengenai Majlis Konsultasi Gaji Minimum, mengemukakan cadangan-cadangan mereka kepada Menteri dan Menteri mempunyai pilihan untuk menerima atau menolak cadangan mereka. Jadi, Menteri berkenaan tidak terikat dengan keputusan Majlis Konsultasi Gaji Minimum.

Pada masa ini, saya nampak Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun ada berucap mengenai gaji minimum. Ketua PEMANDU pun ada pendapat mengenai gaji minimum. Jadi, ada tiga Menteri yang ada pendapat mengenai gaji minimum. Jadi, nampaknya ada Menteri lain yang tidak bersetuju dengan Menteri Sumber Manusia dalam hal gaji minimum ataupun perbezaan *opinion*. Oleh itu, kuasa yang diberi kepada Menteri tidak berkesan untuk mencapai persetujuan gaji minimum. Pendapat Menteri lain boleh *override* Menteri Sumber Manusia dan juga tidak boleh sangka kurang MEF. MEF pun satu badan yang kuat yang ada juga *opinion* yang kuat yang boleh juga menentang ataupun menolak apa yang dicadangkan.

Ketika ini, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia iaitu MEF membantah gaji minimum dan kerana itu kerajaan tidak ada kehendak politik ataupun *political will* untuk melaksanakan gaji minimum. Kalau Menteri masih kekal kuasa veto ini, kita akan ada keadaan yang seperti sebelum rang undang-undang ini sebab MEF akan menggunakan terma dan syarat dan Menteri pun tidak boleh bergerak. Saya mencadangkan bahawa Majlis Konsultasi Gaji Minimum mesti bebas daripada keputusan pihak kerajaan dan keputusan mereka adalah muktamad dan Menteri tidak boleh masuk campur. Majlis itu perlu bebas dan berkecuali seperti yang ada di negara Korea Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis ini mengandungi 23 ahli Majlis. Wakil pekerja hanya lima orang, lapan orang wakil kerajaan dan wakil kerajaan ini tidak ada kena mengena dengan isu gaji minimum yang sangat penting kepada pekerja. Wakil MEF mesti melindungi kepentingan masing-masing dan juga kita harap wakil profesional yang dilantik itu betul-betul bernas.

Jadi, ia tidak betul-betul mewakili pihak pekerja. Keadaan ini mesti diperbaiki demi kepentingan pekerja. Saya juga mencadangkan bahawa wakil-wakil pekerja dipilih oleh Kesatuan Pekerja dan bukan kerajaan yang memilih wakil-wakil pekerja ini. Pihak kerajaan beri sokongan sahaja ataupun sokongan ataupun sokongan sekretariat dan bukan salah seorang ahli Majlis ini. Ini akan memberi peluang kepada pekerja, majikan dan juga pihak pakar yang dilantik membuat keputusan seperti yang disebut oleh Menteri tadi.

■1800

Ini akan membawa satu keputusan bahawa semua orang setuju. Jadi saya sangka bahawa *the present of* wakil kerajaan akan *distort the agreement* di antara *three parties*. Isu gaji minimum sudah berlanjutan selama berdekad-dekad tahun. Oleh sebab itu, saya cadangkan bahawa kerajaan supaya menetapkan segera *satu discern living wages* bagi pekerja-pekerja tertakluk kepada pelarasan kemudian. Para pekerja menderita dengan kenaikan harga. Beberapa bulan lalu, kerajaan menetapkan gaji minimum bagi pengawal keselamatan RM500 ataupun RM700 sebulan yang berkuat kuasa pada akhir bulan Januari 2011. Dengan semangat yang kerajaan boleh juga menetapkan *discern living wages* yang terbaik untuk semua pekerja pada masa sekarang.

Ia telah dicadangkan juga oleh MTUC dan mereka kemukakan sebanyak RM900 sebagai satu gaji kos sara hidup. Pelarasan lanjut dan semakan berhala tahunan boleh dilakukan selepas keputusan Majlis ini yang mengeluarkan satu kadar gaji minimum. Ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua sebab seperti diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri bahawa gaji tidak naik selama sepuluh tahun kemudian selama ini ia hanya naik 2.6 peratus jadi pekerja sangat-sangat perlukan satu gaji yang boleh mengandungi ataupun menghadapi kos sara hidup. Saya minta kementerian, memandangkan gaji minimum iaitu satu gaji yang sesuai untuk hidup iaitu *discern living wages* sebagai satu perangsang ekonomi dan bukan satu beban yang menjadikan majikan tidak berdaya saing.

Discern living wages kepada pekerja akan meningkatkan kuasa pembelian mereka dan permintaan barang dan perkhidmatan juga akan meningkat. Jadi ia akan membantu ekonomi juga. Jadi saya harap, kementerian akan memandangkan gaji minimum seperti satu dorongan ekonomi bukan satu beban kepada syarikat. Syarikat-syarikat besar dalam sektor perladangan seperti M&C mendapat keuntungan berbilion-bilion ringgit. Akan tetapi, gaji yang dibayar kepada pekerja di bawah paras kemiskinan seperti ladang-ladang. Kerajaan mesti melindungi hak pekerja. Mungkin ada masalah bayaran *discern living wages* daripada syarikat-syarikat kecil. Ini ialah satu perkara kementerian mesti cari jalan.

Saya nampak Kementerian Sumber Manusia terlalu banyak tergantung kepada nasihat Bank Dunia. Bank Dunia mewakili pemikiran kapitalis. Itulah sebabnya mereka berkata bahawa gaji minimum tidak berdaya saing. Saya minta kerajaan mengecualikan pihak Bank Dunia daripada Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan ini. Kerajaan perlu membuat pendirian mengikut kajian penyelidikan sendirinya bukan dengan nasihat Bank Dunia. Gaji minimum ini harus dipakai kepada semua pekerja termasuk pekerja asing. Dengan cara ini, majikan boleh mengambil lebih ramai pekerja tempatan. Ini semua adalah berkenaan kehendak politik (*political will*) untuk menyediakan satu *discern living wages* dan bukan satu gaji minimum (*minimum wages*).

Memandangkan kekurangan tenaga buruh tempatan yang menyebabkan berjuta-juta pekerja asing. Saya juga ingin mencadangkan bahawa umur persaraan bagi pekerja-pekerja yang sihat dilanjutkan. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua ada ramai pekerja ladang yang telah bersara menghadapi masalah kesihatan. Ladang-ladang menggunakan mereka seperti *suck orange and throw them after their used*. Ladang-ladang ini mendapat keuntungan berbilion-bilion ringgit. Mereka mampu menanggung kos perubatan untuk bekas pekerja-pekerja ladang mereka. Kebanyakan bekas pekerja ladang ini menghadapi penyakit dan tidak mampu untuk membayar kos perubatan.

Oleh itu, saya cadangkan supaya ladang-ladang diwajibkan memberi bantuan perubatan selepas persaraan pekerja-pekerja dari ladang. Saya cadang kos perubatan untuk pesara buruh di masuk juga dalam Majlis Perundingan Gaji. Undang-undang ini mesti di *backdated* supaya yang memerlukan bantuan perubatan ketika ini terjaga juga. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

6.05 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, isu gaji minimum itu merupakan satu isu yang menarik perhatian hampir keseluruhan pekerja dan majikan. Sambil para pekerja khususnya mereka yang bergaji rendah berharap bahawa gaji yang lebih setimpal dengan kerja mereka dan juga berharap bahawa dengan pelaksanaan gaji minimum itu, taraf hidup mereka dan juga ahli keluarga mereka akan meningkat. Pada pandangan saya, rang undang-undang ini amat diperlukan oleh kerana tanpa rang undang-undang ini majikan tidak akan secara rela naikkan gaji minimum pekerja ataupun pekerja mereka.

Mereka akan mengamalkan sikap *wait and see* oleh kerana sesiapa yang amalkan dahulu mungkin dia punya kos pengeluaran akan meningkat dan dia akan kurang bersaing berbanding dengan yang lain. Jadi ada kemungkinan siapa amal dahulu, mati dahulu. Biasanya, majikan itu juga tidak mahu bahawa keuntungan mereka terjejas dan ini juga oleh kerana mereka akan dapati kurang berdaya saing dengan pekilang daripada luar negeri. Satu lagi sebab-sebab mereka enggan mengamalkan ini ialah kos automasi adalah tinggi. Jadi mereka lebih suka menggunakan tenaga manusia. Kalau mereka buat automasi pun mereka belum tahu sama ada boleh untung ataupun tidak boleh untung.

Rang undang-undang ini juga selaras dengan modal ekonomi baru yang berhasrat untuk menjadikan Malaysia negara yang berpendapatan tinggi. Kalau tidak ada rang undang-undang ini kita dapati daripada pengalaman sekarang bahawa pekerja tempatan akan amat sukar untuk bertanding dengan pekerja asing untuk mendapatkan kerja. Kebaikan rang undang-undang ini termasuk kita berharap bahawa gaji yang lebih tinggi itu akan menarik pekerja khususnya pekerja asing yang lebih berkualiti. Oleh kerana saya difahamkan bahawa pekerja asing yang masuk ke Malaysia adalah daripada golongan yang kurang berkualiti buat masa sekarang. Juga berharap bahawa dengan gaji yang lebih tinggi itu maka produktiviti akan lebih tinggi juga kerana semangat kerja mereka juga meningkat.

Ini juga kalau sekiranya kos upah pekerja itu meningkat, mungkin majikan akan fikir dan mungkin mereka akan amalkan automasi supaya mereka kurang bergantung kepada tenaga manusia. Pada saya, saya berpandangan bahawa ini adalah sesuatu yang baik buat jangka masa panjang. Kurang bergantung kepada pekerja asing dan juga naikkan gaji pekerja pada saya mungkin juga akan tingkatkan akan kurangkan masalah keselamatan. Oleh kerana kalau pekerja sama ada tempatan ataupun pekerja asing apabila pendapatan mereka tidak cukup untuk menyara hidup, mereka akan buat macam-macam untuk pastikan mereka dapat pendapatan yang cukup.

Bagaimanapun, sekiranya gaji minimum itu ditetapkan pada tahap yang tersangat tinggi, jadi mungkin kos operasi majikan itu akan naik. Mungkin pekilang tempatan tidak boleh bersaing dengan pekilang daripada negara asing.

■1810

Ini juga akan menyebabkan pelabur asing akan menarik diri termasuk pelabur tempatan, mungkin mereka tidak akan buat kilang-kilang baru dan kalau sekiranya ini berlaku, jadi kesan ekonomi yang serius akan berlaku dan akhirnya matlamat kita tidak akan tercapai bahkan lagi ramai warganegara kita yang akan menganggur dan ini akan merugikan ekonomi negara. Pada saya, sekiranya kenaikan gaji itu menyebabkan inflasi dan inflasi itu kalau sangat tinggi mungkin sebaliknya merugikan pekerja. Kalau naik gaji RM200 tetapi kos sara hidup naik RM250 akhirnya sebenarnya pekerja mendapat gaji yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca rang undang-undang itu tetapi saya dapati bahawa bagi tafsiran “pekerja” cuma disebutkan mana-mana orang ataupun golongan orang yang dinyatakan dalam:

- (i) Jadual Pertama Akta Pekerja 1955;
- (ii) Jadual Ordinan Buruh Sabah; dan
- (iii) Jadual Ordinan Buruh Sarawak.

Ada soalan-soalan dalam otak saya yang masih tidak dapat jawapan apabila saya rujuk kepada jadual-jadual yang berkenaan. Soalan saya termasuklah adakah apabila kita sebut pekerja, adakah pekerja sambilan dan pekerja yang bergaji harian termasuk, diambil kira juga? Kalau ada macam mana kita hendak kira gaji mereka dan satu perkara yang kita harus timbangkan juga ialah sama ada gaji minimum itu cuma buruh tempatan, pekerja tempatan yang terlibat ataupun termasuk pekerja asing dan adakah ini untuk semua sektor oleh kerana ada sektor yang mungkin bergaji tinggi dan ada yang bergaji rendah.

Kalau kita hendak bagi semua sektor, macam mana kita hendak bahagi-bahagikan. Pada saya, saya fikir sekiranya kita asingkan pekerja ini mengikut pekerja mahir dan pekerja kurang mahir, ini mungkin lebih baik dan juga kalau kita hendak bagi ikut kawasan, kita ada banyak masalah. Kos kehidupan di semenanjung Sabah dan Sarawak tidak sama dan di semenanjung, di bandar besar, desa atau kampung pun berbeza. Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang takut bahawa sekiranya kita naikkan gaji pekerja asing, ia bukan sahaja akan menjadi beban kewangan kepada majikan bahkan pekerja asing akan ada lebih banyak wang untuk kirim balik ke negara asalnya dan akhirnya negara kita akan rugi dari segi *foreign exchange*.

Kalau kita tidak naikkan gaji pekerja asing, maka kita akan dapati majikan lebih rela dan suka lagi mengupah pekerja asing oleh kerana mereka lebih murah. Sekiranya kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menghadkan pengambilan pekerja asing pun saya percaya ada majikan seperti sekarang, mereka akan upah pekerja asing yang haram.

Walau bagaimanapun naik gaji pekerja asing pun bukan tidak ada kebaikannya. Saya berharap bahawa kalau kita naikkan gaji mereka mungkin seperti yang saya sebutkan tadi, kita akan dapat pekerja asing yang lebih bermutu, lebih terangsang, lebih produktif dan kurang lompat kerja dan majikan juga akan digalakkan yang upah pekerja tempatan oleh kerana gaji pun sudah sama dan tidak berbeza. Apabila ini berlaku, saya percaya masalah sosial dan keselamatan yang disebabkan oleh pekerja asing akan berkurangan dan juga kadar pengangguran warganegara juga akan kurang.

Saya sebenarnya ada berbincang perkara ini dengan beberapa orang pemimpin kesatuan SME dan ini adalah pandangan mereka dan saya cuma panjangkan. Mereka berharap sekiranya kita hendak amalkan rang undang-undang ini, kerajaan harus kaji semula rang undang-undang buruh dan pekerja untuk ringankan beban majikan kerana kos operasi yang sudah meningkat. Mereka juga cadangkan bahawa mungkin kerajaan harus timbangkan jumlah hari cuti sakit dikurangkan daripada sekarang 18 hari kepada mungkin sepuluh hari dan bayaran EPF dikurangkan kepada 10 peratus dan juga kadar pembayaran lebih masa dikurangkan kepada 1.2 kali.

Berkenaan dengan fungsi dan kuasa Majlis, saya tidak akan membazir masa untuk membaca perkara (a) sampai (i) dalam fasal 4 tetapi saya ingin puji perkara (c). Kita membuat rundingan dengan orang-orang awam tentang kadar dan liputan gaji minimum. Saya berharap bahawa orang awam itu termasuklah orang-orang yang mempunyai kepakaran dalam hal ini dan juga kesatuan dan persatuan yang berkenaan supaya ini searas dengan slogan 'Rakyat Didahulukan.'

Perkara (f) fasal 4 menyatakan mengkaji semula perintah gaji minimum dan perkara (1) dalam fasal 25 juga menyatakan Majlis hendaklah sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun, mengkaji semula perintah gaji minimum. Pada saya tempoh dua tahun ini adalah wajar dan berpatutan cuma saya hendak tanya, sekiranya selepas dilaksanakan kita dapati bahawa gaji minimum yang kita tetapkan itu tersangat tinggi dan menjejaskan ekonomi negara. Adakah Majlis itu berkuasa untuk kurangkan atau menurunkan semula gaji minimum itu? Kalau kurang balik, macam mana dengan perjanjian mereka sudah buat dengan majikan? Adakah majikan berhak untuk turunkan balik gaji itu? Saya juga berharap, walaupun kita tetapkan dua tahun, sekiranya kita dapati ada masalah, kita tidak semestinya tunggu sampai dua tahun kalau ia sudah menjejaskan ekonomi negara, mungkin kita boleh kaji semula walaupun selepas setengah tahun.

Tentang keanggotaan Majlis, fasal 5 menetapkan bilangan anggota di antara 23 hingga 29 orang termasuk sekurang-kurangnya lima orang anggota lain. Saya berharap bahawa lima orang anggota lain itu bukan sebarang orang, bahkan pakar-pakar ekonomi yang mahir mengkaji impak gaji minimum itu ke atas ekonomi negara.

Fasal 15 juga menegaskan bahawa "Majlis boleh mengundang mana-mana orang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya untuk menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi pada mesyuarat itu." Saya berpandangan positif terhadap peruntukan itu kerana ia membolehkan Majlis mengundang individu yang mempunyai kepakaran atau pengalaman dalam hal-hal tertentu untuk memberi pandangan dan membantu Majlis mencapai keputusan yang lebih wajar dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 17 membenarkan Majlis menubuhkan jawatankuasa. Saya harap bahawa di antara jawatankuasa-jawatankuasa yang akan ditubuhkan itu termasuklah jawatankuasa penyelidikan kerana mengumpul dan menganalisis data dan maklumat serta menjalankan kajian tentang gaji dan petunjuk sosioekonomi merupakan salah satu fungsi dan kuasa Majlis seperti yang termaktub dalam perkara (d) fasal 4.

■1820

Fasal 21 juga mensyaratkan mengumpul dan menganalisis data dan maklumat dan menjalankan penyelidikan tentang gaji dan petunjuk sosioekonomi. Satu lagi jawatankuasa yang harus ditubuhkan ialah Jawatankuasa Penyeliaan dan Penilaian Pelaksanaan kerana ini pun tugas dan tanggungjawab yang penting di bawah fasal (e). Yang saya rasa pelik sedikit ialah fasal 17(7) yang berbunyi, "Pengerusi setiap jawatankuasa hendak menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya diselenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan salinan minit itu hendak dikemukakan oleh jawatankuasa kepada Majlis secepat yang dapat dilaksanakan". Saya tidak faham mengapa kita tidak boleh menentukan tempoh yang tertentu. Kalau kita gunakan secepat yang dapat dilaksanakan, ia boleh dari seminggu hingga ke tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menjamin Majlis Perundingan Gaji Negara itu tidak menjadi harimau tidak bergigi, Majlis itu diberikan kuasa untuk melantik pegawai penguat kuasa yang boleh membuat siasatan dan juga menyita dokumen-dokumen yang berkenaan. Saya bersetuju dengan pemberian kuasa itu cuma saya bimbang tentang fasal 28(2)(c) yang menyatakan bahawa, "pegawai penguat kuasa boleh mengambil cabutan daripada mana-mana buku akaun gaji, daftar, penyata kewangan atau dokumen lain yang dijumpai di dalam premis itu".

Saya ingin bertanya berapa lama kah pihak penguat kuasa itu berhak untuk menyimpan dokumen-dokumen yang disita itu memandangkan apabila dokumen penting itu disita dan disimpan jadi pihak peniaga memang sukar hendak berniaga, hendak menguruskan akaunnya, hendak kutip hutang pun susah, macam-macam masalah. Saya takut apabila ini berlaku, apabila mereka ada masalah, ini akan memberikan peluang untuk pegawai-pegawai yang tertentu menerima rasuah oleh kerana mereka hendak balik, hendak cepat dapat balik dokumen itu, mereka terpaksa buat sesuatu.

Kita kata, *power creates corruption* maka janganlah kita wujudkan apa-apa keadaan supaya pihak yang terlibat terpaksa memberikan suapan ataupun memberikan peluang kepada pihak yang berkuasa untuk menerima rasuah.

Maka, saya cadangkan pihak yang disita itu dibekalkan sekurang-kurangnya salinan dokumen yang disita itu agar mereka masih boleh meneruskan dengan urus niaga mereka. Maksudnya, kalau yang asal disita, apalah salahnya kita berikan dia salinan dan dia tidak boleh buat apa-apa dengan salinan itu oleh kerana salinan asal masih berada dengan pihak penguat kuasa. Seharusnya kita tetapkan masa pihak yang berkuasa itu boleh menyimpan dokumen-dokumen yang disita itu.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 32(3) berbunyi, "Jika premis itu tidak diduduki, pegawai penguat kuasa hendaklah menampalkan suatu salinan senarai buku akaun gaji, daftar, penyata kewangan atau dokumen lain yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu". Saya mengesyorkan bukankah lebih elok jika pihak penguat kuasa mendapatkan pihak ketiga yang tidak berkepentingan serta yang boleh dipercayai untuk menurunkan tandatangan sebagai saksi di senarai yang berkenaan.

Untuk meningkatkan masa, saya tidak akan baca yang lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak yang berkenaan yang telah berjaya mengeluarkan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Dewan sudah sampai ke penghujung, rang undang-undang yang terakhir ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

6.24 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut menyertai kawan-kawan yang lain dan membahaskan dan seterusnya menyokong rang undang-undang ini. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah di atas prakarsa kerajaan membentangkan rang undang-undang ini bersama-sama dengan tujuan yang suci yang telah pun digariskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Harus diingat bahawa Majlis atau rang undang-undang ini ditubuhkan untuk 6.7 juta pekerja dalam sektor swasta. Penduduk Malaysia adalah seramai 29.2 juta orang termasuk rakyat dan bukan rakyat. Jumlah guna tenaga ialah 11.5 juta, jumlah pekerja keseluruhannya Yang Berhormat Menteri mengikut *Labor for Survey* ialah 11.1 juta. Yang demikian mengambil senario keseluruhannya, saya fikir adalah tidak wajar sekiranya kerajaan tidak diberikan ruang sedikit pun untuk menguruskan, melaksanakan rang undang-undang ini. Ini kerana apa yang dilaksanakan di bawah Majlis ini nanti, sudah tentu ada impaknya ke atas keseluruhan rakyat Malaysia.

Jadi 6.7 juta hanyalah lebih kurang enam bahagi 30 (6÷30) atau 1/5 daripada seluruh penduduk Malaysia. Yang demikian saya ingin menambah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ia bukan sekadar *tripartite* tetapi sebenarnya saya rasa ia merangkumi empat komponen dalam menangani atau mengambil kira kepentingan penduduk negara ini 29.2 juta pada masa ini iaitu pertama sekali ialah pihak kerajaan. Kedua, pihak majikan. Ketiga, pihak pekerja dan yang keempat ialah pengguna dan rakyat keseluruhannya. Itu satu aspek.

Keduanya, saya mendengar tadi ada kawan-kawan berkata ia memberikan gambaran seolah-olah kerajaan ini kurang adil kepada pihak pekerja daripada segi menentukan pendapatan yang mana akhirnya memberikan gambaran seolah-olah *the real wages* atau *the real income is negative*, dengan izin. Mengikut rekod, tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa kadar kenaikan gaji sekitar 2.6 peratus. Mengikut rekod *Consumer Price Index* (CPI) pula purata kenaikan inflasi negara kita berdasarkan CAGR adalah 2.4 peratus. Ini bermakna *real wages deep increase by 0.2 percent*, dengan izin.

Saya bukan hendak membela kerajaan semata-mata dan menafikan kepentingan pekerja kerana saya juga pekerja. Akan tetapi saya hendak meletakkan ini *in proper context* supaya keadilan akan dinikmati oleh semua pihak. Itu baru kenaikan gaji tetapi kalau kita lihat pula kenaikan pendapatan berdasarkan pendapatan isi rumah Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 2002 sehingga tahun 2009 berdasarkan HI *study*, sesungguhnya pendapatan isi rumah sekali lagi berdasarkan CAGR meningkat 4.8 peratus. Ini bermakna pendapatan meningkat. Peningkatan isi rumah bulanan meningkat dua kali ganda daripada kenaikan kadar inflasi. Ini bermakna juga bukan sekadar *nominal income* yang telah meningkat tetapi juga dengan izin, *real income*, *household income* telah meningkat sekali ganda berbanding dengan kadar inflasi.

Jadi, pada saya, kerajaan telah melaksanakan sesuatu yang baik untuk pekerja, untuk rakyatnya. Ini tidak dapat dinafikan berdasarkan statistik yang saya sebutkan tadi. Sesungguhnya kerajaan telah dapat menangani kemiskinan berdasarkan kenaikan *income* tadi, *real income* bukan *nominal income* dan seterusnya telah dapat merapatkan ruang atau jurang pendapatan. Yang demikian juga kita menghargai usaha kerajaan pada masa ini melalui salah satu mekanisme sahaja, *one of the many* yang mana gaji minimum ini adalah antara rangkaian usaha prakarsa kerajaan untuk menambahkan pendapatan, membasmi kemiskinan, merapatkan jurang kerana salah satu ciri penting dalam gaji minimum ialah *social justice*, dengan izin. Keadilan sosial yang mana jurang pendapatan boleh dirapatkan.

■ 1830

Ini antara nilai-nilai terbaik dalam mana-mana gaji minimum, jadi kerana itu saya sokong dengan apa yang diusahakan melalui proses ini sebenarnya kata peribahasa Melayu, "Sekali merangkuh dayung, dua, tiga pulau terlampau", menambahkan pendapatan, mengurangkan kemiskinan dan seterusnya merapatkan jurang pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini kerana ia begitu relevan, saya tidak menyokong membabi buta kerana apa yang dibentangkan tadi nampak kebijaksanaan, kematangan, keseimbangan dalam membentangkan rang undang-undang ini dalam mukadimah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, diambil kira dua pihak iaitu pertama apa kebajikannya dan yang kedua kebimbangan tentang aspek-aspek negatifnya. Jadi ia relevan kerana daripada 11.1 juta guna tenaga itu sebanyak 74 peratus adalah pekerja *employees*, tidak sampai empat peratus majikan, jadi nampaklah relevannya tentang gaji minimum ini.

Kedua 76 peratus daripada guna tenaga itu adalah berpendidikan menengah dan juga rendah hingga tidak ada kelulusan, jadi memang sesuailah dengan kelulusan yang rendah itu, gaji yang rendah maka kebajikan mereka perlu dijaga melalui rang undang-undang yang sedang kita bincangkan ini dan tadi sudah disebut juga bahawa sebahagian besar di kalangan pekerja kita berpendapatan rendah, maka semakin tinggilah *relevancynya* dengan izin, tentang meluluskan rang undang-undang ini.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian tentang kematangan dalam mengambil kira dalam menentukan kadar gaji minimum tadi selaras dengan peruntukan di bawah fasal 4(1)(b) dan juga fasal 22(1)(b) iaitu ia mengikut prestasi sektor masing-masing dan ini memang munasabah kerana sebagai contoh total produktiviti di Malaysia pada tahun 2010 ialah pada tahap 5.8 peratus, itu pada keseluruhannya. Akan tetapi sektor pembuatan lebih tinggi lagi 9.4 peratus, namun demikian sektor perkhidmatan hanya 4.7 peratus dan pertanian sebagai contoh hanya 1.8 peratus. maka di situlah terletak kemunasabahan menentukan gaji minimum berbeza-beza.

Begitu juga dari segi wilayah ataupun kawasan dan kita semua tahu luar bandar kos sara hidupnya lebih rendah berbanding di bandar, Sabah dan Sarawak lebih tinggi daripada Semenanjung Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di suatu pihak kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang *matured* ekonominya dengan izin di USA, di Japan, Hong Kong, UK dan sebagainya, tahap kita yang saya sebutkan tadi 5.8 peratus adalah lebih tinggi daripada UK, US iaitu sekitar 4.1 peratus, 3.2 peratus dan sebagainya, kita lebih baik. Akan tetapi pula saya ingin menarik perhatian *level* produktiviti di US jauh lebih tinggi daripada kita di mana di sana USD80,284 berbanding kita hanyalah USD13,577. berbanding dengan negara maju, *developing economy* seperti China, kita pula boleh berbangga dengan *level* produktiviti kita iaitu USD13,577 jauh lebih tinggi daripada China iaitu USD4,087 dan India hanya USD2,736.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Akan tetapi pula kadar produktiviti mereka jauh lebih tinggi daripada kita, contohnya di China 10 peratus, di India 6.7 peratus dan seterusnya. Jadi di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana kita boleh merangsang, memacu ekonomi dan seterusnya produktiviti negara kita.

Ini kerana apa yang membimbangkan saya ialah berdasarkan tahap daya saing yang diukur oleh IMD, kedudukan kita telah meningkat kepada tahap tangga yang ke sepuluh pada tahun 2010 berbanding tangga yang ke sembilan belas pada tahun 2009. Malangnya daya saing kita telah menurun pada tahun 2011 kepada tangga yang ke enam belas, daripada tangga yang ke sepuluh kita merosot kepada tangga yang ke-16 kerana produktiviti kita juga menurun daripada 5.8 peratus pada tahun 2010 kepada 4.7 peratus pada tahun 2011. *So something needs to be done to improve efficiency, effectiveness productivity in therefore* daya saing dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah mengatakan tadi bahawa Rang Undang-undang Majlis Gaji Minimum ini hanya akan menumpukan kepada 6.7 orang juta pekerja, saya mohon mungkin pada masa yang lain perhatian yang sama harus diberikan kepada mereka yang di luar dari jaringan ini, yang mana terdapat 21.7 peratus daripada 11.1 juta orang pekerja yang di luar daripada jaringan ini. Mereka adalah bekerja sendiri, pekerja keluarga yang tidak dibayar gaji dan ini juga perlu diberikan perhatian sebagai sebuah kerajaan yang adil dan saksama yang menjaga kebajikan rakyatnya.

Saya bersetuju bahawa kita akan ada masalah tentang pekerja asing kerana sekarang kalau dikatakan empat juta pekerja asing, haram dan tidak haram ia merupakan lebih 40 peratus daripada jumlah guna tenaga kita. Pada suatu pihak ia berbahaya kepada keselamatan dan sebagainya tetapi di satu pihak pula ia membantu memacu ekonomi kita. Saya menganggarkan kiraan antara 14 ke 19 bilion akan berlaku *out flow* setahun kerana dipanggil *remittance*.

Akan tetapi kalau pekerja ini pula boleh menjana berkali-kali ganda kepada ekonomi negara, saya rasa *on the balance of probability* ia adalah satu kebaikan dan kita juga kena berusaha pula daripada sekarang bagaimana hendak mengurangkan kebergantungan itu kerana lebih-lebih lagi menjelang tahun 2020, sebanyak tiga juta pekerjaan akan diwujudkan di bawah 12 NKEA, sedangkan *the nature increase of population growth and estimating* diunjurkan pertambahan *in labour force* sekitar 2.7 juta. Ini bermakna sendirinya kita akan berlaku defisit dari segi *supply of labour by another point three million*, jadi usaha perlu dibuat untuk menangani ini kerana akan berlaku apa yang dikatakan *very tight labour supply* dan ini akan boleh menggugat aktiviti ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada fasal 4(1)(b) yang mana pernah dikatakan juga tadi berkenaan dengan kebimbangan impak gaji minimum ini. Saya ingin menarik perhatian ini kerana pada saya bergantung kepada kajian yang telah dibuat, kalau yang baik itu baguslah tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kajian yang menunjukkan adanya impak negatif ke atas *employment*. Satu kajian di Perancis dan Amerika Syarikat menunjukkan kenaikan satu peratus gaji, ia mempunyai impak kepada *the marginal jobs* itu dengan izin.

Dan impaknya ialah 2.5 peratus pekerja *in the marginal category* dengan izin akan kehilangan pekerjaan. Ini bermakna niat baik tadi *the road to heaven is always paved with good intention so the proverb says*, dengan izin. Begitu juga dengan Amerika Syarikat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Datuk Akbar bin Ali: Saya ada dua, tiga poin sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan sedikit.

Datuk Akbar bin Ali: Begitu juga dengan Amerika Syarikat, kenaikan satu peratus gaji menyebabkan pengangguran sebanyak 2.2 peratus. Manakala tentang impak ke atas keuntungan kajian di UK menggunakan pendekatan *a different in the differences approach* menunjukkan memang ada kesan ke atas keuntungan. Ini semua sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma, saya ingin menarik perhatian supaya kajian yang negatif ini diberi perhatian yang lebih.

■1840

Oleh kerana kesuntukan masa, maka saya ingin terus menarik kepada fasal 4(1)(g) iaitu menimbang dengan teliti semua perkara berkaitan dengan gaji minimum. Pada pandangan saya, fasal 24 patut menerangkan dengan lebih jelas lagi maksud fasal 4(1)(g). Itu pandangan saya Yang Berhormat Menteri.

Begitu juga fasal 5(1)(c), saya ingin menarik perhatian berhubung jawatan Setiausaha ini. Fasal 5(4) dikatakan beliau dilantik menurut jawatan. Ini bermakna pegawai kerajaan pada pandangan saya. Akan tetapi fasal 9, Setiausaha dibayar elaun, bukan gaji. Apa jadi dengan gaji beliau sebagai pegawai kerajaan? Ini saya rasa dengan mudah dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Fasal 19 pula, kerajaan hendaklah – dalam bahasa Inggeris “*shall*” – mengadakan dana yang mencukupi bagi Majlis setiap tahun. Oleh kerana penggunaan perkataan hendaklah atau *shall*, ia macam seolah-olah satu yang mesti dibuat. Apa jadi? Adakah kerajaan tidak ada pilihan, Kementerian Kewangan *for the first time*, dengan izin, tidak ada pilihan tetapi bersetuju dengan bajet yang dipohon, kalau itulah yang difikirkan cukup untuk Majlis dan tidak boleh kurang satu sen pun. Ini kerana perkataan, “*shall*”.

Fasal 20(a), adakah ia merupakan satu cek kosong kita beri kepada pihak yang berkenaan bahawa tiada apa-apa perbuatan, prosiding boleh dipersoalkan atas alasan kecacatan dalam penubuhan Majlis ini. Katalah ada sesuatu kecacatan atau *human error*, maka adakah berdasarkan fasal 20 ini satu cek kosong yang diberi? Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong berdasarkan ulasan-ulasan saya tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Chew Lee Giok dan seterusnya Yang Berhormat Dr. Malasingam. Jikalau boleh tolong diringkaskan dan tepat, konkrit untuk beri ruang kepada ramai lagi yang berhasrat untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat.

6.42 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba ringkas dan pendekkan perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu rakyat ialah inflasi dan kenaikan harga barangan yang menyebabkan kenaikan kos kehidupan. Kenaikan kos kehidupan dan kenaikan harga barangan adalah suatu yang dialami oleh semua negara di seluruh dunia ini, bukan sahaja di Malaysia. Ini telah menjadikan isu gaji minimum suatu isu yang penting untuk rakyat. Oleh itu, memang wajar Majlis Perundingan Gaji Negara ditubuhkan dan rang undang-undang ini dibahaskan. Saya menyokong rang undang-undang ini kerana penetapan gaji minimum haruslah berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) tempat pekerjaan, di mana bandar yang berlainan mempunyai kos kehidupan yang berbeza;
- (ii) sektor perniagaan iaitu sektor yang berbeza mempunyai struktur kos dan keuntungan yang berbeza;
- (iii) persaingan antarabangsa, di mana kita mengetahui bahawa kilang-kilang di Malaysia banyak bersaing dengan negara-negara serantau kita, negara jiran kita seperti Thailand, Indonesia, Vietnam dan China, dan oleh itu kos tenaga kerja yang berdaya saing adalah penting untuk kilang-kilang Malaysia agar berjaya dalam persaingan perniagaan antarabangsa;
- (iv) perundingan di antara pihak majikan dan pihak pekerja adalah sangat penting; dan
- (v) jenis pekerjaan, tahap kemahiran dan pendidikan.

Penetapan gaji minimum bukanlah suatu yang mudah. Gaji minimum yang lebih tinggi adalah berita yang baik untuk para pekerja yang berpendapatan rendah. Gaji minimum yang terlalu tinggi bagi kilang-kilang mungkin menyebabkan sebahagian kilang akan tutup dan memindahkan operasi ke negara jiran. Keseimbangan kesesuaian gaji minimum adalah sangat penting untuk semua perniagaan untuk terus beroperasi dan menggaji pekerja-pekerjanya dan para pekerja mendapat gaji yang berpatutan. Di sini persoalan saya ialah:

- (i) apakah sektor pekerjaan yang diberi keutamaan (*top priority*) bagi penetapan gaji minimum?;
- (ii) apakah bandar wilayah diberi keutamaan bagi penetapan gaji minimum?;
- (iii) apakah kajian-kajian dan analisis yang telah dilakukan tentang gaji minimum, purata gaji dan kos tenaga pekerja sehingga kini?;
- (iv) apakah kadar kos tenaga pekerja berbanding penghasilan bagi sektor perkilangan di Lembah Klang dan lain-lain wilayah dalam lima tahun ini?;

- (v) apakah rancangan Majlis Perundingan Gaji Negara atau pihak kementerian untuk melaksanakan gaji berhubung kait dengan produktiviti?;
- (vi) bagaimanakah Majlis Perundingan Gaji Negara, Pusat Produktiviti Negara dan pihak kementerian dapat melangsamkan peningkatan produktiviti supaya pihak majikan mampu membayar gaji yang lebih tinggi?; dan
- (vii) apakah rancangan kerajaan untuk menolong semua perniagaan dan semua rakyat untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi untuk mencapai visi negara berpendapatan tinggi (*high income nation*) dengan izin?

Proses perundingan antara pihak majikan dan pihak pekerja dengan fasilitasi Majlis Perundingan Gaji Negara adalah kritikal bagi kerja yang gaji minimum. Pelaksanaan gaji minimum secara paksaan mungkin menyebabkan akibat-akibat yang negatif. Dengan itu, saya ada beberapa cadangan di bawah ini iaitu:

- (i) kajian yang teliti dan terperinci dilakukan bagi pelbagai jenis pekerjaan, pelbagai sektor perniagaan, pelbagai bandar dan wilayah sebelum proses perundingan gaji minimum dijalankan;
- (ii) kajian perbandingan dilakukan untuk gaji minimum dan kos pekerja bagi negara-negara yang bersaing dengan Malaysia seperti negara-negara jiran kita iaitu Thailand, Indonesia, Vietnam, China sebelum proses perundingan gaji minimum;
- (iii) pengurangan kos menjalankan perniagaan iaitu *cost of doing business* dengan izin, dikaji secara terperinci dan dilaksanakan, seperti pengurangan cukai pendapatan, duti import dan lain-lain cukai, untuk membolehkan pihak majikan berkemampuan membayar gaji yang lebih tinggi kepada para pekerja;
- (iv) peningkatan pelaburan asing khasnya pelaburan dalam sektor perkilangan dikaji secara terperinci supaya sektor perkilangan dapat membina bilangan pekerjaan yang lebih banyak untuk rakyat Malaysia;
- (v) pelaksanaan gaji minimum haruslah dilakukan secara berperingkat seperti, fasa pertama untuk semua kakitangan kerajaan dan badan berkanun, mungkin fasa kedua untuk semua pekerja GLC, fasa ketiga untuk semua pekerja-pekerja syarikat swasta yang besar dan *multinational company* dengan izin, dan fasa keempat untuk semua pekerja syarikat sederhana; dan
- (vi) kelonggaran diberi kepada syarikat-syarikat kecil.

Akhirnya terdapat dua persoalan saya lagi iaitu:

- (i) apakah rancangan jangka masa bagi perundingan dan penetapan gaji minimum?; dan
- (ii) apakah penetapan gaji minimum akan menyebabkan lebih banyak syarikat membuat *labor outsourcing* dengan izin, dan pengambilan pekerja secara kontrak?

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Malasingam dan seterusnya selepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Idris Buang.

6.48 ptg.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Gaji minimum adalah satu isu nasional. Mengikut pertubuhan buruh antarabangsa, gaji minimum ditakrifkan sebagai gaji paling rendah yang patut dibayar kepada seseorang pekerja. Saya percaya dengan pasukan penguatkuasaan membuat pemeriksaan dan pemantauan dari masa ke semasa untuk kita memastikan bahawa kerajaan akan dapat memberikan peluang dan juga tindakan yang seadil-adil kepada kita dalam memastikan bahawa nasib gaji minimum para pekerja di negara ini akan dapat dibela sepenuhnya.

Majlis Perundingan Gaji Negara ini akan dapat sekurang-kurangnya dilihat bahawa pekerja-pekerja termasuk saya sendiri ingin tahu tentang kedudukan pekerja asing di negara kita sama ada mereka juga turut dilibatkan dalam Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara ini. Saya juga memikirkan tentang pekerja asing ini dalam keadaan penetapan gaji minimum ini nanti dan saya percaya Majlis ini juga akan mengambil kira bagaimana kedudukan ini dibandingkan dengan pekerja-pekerja tempatan.

Kekhuatiran kita ialah apabila diambil kira hak-hak pekerja asing ini yang telah difikirkan oleh majikan dan kluatir yang pekerja-pekerja tempatan akan mengalami kekurangan berbanding dengan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh pekerja asing. Umpamanya, jika seorang majikan itu terpaksa menyediakan penginapan, makanan dan juga keperluan-keperluan lain termasuk pakaian dan kegunaan-kegunaan wajib pekerja. Sesetengah majikan sehingga menyediakan tuala-tuala untuk pekerja-pekerja wanitanya di mana perkara ini tidak diambil kira untuk pekerja tempatan dan jika ditukarkan kesemua faedah itu kepada tunai, *bottom linnya* nanti pekerja asing ini akan menikmati satu tahap minimum melebihi daripada pekerja-pekerja tempatan.

Jadi di sini, kita kluatir jika berlaku ketidakseimbangan ini ia akan menyebabkan kekecewaan di kalangan pekerja tempatan. Apa yang dihasratkan oleh kerajaan tadi ialah untuk memuaskan hati semua pihak termasuk pekerja-pekerja ini tidak akan berlaku dan kita rasakan seolah-olah pekerja asing ini pula diberikan keutamaan yang lebih dalam konteks gaji minimum ini.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah selepas melaksanakan gaji minimum ini ia akan memberikan satu impak negatif kepada keadaan ekonomi daripada keadaan *uncertainty*, keadaan global peningkatan inflasi dan juga terhadap guna tenaga serta meningkatkan kadar pengangguran. Jadi, bagaimana kerajaan akan mengatasi masalah ini kerana dalam kita hendak membela nasib pekerja, kita harus melihat kepada beberapa keadaan terutamanya dari segi kemampuan kita. Jikalau kita tidak mampu, kita terpaksa juga memberikan kadar upah yang lebih tinggi daripada kemampuan kita.

Maknanya, kerajaan selain daripada berlaku kenaikan inflasi, setiap kali pengumuman kenaikan gaji kepada kakitangan awam, ia akan menyebabkan kenaikan harga barangan yang dibuat walaupun ini dikawal oleh kerajaan. Belum lagi diumumkan ada ura-ura sudah ada harga barangan yang dinaikkan. Jadi, bila dinaikkan dengan harga upah yang tinggi dan bersesuaian dan harga barang tinggi maknanya tidak ada sebarang perubahan dalam mencapai hasrat kerajaan dalam menjamin masa depan pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini, saya menyeru agar kerajaan dapat menilai dan meneliti serta menerima pandangan daripada semua golongan yang terlibat dalam penyetaraan gaji minimum ini. Perbincangan secara konstruktif dalam semangat tripartisme harus diutamakan sambil mengelakkan eksploitasi majikan dan meningkatkan produktiviti pekerja dan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Kadar gaji minimum hendaklah berpatutan sekiranya gaji ini didapati terlalu tinggi, ia boleh membebankan majikan dan seterusnya menjejaskan perniagaan mereka yang boleh menyebabkan kerugian kepada pekerja itu sendiri jika majikan gulung tikar. Jika terlalu rendah juga boleh menyebabkan objektif kerajaan untuk mencapai wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi juga akan turut terganggu. Sehubungan dengan ini, saya menyeru agar pelaksanaan ini ditetapkan pada kadar yang munasabah dan berpatutan yang dapat mencerminkan ketelusan dan teratur dalam pelaksanaan dasar gaji minimum ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya silakan Dato' Haji Idris bin Haji Buang dan selepas itu saya minta Datuk Abdul Rahman bin Bakar bersedia.

6.53 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah perbahasan saya yang terakhir dalam sesi saya sebagai Ahli Dewan Negara dan saya mohon maaf jika ada tersilap kata dahulu dan juga sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyokong rang undang-undang ini kerana sudah lama golongan yang menunggu ini yang ramai kira-kira tujuh juta ini telah lama menunggu zahirnya undang-undang seperti ini.

Saya berpendapat ini adalah satu langkah ke arah yang betul untuk kita sama-sama menangani isu di mana manusia dengan tenaga yang kita peroleh daripada mereka hendaklah diberi dengan setimpalnya keadilan.

Saya ingin hendak merujuk mengingati diri saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negara semua tentang satu sunah Rasulullah SAW iaitu maksudnya, "Bayarlah upah seseorang itu sebelum peluhnya kering." Ini membawa makna yang begitu besar sekali. Ini bermakna, kadar gaji minimum yang hendak kita wujudkan ini adalah satu langkah untuk memberi pengiktirafan kepada golongan yang benar-benar memerlukannya demi keadilan. Itu pertama.

Kedua, adalah untuk *consent*, dengan izin kita sendiri. Kita tidak mahu dituduh satu hari nanti iaitu kita mengamalkan penghambaan atau *slavery* di era baru atau *modern day slavery*. Apakah itu *modern day slavery*? Dengan izin. Banyak definisinya. Kita tidak mahu nanti bila seseorang itu dibayar bawah daripada garis atau paras kemiskinan, ia boleh ditakrifkan sebagai *modern day slavery*, dengan izin.

Jadi, saya syorkan dan sarankan kepada pihak yang berwajib iaitu Yang Berhormat Menteri yang membawa rang undang-undang ini juga Majlis Perundingan Gaji Negara nanti supaya mengambil kira beberapa faktor yang menjurus pada *consent* kita sebagai pihak berkuasa untuk membuat keadilan yang sebaik-baiknya.

Perkara-perkara yang harus diambil kira ialah seperti diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang terdahulu daripada saya tadi, meliputi keadilan sosial, rasa perikemanusiaan, keadaan pasaran tenaga serantau, aras kemiskinan semasa atau dari semasa ke semasa, ketahanan atau *resilience* sektor-sektor atau industri yang kritikal untuk pembangunan atau pertumbuhan ekonomi negara, kadar inflasi dan juga *purchasing power parity*, wang ataupun Ringgit Malaysia kita dengan negara yang serantau di mana kita ada bersaing dari segi apa jua bidang, kadar risiko yang *antecedent* yang ada pada tugas yang diberi, *skill* atau kemahiran yang dikehendaki oleh tugas itu dan juga kadar bayaran yang sepatutnya dan munasabah untuk tugas yang diperlukan.

Jadi, saya juga sarankan supaya perbezaan lokasi seperti di Sarawak pun di pedalaman, kadar hidup di sana lebih mahal daripada di bandar seperti mana yang telah diperkatakan juga. Oleh itu, original ataupun *geographical criteria*, dengan izin hendaklah diambil kira juga. Jadi, dengan adanya sedemikian, saya pohon Majlis Perundingan Gaji Negara ini mesti mengambil kira representasi daripada semua pihak yang berkenaan. Jikalau ada juga representasi daripada Sabah dan Sarawak itu sangatlah baik. Juga kalau boleh nasihat daripada MTUC dan kesatuan-kesatuan yang lain sangat-sangat diperlukan oleh negara.

Jadi, saya mohon agar dengan adanya gaji minimum ini, garis panduan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara ini didedahkan untuk rakyat menelitinya juga supaya dapat diketengahkan apa jua *feedback* atau respons daripada bawah sekali hingga ke pimpinan yang teratas iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1900

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar, dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

7.00 mlm.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa sangat bangga, sangat bersyukur kerana telah lama rang undang-undang ini ditunggu-tunggu. Maka pada hari ini, tanggal 12 Julai 2011, rang undang-undang ini tiba. Syukur, terima kasih, tahniah Kementerian Sumber Manusia.

Tujuannya jelas iaitu hendak ganti dengan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947. Saya tidak ada keraguan sebab rang undang-undang ini *dibind* begitu rupa dan diteliti oleh suatu Majlis dan diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri BN yang berwibawa, yang berkebolehan, yang berpengalaman. Jadi, tidak ada keraguan di sini.

Rang undang-undang ini jelas untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju, negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ianya juga untuk membela nasib golongan rakyat yang berpendapatan rendah ataupun pekerja yang dianggap *working poor* selaras dengan prinsip Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Jadi, golongan yang disasarkan ialah golongan yang miskin, yang telah lama di pinggir, yang diperalatkan oleh Bersih selama ini. Jadi, rang undang-undang ini boleh saya simpulkan bertujuan menzahirkan, menterjemahkan satu bentuk transformasi ekonomi menuju negara maju menjelang tahun 2020. Tahniah KSM.

Pada masa ini, penetapan gaji pekerja-pekerja awam tidak ada persoalan kerana sudah tetap. Semua orang sudah tahu. Akan tetapi bagi pekerja swasta, kita lihat ada cara yang tersendiri iaitu melalui tiga kaedah iaitu:

- (i) berdasarkan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh;
- (ii) melalui perjanjian secara bersama (*collective agreement*) hasil perbincangan dan persetujuan bersama antara majikan dan kesatuan sekerja seperti MTUC dan lain-lain; dan
- (iii) melalui Majlis Penetapan Gaji di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947.

Jadi, saya simpulkan ketiga-tiga kaedah ini adalah kaedah yang lama untuk menetapkan gaji. Namun begitu, kuasanya adalah terhad pada sektor tertentu sahaja dan yang terpilih. Bukan semua yang boleh gaji minimum. Pada masa ini, saya difahamkan ia tertentu sahaja.

Contoh, untuk pekerja pembantu kedai, tukang gunting, pekerja kargo pelabuhan, pekerja hotel, pengedar makanan dan pengawal keselamatan. Apa jadi kepada sektor-sektor lain? Jadinya terpinggir.

Oleh itu, saya rasa gaji yang ditentukan melalui kuasa pasaran didapati tidak berkesan kerana berdasarkan kajian oleh Bank Dunia lama dahulu, sepuluh tahun dahulu – ini ketinggalan zaman. Jadi kalau gaji di Malaysia hanya meningkat secara perlahan-lahan – kadar ialah dalam lingkungan 2.6 peratus. Oleh itu, saya berpijak kepada Gunatenaga Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2009 iaitu melibatkan sampel lebih kurang 24,000 majikan dan melibatkan 1.3 juta pekerja mendapati 33.8 peratus pekerja adalah di bawah gaji RM700 sebulan. Rendah, rendah, rendah. Gaji ini menunjukkan terdapat herotan atau kepincangan, tidak betullah herotan itu yang mana kalau dibiarkan boleh menjadi kepincangan dalam pembahagian masyarakat yang adil. Yang rendah, rendah sangat dan yang tinggi, tinggi sangat padahal semua mereka ialah pekerja negara kita Malaysia.

Jadi, kita kira gaji dirundingkan antara majikan dan pekerja juga dalam perjanjian kolektif hanya meliputi 7 peratus sahaja dari semua guna tenaga kerja iaitu angka 7 peratus ini sangatlah kecil. Jadi, bagi menyelesaikan isu ini, kerajaan telah mengambil langkah campur tangan, intervensi untuk melaksanakan gaji di peringkat nasional. Sekali lagi tahniah dan syabas kepada KSM.

Rang undang-undang ini jelas bertujuan menubuhkan sebuah Majlis yang dinamakan Majlis Perundingan Gaji Negara yang berfungsi sebagai satu badan bebas yang antara lain dalam bentuk tiga atau tripartisme iaitu kerajaan, majikan dan pekerja. Jadi, ada terdapat *balance of power*. Lanjutan daripada ini, saya lihat satu jawatankuasa berbentuk teknikal akan ditubuhkan terdiri daripada pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar kira-kira statistik, pakar-pakar sosial berteraskan kehandalan mereka iaitu profesionalisme mereka dalam menjamin kaedah penetapan gaji yang dilaksanakan secara lebih adil, berimbang dan telus. Jadi, tidak usah ragu-ragu lagi.

Jadi, saya kira ianya satu perundingan yang pokoknya ialah untuk kita *go in hand* secara *collective bargain*. Jadi, tujuannya ialah meningkatkan kadar pendapatan golongan yang rendah kuasa belinya. Oleh itu, saya fikir kuasa beli oleh mereka yang berpendapatan rendah akan terus meningkat untuk menghadapi kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang.

■1910

Kalau dibiarkan tidak ada gaji minimum, kos sara hidup meningkat golongan miskin jadi terus miskin. Oleh sebab itu kerajaan buat ini, tahniah lagi sekali KSM. Oleh sebab itu, saya fikir apabila kita ada gaji minimum, ianya juga dapat elakkan daripada majikan eksploitasi pekerja dan juga meningkat atau maksimumkan guna tenaga tempatan di samping menggalakkan rantaian nilai dalam pelaburan teknologi tinggi dan peningkatan produktiviti.

Dengan itu, secara tidak langsung dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Ada banyak negara di dunia ini, gaji minimum lebih banyak membawa kesan positif. Tidak ada satu negara pun apabila melaksanakan gaji maksimum bawa kesan negatif. Saya cabar Ahli-ahli Yang Berhormat tunjukkan kepada saya satu negara yang melaksanakan gaji minimum, kesan ialah tidak ada. Kalau ada bohonglah saya, kalau ada tunjukkan bukti kepada saya.

Oleh itu, saya kira gaji minimum ini membantu kesan kepada negara secara positif, lebih aman, lebih maju, lebih berdaya saing, lebih makmur dan lebih baik. Saya juga hendak ingatkan andainya gaji minimum kita letakkan terlalu tinggi, ianya tentu di luar kemahuan perusahaan kecil untuk terus beroperasi dan menjejaskan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Saya juga hendak sebut gaji minimum kalau tidak hati-hati boleh membawa kesan kepada kadar inflasi dalam tempoh jangka pendek. Walau bagaimanapun, kadar inflasi itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor ekonomi seperti permintaan dan penawaran kos tenaga, kos bahan-bahan mentah, teknologi, dan sebagainya. Ia bukan disebabkan oleh faktor peningkatan gaji semata-mata.

Penempatan gaji minimum juga sewajarnya dapat meningkatkan kapasiti menjana pulang pekerjaan. Namun, ianya juga boleh memberi kesan kepada peluang pekerjaan kepada golongan-golongan yang mudah terjejas seperti orang kurang upaya seperti saya ini... *[Ketawa]* Warga emas seperti siapa tidak tahulah, ibu tunggal, orang cacat dan sebagainya. Dalam hal ini, saya minta Majlis mencari kaedah terbaik supaya kumpulan ini diberikan perlindungan. Jangan lupa kita ada OKU di negara kita dalam kadar 300,000 orang agar diberi jagaan, perlindungan, dan agar peluang pekerjaan kepada mereka tidak terjejas.

Sementara itu, satu kajian gaji diperlukan seperti perhotelan, pertanian, pengangkutan, dan sebagainya mempunyai elemen-elemen gaji boleh ubah seperti cas perkhidmatan, *fees rated commission*, dan sebagainya. Jadi, bagi menangani kesan-kesan itu saya minta kepakaran Bank Dunia untuk turut serta. Tadi Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan syorkan Bank Dunia tidak perlu campur tangan. Dia cakap sahaja, dia tidak tahu apa-apa pun mengenai Bank Dunia. Bank Dunia adalah bank yang ada kemampuan dari segi pakar-pakar dalam bidang pekerjaan, bidang kewangan dan sebagainya. Oleh itu, saya minta supaya Bank Dunia menjalankan satu kajian yang lebih komprehensif. Selain itu, pemantauan berterusan dan konsisten akan dijalankan oleh Majlis Perunding Gaji. Gaji negara dengan bantuan Jawatankuasa Teknikal dan pengumpulan bahan-bahan analisa tentang data gaji secara *indicator* sosioekonomi. Saya juga hendak sebut ada beberapa isu penting yang kita perlu tangani.

Pertama, isu pekerja asing. Adakah isu pekerja asing boleh dimuatkan dalam gaji minimum? Saya fikir perlu masuk, jangan dengar cakap orang lain terutama pembangkang. Ini kerana pekerja asing walaupun ada berjuta-juta, tidaklah banyak sangat, bukan berlambak-lambak. Kita perlu ingat bahawa pekerja asing menjana pendapatan daripada KNK sebanyak RM33.1 bilion satu tahun. Ya, kita sedar bahawa pekerja asing juga bawa wang balik ke negara masing-masing dalam bentuk *remittance*. Itu sahaja, tidak lebih RM17 bilion.

Mana lebih banyak, RM33.1 bilion atau RM17 bilion? Sudah tentu pendapatan yang berasaskan 6 peratus daripada GDP lebih baik daripada *remittance* yang dibawa keluar. Oleh itu kita kena rasional, kita kena bijak, dan kena ada campur. Jangan ada semangat benci. Jangan ada semangat hendak buang sedangkan pekerja asing juga menjana pertumbuhan ekonomi, kemajuan negara dan rakyat negara ini.

Kedua saya hendak sebut juga, adakah *part timers* iaitu mereka yang bekerja separuh masa diambil kira? Pada pendapat saya, ini satu kadar mengikut jam atau masa yang tertentu munasabah diberi supaya kita boleh mengadakan yang ingin bekerja sebagai *part time*. Misalnya, mereka yang merupakan pelajar-pelajar di kolej, universiti, mereka yang sudah bersara dan sebagainya. Kalau kita ada satu kadar *hourly rate* yang berpatutan saya fikir memang merupakan satu galakan kepada kumpulan ini bekerja. Dengan itu, kita boleh menggalakkan satu masyarakat di mana di *work place* merupakan satu tempat yang lebih fleksibel. Saya tekankan ini sebab golongan *part timers* juga hendakkan wang dan rezeki. Kalau tidak, mereka akan jadi bahan beban kepada negara. Oleh itu, *part timers* juga perlu beri gaji yang minimum ikut pusingan jam. Ketiga isu adakah meliputi Sabah dan Sarawak?

■1920

Saya difahamkan, saya tahu Sabah dan Sarawak, dia ada gaji sendiri. Apa pun saya minta KSM membantu Sabah dengan ordinannya, Sarawak dengan ordinannya masukkan gaji-gaji minimum. Saya tidak mahu disebabkan oleh gaji minimum, ada jurang perbezaan antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung. Kalau itu berlaku, jawapannya ialah kita sengaja menjarakkan perpaduan disebabkan oleh pelaksanaan gaji minimum yang tidak bersifat nasional. Saya juga hendak sebut satu lagi yang penting ialah hati-hati. Apabila laksanakan gaji minimum, jangan ada pula pihak-pihak yang tertentu menaikkan harga barang-barang. Sekarang pun kita dengar macam-macam hendak naik gaji...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sudah masuk, baguslah... *[Ketawa]* Jadi, saya fikir harga barang-barang perlu hati-hati, perlu *control*, tanggungjawab KSM untuk berunding dengan pihak-pihak tertentu supaya menentukan sebaik-baik harga barang-barang ini tidak naik sewenang-wenangnya.

Saya juga tertarik dengan satu lagi. Dahulu Tuan Yang di-Pertua ada tegur satu rang undang-undang. Rang undang-undang cacat. Orang boleh terima walaupun cacat. Betul Tuan Yang di-Pertua? Satu Rang Undang-Undang lama. Betul, Tuan Yang di-Pertua angguk dua kali. Betullah... *[Ketawa]* Saya lihat, waran boleh diterima walaupun cacat muka surat 21. Bacalah, saya hendak baca pelat-pelat akan tetapi baca juga.

“Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu, dan mana-mana buku akaun gaji, daftar, penyata kewangan atau dokumen lain yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.”

Saya tidak faham, walaupun sudah baca sepuluh kali. Saya faham macam ini. Walaupun cacat diterima, walaupun silap diterima. Aduh, cacat boleh lagi diterima, silap boleh terima kah? Jadi, saya mohon dan saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, beliau seorang *lawyer* yang berkebolehan supaya akta macam ini, fasal-fasal macam ini, sebelum dimasukkan ke Dewan dikaji dahulu. Jangan jawab, “Semua akta macam ini, standard.” Itu bukan jawapan yang bagus. Hendaklah kita terangkan cacat apa, silap apa. Boleh terima. Cacat, silap boleh terima juga, aku tidak tahulah. Teruk! Jadi, saya minta fasal-fasal macam ini kena kaji, kena betulkan supaya kita faham. Kita hendak tolak ini, semua bagus. Disebabkan oleh satu ini, kita jadi kelam kabut. Jadi, hendak tolak kah atau hendak terima, hendak tolak, hendak terima? Itu satu usul saya.

Akhirnya sebelum saya berhenti, minta izin Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator, rakan-rakan yang akan bersara. Junjungan kasih, budi kepada Yang Berhormat. Jasamu kepada negara, rakyat dan kepada bangsa tetap dikenang. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Tanpa membuang masa saya hendak maklumkan selepas ini Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan kita ada seterusnya Yang Berhormat Dato’ Zaitun binti Mat, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong. Akan ada lagi empat orang selepas Yang Berhormat Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Kalau boleh saya merayu, berhemahlah bercakap supaya dapat sama-sama kita manfaatkan. Silakan.

7.26 mlm.

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 ini.

Saya cuba untuk sedapat mungkin tidak akan mengulang-ulang apa yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain walaupun sebahagian besar daripada perkara-perkara yang telah diucapkan itu memang sudah terfikir untuk saya mengucapkannya. Akan tetapi secara sambil lalu mungkin saya akan sebut juga perkara-perkara yang tidak – walaupun *point* yg sama tetapi ada *angle* yang berbeza barangkali.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, sila.

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya ingin memulakan ucapan ini Tuan Yang di-Pertua dengan bertanya. Apakah program kementerian untuk melaksanakan Bahagian IV daripada rang undang-undang ini, apabila rang undang-undang ini sudah menjadi akta nanti?

Saya timbulkan perkara ini dan saya menekankan perkataan program itu. Malam tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala mengatakan kepada kita, "Jangan kita membuat planning sahaja. Yang penting ialah program." Jadi untuk itu, saya merasakan bahawa pihak kementerian, pihak kerajaan mestilah memikirkan semasak-masaknya. Bagaimana supaya Bahagian IV daripada rang undang-undang yang akan menjadi undang-undang ini benar-benar bergerak, benar-benar dilaksanakan.

Janganlah hendaknya – minta maaf saya mengatakan rang undang-undang ini apabila menjadi akta akan menerima nasib sebagaimana Akta Bahasa Kebangsaan di bahagian-bahagian tertentu walaupun kita menyedari tentang bahasa kebangsaan dihargai tetapi kerana kurangnya mekanisme dan infrastruktur pelaksanaan. Maka Akta Bahasa Kebangsaan itu telah diperolok-olokkan oleh sesetengah pihak, terutama oleh kerajaan-kerajaan tempatan.

Jadi, ini antara sebabnya ialah kerana ada fasal-fasal tertentu dalam Akta Bahasa Kebangsaan itu yang memerlukan pelaksanaan tetapi diabaikan terutama oleh pihak-pihak berkuasa tempatan atau PBT. Saya minta, mungkin perkara ini saya akan ulang balik di penghujung ucapan saya nanti, saya minta supaya ini diambil kira, bagaimana untuk memastikan supaya Bahagian IV – penyiasatan dan penguatkuasaan benar-benar dilaksanakan, diberi jiwa. Saya mengalu-alukan rang undang-undang ini dan saya tertarik dengan bahagian akhir ucapan Yang Berhormat Menteri tadi yang menekankan perlunya keseimbangan dalam apa sahaja yang kita lakukan. Justeru keseimbangan itulah yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini.

Keseimbangan ertinya diberi bahawa rang undang-undang ini nanti apabila menjadi undang-undang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pekerja tetapi juga kepada majikan atau kepada syarikat. Jadi, terdapat apa yang disebut dalam sosial sains sebagai *dynamic equilibrium*. Keseimbangan yang dinamik dalam semangat rang undang-undang ini. Ertinya rang undang-undang ini menjaga kepentingan pekerja dan tanpa mengabaikan kepentingan majikan.

■1930

Itulah yang saya maksudkan dengan bahawa rang undang-undang ini mengandungi unsur-unsur dinamik *equilibrium* itu. Ertinya rang undang-undang ini berniat baik melindungi kepentingan pekerja dan sekali gus melindungi kepentingan syarikat dan juga majikan. Perkara yang hendak saya sebut ini sudah disebut, jadi saya tidak payah ulang.

Ada satu yang patut juga diambil kira saya rasa ialah antara kepentingan rang undang-undang ini diadakan ialah untuk mengelakkan majikan-majikan secara bersembunyi-sembunyi menggaji pekerja-pekerja asing dengan gaji yang rendah. Gaji yang rendah sehingga menyebabkan banjir pasaran kerja kita oleh pekerja-pekerja asing kerana ada majikan-majikan secara bersembunyi-sembunyi memberi gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja asing. Akan tetapi kalau sekiranya kerja-kerja tertentu sudah memang ada gaji minimum ditetapkan, saya percaya orang tempatan sendiri akan turut berminat untuk bekerja dengan gaji yang minimum itu.

Yang juga patut diberi perhatian yang telah disebut tadi dan juga yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri ialah tentang kemungkinan-kemungkinan inflasi yang akan mungkin timbul akibat wujudnya gaji minimum ini.

Ertinya dalam hal ini janganlah hendaknya sampai peniaga-peniaga mengambil kesempatan dengan adanya peraturan atau akta yang menjamin gaji minimum ini. Selain daripada itu perkara yang patut juga saya timbulkan di sini apabila nanti suruhan Majlis ini, Majlis ini menetapkan gaji minimum itu. Antara perkara yang patut diambil kita saya rasa ialah ganjaran-ganjaran tersembunyi atau *hidden rewards* yang dinikmati oleh pekerja-pekerja.

Supaya yang demikian, rang undang-undang ini nanti benar-benar akan bersikap berlaku adil kepada majikan di samping berlaku adil kepada pekerja. Saya mencadangkan supaya apabila kita menetapkan gaji minimum itu janganlah gaji minimum itu diukur semata-mata dengan menggunakan wang ringgit sahaja. Barangkali ada bentuk-bentuk ganjaran lain yang boleh dengan izin, di *built in* kepada gaji minimum itu walaupun bukan dalam bentuk ringgit.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Selain daripada itu, kerana kita bercakap mengenai gaji, mengenai hubungan antara majikan dan pekerja, saya ingin bertanya sekiranya rang undang-undang ini nanti apabila menjadi undang-undang boleh mengkaji kembali kolektif *agreement* antara syarikat-syarikat tertentu dengan *union* nya, dengan syarikat-syarikat pekerjanya yang ternyata dalam jangka panjang merugikan syarikat.

Akan tetapi kerana kolektif *agreement* itu sudah ditandatangani, sudah diakui maka syarikat menjadi terperangkap sedangkan *union* atau syarikat kesatuan sekerja di syarikat berkenaan tidak menyedari tentang kesan buruk dalam jangka panjang terhadap keseluruhan syarikat itu.

Ada satu contoh yang ada dalam fikiran saya akan tetapi hendak saya sebut di sini akan tetapi kalau boleh saya akan boleh beritahu Yang Berhormat Menteri secara ini tentang wujudnya satu kolektif *agreement* yang dalam jangka panjang akan menjadikan satu syarikat itu bankrap. Adakah ini mungkin dikaji kembali berkat nadinya peraturan atau undang-undang baru ini.

Akhirnya sekali lagi saya ingin mengulang apa yang saya katakan di permulaan perbincangan ini iaitu secara khususnya saya sangat mengalu-alukan Bahagian IV yang merujuk kepada penyiasatan dan penguatkuasaan ini. Saya cuma berharap supaya langkah-langkah yang benar-benar konkrit, program mengikut istilah Datuk Seri Idris Jala benar-benar diwujudkan untuk memastikan supaya bila rang undang-undang ini nanti menjadi akta, menjadi undang-undang janganlah hendaknya ia menerima nasib seperti Akta Bahasa Kebangsaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya silakan Yang Berhormat Dato' Zaitun Mat. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

7.35 mlm.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua,*

Pagi-pagi mencari lokan,

Lokan dijual ke pasar minggu,

Perbahasan ini saya teruskan,

Harap Datuk Timbalan dan YB sabar menunggu... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi jangan terlalu lama... *[Ketawa]* Kita kesuntukan masa ya. Ada pantun pun pantun juga... *[Ketawa]*.

Dato' Zaitun binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk membahaskan Rang undang-undang Majlis Perundangan Gaji Negara 2011. Saya juga mengucapkan tahniah yang akhirnya dapat membentangkan Rang undang-undang Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 ini sebagai usaha untuk menetapkan gaji minimum di sektor swasta.

Kesungguhan dan keikhlasan kerajaan untuk membela pekerja sektor swasta khususnya dari segi menetapkan gaji minimum tidak wajar dipersoalkan. Kerajaan dalam masa turut bertanggungjawab kepada majikan dan industri. Sering kali penetapan gaji minimum dikatakan akan mengurangkan daya saing negara selain menyebabkan pelaburan terus asing (FDI) akan beralih kepada negara lain. Ketiadaan gaji minimum ini menyebabkan kerajaan terpaksa mencari alternatif untuk menambah pendapatan pekerja swasta.

Kerajaan umpamanya terpaksa merangka dasar bagi membolehkan lebih 13 juta pekerja awam dan swasta melakukan pekerjaan separuh masa bagi menambahkan pendapatan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan setakat manakah peraturan membenarkan pekerja awam dan swasta menjalankan pekerjaan sambilan selepas waktu kerja ini telah digubal oleh kerajaan dan apakah kesannya dari segi produktiviti pekerja ini.

Berhubung dengan penetapan gaji minimum dan kesan kepada pelaburan terus asing FDI negara kita dapati Vietnam yang menetapkan gaji minimum dari USD6.86 kepada USD11.45 pada Januari 2009 telah mendapat kesan positif kerana pelaburan asingnya telah berkembang kepada 8 peratus setahun. Maka adalah wajar kerajaan mempertimbangkan segera penetapan gaji minimum untuk sektor swasta, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan tanpa pelaksanaan gaji minimum bagaimanakah kerajaan dapat memastikan kebajikan golongan pekerja yang berpendapatan rendah dapat dibela dan dapat menjalankan kehidupan seharian dengan lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini didapati pekerja asing memonopoli tenaga kerja swasta. Bilangan pekerja tempatan di sektor swasta khususnya dalam sektor industri adalah sedikit disebabkan kadar gaji yang ditawarkan rendah iaitu antara RM500 hingga RM700 sebulan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan adakah kerajaan akan menetapkan kadar gaji minimum ini berdasarkan garis kasar kemiskinan masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 5 subseksyen 1 berhubung keanggotaan Majlis yang dilantik oleh Menteri. Keanggotaan Majlis amatlah penting bagi memastikan usaha penetapan gaji minimum dapat dilaksanakan.

■ 1940

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan secara khusus lima wakil pekerja dan lima wakil majikan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 5 subseksyen 1(e), dan seksyen 5, subseksyen 1(f), saya ingin mendapatkan penjelasan siapakah lima anggota kalangan pegawai awam, sebagai anggota Majlis dan apakah kepentingannya memandangkan Majlis ini menetapkan gaji minimum sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Bahagian III berhubung dengan perintah gaji minimum khususnya seksyen 21 mengenai keperluan Majlis mengadakan perundingan untuk menetapkan gaji minimum. Saya dapati seksyen 21(a) memperuntukkan peruntukan dengan mengadakan perundingan dengan orang awam tentang kadar dan liputan gaji minimum. Saya berharap rundingan awam ini turut membawa masuk rundingan bersama majikan dan wakil kesatuan sekerja bagi memastikan semua pihak dilindungi dan bagi memastikan gaji minimum bukan sahaja dapat ditetapkan tetapi juga akhirnya dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 25 berhubung dengan tanggungjawab Majlis untuk mengkaji semula perintah gaji minimum sekali dalam setiap dua tahun. Saya berpendapat peruntukan ini agak ideal kerana tempoh dua tahun adalah terlalu singkat untuk mengkaji gaji minimum termasuklah impaknya dari segi sosioekonomi. Saya ingin mencadangkan agar tempoh ini dipanjangkan kepada lima tahun agar langkah mengkaji kadar gaji minimum akan lebih realistik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sehingga kini apakah sektor yang telah mempunyai gaji minimum dan kadar gaji minimum yang telah ditetapkan dan sejauh manakah pelaksanaan gaji minimum ini dipatuhi oleh majikan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua:

*Tebing tinggi terasa gayat,
Duduk berteduh bersenang hati,
Barisan Nasional dahulukan rakyat,
Gaji minimum inilah sebagai bukti.*

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

7.43 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dihormati. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghadiri sebuah dialog yang disertai oleh beberapa tokoh Persatuan Majikan dan juga MTUC. Antara mereka ialah Setiausaha Persatuan Majikan dan bekas Presiden MTUC. Dalam dialog itu kesimpulannya ialah bahawa kedua-dua belah pihak majikan dan pekerja tidak bersetuju dengan akta ini dengan rang undang-undang ini. Izinkan saya memberikan alasan mereka secara ringkas kerana ini ada kaitannya dengan perbincangan selanjutnya.

Pihak majikan mengatakan bahawa mereka memang sentiasa menentang gaji minimum dan mereka menganggap bahawa rang undang-undang ini secara tersembunyinya mengutamakan pelaksanaan gaji minimum. Misalannya fasal 4 jelas menyatakan fungsi Majlis yang berkaitan dengan gaji minimum itu.

Selanjutnya mereka mengatakan bahawa daripada mengadakan gaji minimum, di mana terikat pada waktu-waktu tertentu, lebih baiklah mengadakan *review* tiap-tiap tahun atau dua tahun sekali untuk kenaikan gaji dan *review* seumpama ini dilakukan oleh beberapa negara yang lain. Pihak pekerja pula mengatakan sebenarnya rang undang-undang ini tidak memuaskan hati mereka tentang pelaksanaan gaji minimum. Ini adalah kerana dari segi fungsi dan kuasa Majlis ini ia adalah sangat terbatas. Inilah yang hendak saya perjelaskan kemudian nanti.

Keduanya mereka mengatakan soal gaji minimum ini harus dikaitkan dengan pindaan yang kuat terutama sekali terhadap Akta Pekerjaan (*Employment Act*) tahun 1955 fasal 2. Di sana disebutkan mengikut mereka, disebutkan tentang kemungkinan adanya *outsourcing* bagi mencari pekerja. *Outsourcing* ini berlaku ialah kerana diadakan kontraktor-kontraktor seolah-olah macam Sistem Kangani, zaman dahulu kontraktor-kontraktor yang boleh mengambil pekerja bagi pihak majikan. Jadi ertinya tidak ada interaksi di antara majikan dengan pekerja. Akan tetapi ia adalah melalui kontraktor.

Dengan adanya itu maka tidak bolehlah *negotiation* ataupun rundingan dilakukan di antara pekerja dengan majikan dan oleh sebab itu timbullah keadaan di mana misalannya kontraktor akan mendapat keuntungan besar dan *collective bargaining* tidak boleh dijalankan. Oleh sebab itu tidak wujud interaksi di antara pekerja dengan majikan. Kedua-dua perkara ini iaitu keuntungan bagi kontraktor dan juga sulitnya mengadakan *collective bargaining* ini adalah sebenarnya bertentangan dengan komitmen yang diberikan oleh Menteri Sumber Manusia pada sesi 98 ILO di Geneva pada 11hb Jun 2009 waktu mereka membincangkan dalam agenda kerja yang wajar (*decent work agenda*) harus dipertimbangkan soal ini iaitu soal komitmen yang telah diberi dan apa yang sedang berlaku sekarang ini.

Sekarang saya ingin membincangkan secara khusus beberapa hal yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Sebelum itu saya ingin menyatakan bahawa walaupun kita perlukan gaji minimum bagi saya ada juga baiknya seperti yang dicadangkan oleh pihak majikan tadi diadakan *review* tentang gaji setiap-tiap waktu yang tertentu sebab benda ini *usually exclusive* bahkan kedua-duanya boleh dilakukan. Kita boleh ada gaji minimum bagi 34 peratus pekerja yang di bawah *poverty line* misalnya dan sebaliknya bagi mereka yang lain kita boleh adakan *review* gaji mereka dari masa ke semasa.

Berhubung dengan ini barangkali sesuai kalau diadakan konsep *flexi wage* di mana misalannya gaji atau pendapatan adalah disesuaikan fleksibel dengan kos hidup pada satu-satu waktu. Dalam rang undang-undang ini, saya pergi dahulu kepada fasal 5 - Keanggotaan Majlis. Di sini ditegaskan secara khusus bahawa keanggotaan Majlis adalah ditentukan sama ada dari segi pelantikan ataupun pengguguran oleh menteri. Jadi ertinya, kuasa Menteri juga di situ adalah besar.

Keduanya, lima daripada 23 atau sehingga 29 anggota Majlis adalah wakil pekerja dan lima lagi adalah dipilih daripada perjawatan am saya kira pegawai-pegawai kerajaanlah, yang jadi masalahnya ialah dua, iaitu pertama, bagi pekerja-pekerja ini tidak disebut sama ada akan dirujuk hak bagi pekerja untuk memilih wakilnya tidak disebut juga sama ada wakil-wakil pekerja itu boleh dipilih oleh pekerja sendiri. Misalnya memberikan nama kepada menteri dan dilantik;

■1950

Yang keduanya ialah bagi pekerja yang menjadi pegawai kerajaan, mereka juga mempunyai undi dan saya rasa adalah susah untuk pekerja kerajaan bersifat neutral dalam hal seperti ini kerana bila mengundi, terutama sekali bila pengundian itu adalah secara terbuka, tentulah kelihatan untuk siapa mereka mengundi dan mereka tentu tidak mahu kelihatan mengundi kepada pihak yang bertentangan dengan kerajaan.

Satu lagi ialah kita dapati bahawa Majlis ini sebenarnya tidak mempunyai kuasa yang besar. Betul seperti tajuk rang undang-undang ini, rang undang-undang ini ialah bagi Majlis Perundingan Gaji Negara. Nampaknya ia hanya akan merundingkan kemungkinan kenaikan gaji dan kemudian membuat keputusan, membuat syor, syor itu dikemukakan kepada Menteri. Menteri boleh menentukan sama ada terima syor itu atau suruh kaji balik. Kemudian dipulangkan kepada mereka untuk dikaji balik. Bila mereka sudah kaji dan ada syor baru, dikemukakan semula dan pada waktu itu, kali yang kedua ini Menteri boleh menentukan sama ada hendak menerima syor itu ataupun terus tolak.

Sehubungan dengan ini sebenarnya kita dapati bahawa ada fasal 23(2) yang menyatakan Menteri boleh apabila diarahkan oleh kerajaan melalui pemberitahuan dalam warta meminda ataupun membatalkan perintah gaji minimum.

Jadi, akhirnya Menteri boleh buat keputusan atas arahan kerajaan. Okey, kita akan mengatakan itu memang hak kerajaan untuk melakukannya tetapi saya hendak mengingatkan bahawa tadi Menteri telah menyatakan bahawa sekurang-kurangnya dalam 70 peratus daripada negara yang melaksanakan gaji minimum ini adalah negara-negara yang kerajaannya menentukan gaji minimum itu. Jadi, kerajaan sebagai penentu gaji minimum itu.

Yang saya harapkan ialah bahawa kalau misalnya kerajaan menentukan, ia boleh menubuhkan jawatankuasa tertentu ataupun penyiasat-penyiasat tertentu untuk melakukan penyiasatan ataupun kajian mengenai gaji minimum ini. Mengapa perlunya Majlis? *If it is not for a show*, dengan izin. Saya katakan, "*for a show*" sebab akhirnya Menteri boleh tolak apa yang diputuskannya. Jadi, kalau tadi misalnya kita katakan dia boleh tolak dan kemudian kaji semula, ini dengan spesifik dinyatakan dalam 23(2) bahawa kerajaan boleh menolaknya. Jadi, saya syorkan sebenarnya berikan kuasa barangkali kepada kerajaan tanpa mempunyai Majlis ini ataupun lebihkan kuat kuasa dan kuasa Majlis ini supaya tidak semudah itu bagi kerajaan menolak misalnya apa-apa pertimbangan yang telah dilakukan.

Bukan sahaja ini menimbulkan soal Majlis itu tidak efektif. Ia juga menunjukkan sebenarnya Majlis tidak mempunyai taring untuk melaksanakan apa-apa keputusannya dan ini merupakan satu lanjutan atau ulangan daripada apa yang pernah berlaku. Tadi ada disebutkan mengenai kenaikan gaji bagi pengawal-pengawal keselamatan. Ditangguhkan, diberi sebab mengapa ditangguhkan. Jadi, ertinya keputusan dibuat misalnya melalui perundingan tetapi pelaksanaannya tidak dilakukan. Begitu juga saya bimbang nanti keputusan dibuat, tidak ada pelaksanaan sewajarnya mengikut masa dan waktu tertentu tetapi dilengah-lengahkan. Kalau dilaksanakan bernasib baiklah, kalau tidak, mungkin ditolak semula ataupun tidak dilaksanakan sama sekali keputusan yang telah dibuat itu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut semula fasal 31 iaitu tentang waran geledah yang dikeluarkan oleh akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan dan peninggalan dalamnya. Perkara ini memang telah saya timbulkan dalam rang undang-undang yang lebih awal dan telah ditegaskan lebih kuat lagi oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana nampaknya ini ulangan sekali lagi tentang perkara yang sama, saya harap dapat disampaikan melalui Tuan Yang di-Pertua kepada pihak kerajaan supaya menimbang semula sekali lagi sama ada hendak digunakan ayat-ayat seperti ini dalam akta-akta ataupun rang undang-undang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

7.56 mlm.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi ruang kepada saya walaupun saya ini orang ke-14.

Saya melihat rang undang-undang ini yang bertujuan menggantikan Akta Majlis Gaji 1947 kepada Majlis Perundingan Gaji Negara sebagai langkah berkesan dan tepat pada masanya selaras dengan hala tuju kerajaan untuk merealisasikan Model Ekonomi Baru (MEB) yang berteraskan ekonomi berpendapatan tinggi dalam usaha meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.

Dari sudut perniagaan komersial pula saya melihat rang undang-undang ini bakal mempertimbangkan secara serius gaji minimum sebagai satu strategi perniagaan dan peluang untuk meningkatkan sektor perniagaan. Ada beberapa isu yang ingin saya bangkitkan dalam rang undang-undang ini.

Pertama, isu kebergantungan kepada pekerja asing. Saya berpandangan, Malaysia hari ini terlalu bergantung kepada sektor tenaga buruh luar dari aspek *no skill* dan *semi skill* yang jumlahnya termasuk PATI dianggarkan sehingga mencecah lima juta orang lebih kurang. Ini satu jumlah yang membimbangkan. Cadangan saya, bagi memacu proses mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing, saya mencadangkan agar pelaksanaan satu dasar gaji minimum berdasarkan sektor pembinaan ini kerana lebih 90 peratus negara di dunia telah pun mempunyai undang-undang mengenai gaji minimum tetapi Malaysia masih belum melaksanakannya. Mohon pandangan kementerian dengan cadangan ini.

Selaras dengan konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', saya difahamkan kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji kemungkinan pelaksanaan gaji minimum kebangsaan untuk pekerja sektor swasta di Malaysia. Tidak dinafikan masih terdapat segelintir rakyat yang hidup di bawah paras pendapatan garis kemiskinan (PLI) malah ramai pekerja yang menerima upah kurang RM750 sebulan. Soalannya, saya mohon pandangan kementerian dalam isu ini, apakah skim yang telah dirangka? Adakah terdapat *medical benefit* (kemudahan perubatan) kerana kita usia tua banyak mengundang penyakit dan kos perubatan yang tinggi masa kini.

Ketiga, isu makmal gaji minimum. Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Bank Dunia telah menganjurkan makmal gaji minimum pada 7 hingga 14 Februari 2011 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Ada di antara nya Ahli Dewan Negara hadir. Saya ingin bertanya status makmal ini. Soalannya, apakah kejayaan yang diraih oleh Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan makmal gaji minimum pada 7 hingga 14 Februari 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC) di Putrajaya. Saya difahamkan bersempena dengan makmal tersebut Kementerian Sumber Manusia turut mengadakan Hari Terbuka Gaji Minimum untuk mendapat maklum balas daripada orang awam.

▪ **2000**

Apakah maklum balas yang diperoleh oleh kementerian daripada orang awam? Isu tanggapan negatif dan implikasi jika negara meneruskan penetapan gaji minimum.

Saya ada terbaca laporan di laman web yang mendakwa bahawa penetapan gaji minimum kebangsaan akan membawa kepada implikasi negatif kepada negara kerana ia boleh menjejaskan kuasa pasaran. Pelaksanaan gaji minimum juga boleh menyebabkan kehilangan beberapa kategori pekerjaan di peringkat rendah yang masih ada permintaan terutamanya untuk golongan yang mudah terjejas khususnya mereka yang bekerja di luar bandar dan secara tidak langsung akan meningkatkan kadar pengangguran di negara ini. Persoalannya, saya memohon pandangan kementerian dalam isu ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong.

8.01 mlm.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, mewujudkan gaji minimum. Usaha-usaha ke arah mewujudkan gaji minimum di sektor swasta harus diberi keutamaan tertinggi selepas rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini memandangkan isu gaji minimum ini sudah begitu lama dibahas dan dibincangkan oleh pelbagai pihak di negara ini. Dengan izin, *it is something long over due*. Ia seakan isu lapuk tetapi masih belum lagi nampak cahaya di hujung terowong sehinggalah pembentangan rang undang-undang ini.

Saya berpendapat soal menetapkan gaji minimum bukan lagi menjadi isu kewangan atau dengan izin, *financial issue*. Akan tetapi ia adalah isu moral atau dengan izin, *a moral issue*. Kenapa saya berkata demikian? Ini kerana ketika ini masih ramai lagi pekerja di pelbagai peringkat di sektor swasta bukan sahaja dibayar gaji yang rendah bahkan dibayar gaji dengan kadar di bawah paras kemiskinan pun ada. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di syarikat kecil tetapi juga turut membabitkan syarikat-syarikat besar dan yang mendapat keuntungan yang besar walaupun mendapat keuntungan yang berganda syarikat ini masih lagi membayar gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu sahaja para pekerja asing dicatatkan telah membawa pulangan sebanyak RM13.4 bilion. Pada tahun ini dijangkakan jumlah ini akan bertambah kepada RM14.7 bilion. Ini bukanlah jumlah yang sedikit kerana ia membabitkan aliran keluar wang negara. Ini sudah tentu merupakan satu kerugian kepada negara kita kerana jumlah yang sedemikian besar jika digunakan di dalam negara sudah tentu dapat menyumbang kepada kemakmuran yang lebih lagi terutamanya kepada para pekerja tempatan. Amalan membayar gaji yang rendah ini berleluasa sehingga ramai majikan di Malaysia mengambil pekerja asing dan dibayar dengan gaji rendah dan mengelak daripada membayar caruman KWSP.

Dengan itu mereka dapat mengelakkan membayar gaji yang lebih tinggi dan setimpal dengan gaji pasaran semasa. Keadaan ini adalah amat tidak adil kerana kemewahan dan pembangunan ekonomi negara yang semakin meningkat dari setahun ke setahun tidak dikongsi bersama dengan para pekerja sedangkan kemajuan dan kesejahteraan sebuah perusahaan atau syarikat ini disumbangkan oleh para pekerja mereka.

Oleh itu cadangan untuk menetapkan kadar gaji minimum yang patut diberikan kepada pekerja memang merupakan satu langkah yang baik dan patut dialu-alukan. Soalan saya, bagaimanapun persoalannya, apakah kadar gaji yang minimum itu? Adakah kadar gaji yang minimum itu akan turut mengambil kira dan berada di atas paras kemiskinan? Bagaimanakah cara kadar ini akan ditentukan? Apakah kadar gaji yang minimum itu akan menjadi kadar yang tetap atau adakah kadar gaji minimum ini bersifat fleksibel iaitu akan berubah sesuai dengan keadaan semasa? Adakah apabila kadar paras kemiskinan meningkat, maka tahap gaji yang minimum akan turut ditingkatkan? Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada lagi yang hendak berbahas ya? Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah dan ucap terima kasih kerana bukan senang untuk kita melihat seorang Menteri bersama-sama dengan Timbalan Menterinya terus berada di Dewan yang mulia ini duduk dengan sabar dan tenang mendengar sendiri perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat... [*Tepuk*] Ini memperlihatkan Yang Berhormat Menteri amat bertanggungjawab dan mengambil berat rang undang-undang yang sedang dibahaskan ini. Semoga menjadi contoh kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain pada masa akan datang... [*Tepuk*]

Dengan itu, minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.05 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, khasnya terima kasih kepada kata-kata yang baik yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tentang kehadiran saya dan Timbalan Menteri. Apa yang dilakukan pada hari ini ialah satu perkara yang mempunyai satu tempat yang khas di dalam sejarah negara kita.

Dengan ini akan memastikan masa hadapan pekerja di negara kita dan untuk membantu mendapat *social justice* kepada pekerja-pekerja di Malaysia khasnya untuk menentukan pendapatan mereka selaras dengan kerja yang mereka buat. Itulah sebab pihak kementerian telah memberi satu keutamaan besar kepada rang undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian mahupun daripada pihak kerajaan atau pihak pembangkang. Mereka semua telah memberi pandangan yang matang, pandangan yang bernas, pandangan yang pada keseluruhannya akan membantu kita dalam usaha melaksanakan rang undang-undang ini.

Walaupun ada pandangan-pandangan sedikit yang berbeza, tetapi pada akhirnya daripada spirit dan semangat apa yang telah disebutkan dan dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa semua Ahli Yang Berhormat datang berbahas ini telah sebulat suara menyokong gaji minimum dan keperluan akta untuk menentukan gaji minimum. Itu adalah satu perkara yang baik menunjukkan kematangan demokrasi di dalam negara kita, di mana walaupun kita terdiri daripada parti-parti yang berbeza, tetapi di dalam satu hal untuk menentukan masa hadapan negara boleh memberi pandangan yang sesuai selaras dengan keperluan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, daripada permulaannya saya mahu menjelaskan bahawa ini adalah satu akta kebangsaan. Bermaksud akta ini terpakai di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak. Oleh itu semua perkara yang dibincangkan di sini dan keputusan-keputusan yang akan dibuat ialah untuk seluruh Malaysia walaupun di dalam menentukan kadar, Majlis boleh menentukan kadar yang berbeza untuk wilayah-wilayah yang berbeza. Itu adalah kuasa Majlis.

Lagi satu perkara yang saya mahu jelaskan ialah daripada awal dahulu kerajaan sudah membuat keputusan untuk bergerak ke hadapan dengan mewujudkan sistem untuk menetapkan gaji minimum dengan satu kesedaran bahawa gaji minimum diperlukan di dalam negara, walaupun pihak-pihak berlainan mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza khasnya pihak majikan yang diwakili oleh MEF dan sebagainya, daripada awalnya telah menentang konsep gaji minimum.

Walaupun mereka membuat cadangan-cadangan yang berbeza, tetapi kerajaan dengan mengambil kira apa yang sudah berlaku untuk satu jangka masa yang begitu panjang iaitu sepuluh tahun yang berturut-turut, di mana mereka telah diberi pilihan untuk menentukan kadar gaji melalui mana-mana saluran atau mana-mana cara yang mereka berpendapat yang paling sesuai dengan kuasa pasaran dan sebagainya. Akan tetapi ini semua tidak membantu di dalam menentukan kadar gaji yang sesuai dengan keperluan pekerja-pekerja. Ini kerana perkara itu, kita sudah gagal iaitu sistem yang telah diamalkan itu sudah gagal. Maka keperluan untuk kerajaan mewujudkan satu sistem baru telah datang dan dengan kesedaran itulah kerajaan telah membuat keputusan bahawa kita mesti mempunyai satu institusi yang boleh membantu di dalam menetapkan gaji minimum.

■2010

Saya akan jawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengikut tajuk-tajuk yang telah dibangkitkan oleh kerana beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tajuk yang sama atau perkara yang sama. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyoal tentang penubuhan Majlis, keahlian Majlis dan cara menetapkan ahli-ahli Majlis. Seperti yang ada di dalam akta, keahlian Majlis terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha dan sekurang-kurangnya lima anggota daripada kalangan pegawai awam.

Tujuan mengadakan pegawai awam ialah supaya kita ada kementerian-kementerian yang tertentu yang akan memberi pandangan tentang sektor-sektor yang dijaga oleh mereka dan pandangan-pandangannya boleh membantu Majlis di dalam proses menetapkan gaji. Contohnya, ada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perladangan, Kementerian Kerja Raya, di mana sektor-sektor yang dikawal oleh kementerian-kementerian ini mereka mempunyai pekerja-pekerja yang terlalu ramai. Daripada segi industri yang menjadi kawalan kementerian-kementerian itu, mereka boleh memberi pandangan-pandangan yang sesuai yang boleh membantu Majlis dalam usaha untuk menetapkan kadar gaji.

Peranan pegawai awam ialah penasihat. Mereka akan memberi pandangan. Itulah sebab kita memerlukan pegawai awam di situ supaya boleh menjadi pemandu yang akan membantu supaya proses penetapan di dalam Majlis itu boleh mencapai satu arah yang baik diasaskan kepada maklumat dan pengetahuan yang mencukupi. Lima orang anggota yang mewakili pekerja saya sudah sebut sebelum ini di Dewan Rakyat dan saya ulang sekali lagi di sini bahawa mereka akan dipilih dengan perbincangan dengan kesatuan-kesatuan sekerja. Itu bukan satu perkara yang luar biasa untuk kementerian saya atau untuk agensi-agensi kerajaan di mana ada beberapa akta di dalam kerajaan di mana ada majlis-majlis yang mempunyai wakil-wakil daripada pekerja.

Semasa kita menetapkan siapa yang mewakili pekerja-pekerja itu, pada kebiasaannya ini dibuat selepas merujuk dan mendapat pandangan daripada kesatuan-kesatuan sekerja. Itu ialah satu perkara yang sudah dibuat sebelum dan satu perkara yang akan diteruskan pada masa yang akan datang. Oleh itu, kebimbangan yang telah dipanjangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kesatuan-kesatuan sekerja akan terbiar dan mereka akan diketepikan serta pandangan mereka tidak akan diambil kira sebagai satu pandangan yang salah. Macam itu juga untuk pihak majikan. Kita akan membuat rujukan kepada pihak persatuan majikan dan pandangan-pandangan daripada pihak kesatuan majikan akan diambil kira tentang siapa yang akan mewakili keperluan mereka.

Lima orang yang mewakili anggota yang lain, memang ini jelas bahawa mereka adalah mereka yang mempunyai pengalaman, kepakaran dan pengetahuan di dalam bidang ini yang boleh membantu Majlis. Mengapa Majlis ada cadangan supaya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bukan daripada pekerja dan bukan daripada majikan ialah kerana kerajaan berpendapat mereka mestilah orang yang bebas, yang tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Kalau kita melantik seorang wakil pekerja sebagai Pengerusi, memang beliau akan lebih memihak kepada keperluan pekerja dan tidak akan ambil kira tentang keperluan majikan. Pada masa yang sama, kalau kita melantik seorang daripada kalangan wakil majikan, beliau tidak akan mengambil kira keperluan pekerja dan akan lebih memihak kepada pihak majikan.

Oleh itu, ada keperluan yang memang jelas bahawa siapa yang menjadi Pengerusi ini ialah seorang yang bebas dan tidak boleh dipengaruhi oleh kedua-dua pihak ini. Ini akan membantu Majlis dalam usaha untuk membuat satu keputusan yang baik.

Tajuk yang satu lagi dibangkitkan ialah tentang keputusan dan proses rujukan. Seperti yang telah dijelaskan di dalam akta ini, Majlis membuat syor dan apa yang disyorkan oleh Majlis akan dirujuk melalui saya kepada kerajaan. Di sini apa yang dimaksudkan sebagai kerajaan ialah Jemaah Menteri. Apa yang telah disyorkan oleh Majlis ini akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk diterima dan kalau Jemaah Menteri mempunyai pandangan yang berbeza daripada apa yang telah disyorkan oleh Majlis, Jemaah Menteri boleh dengan sebab-sebab mengapa Jemaah Menteri mempunyai pandangan yang berbeza, rujuk balik kepada Majlis untuk dikaji balik supaya Majlis boleh datang dengan kadar yang berbeza.

Perkara ini telah diputar belit oleh beberapa pihak seolah-olahnya kerajaan mempunyai kuasa yang muktamad, Menteri mempunyai kuasa yang muktamad, pandangan yang dibuat oleh Majlis tidak diambil kira dan sebagainya. Ini tidak benar kerana apabila kerajaan menubuhkan Majlis ini, tujuan kerajaan ialah untuk memberi peluang supaya di dalam suasana tripartisme – suasana tripartisme maksudnya suasana di mana pekerja, majikan dan kerajaan ada di dalam satu Majlis dan di situ satu cadangan dibuat dan cadangan itu dibawa kepada kerajaan untuk mendapat persetujuan kerajaan.

Bayangkanlah satu keadaan di mana mungkin kerajaan tidak setuju. Kalau kerajaan tidak setuju dan kerajaan pada sendirinya membuat satu keputusan tanpa mengambil kira apa yang dicadangkan oleh Majlis ini, kerajaan mengambil tanggungjawab yang sepenuhnya tentang apa yang dibuat oleh kerajaan. Perkara ini tidak boleh dirahsiakan kerana Majlis ini mempunyai wakil-wakil daripada beberapa pihak termasuk pekerja, majikan dan pihak-pihak yang bebas. Perkara ini akan didedahkan kepada rakyat umum dan rakyat umum akan menyoal kerajaan tentang mengapa kerajaan tidak menerima cadangan yang dibuat oleh satu-satu Majlis yang telah ditubuhkan untuk tujuan ini tetapi telah membuat keputusan secara persendirian dengan tidak menghormati keputusan Majlis ini.

Ini ialah satu risiko politik yang paling besar kepada kerajaan dan kerajaan sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab mesti mempunyai sebab-sebab yang sesuai untuk mempertahankan diri di dalam hal itu. Oleh itu, lebih senang dan apa yang diharapkan oleh kerajaan ialah apa yang dicadangkan oleh Majlis boleh diterima oleh kerajaan kerana itulah tujuan asal dan niat sebenar kerajaan menubuhkan Majlis itu.

Saya berharap dengan penjelasan ini, tuduhan-tuduhan dan pandangan-pandangan seolah-olah Majlis ini tidak mempunyai kuasa dan keputusan atau cadangan yang akan dibuat oleh Majlis tidak akan diterima oleh kerajaan dan kerajaan cuma akan mengetepikan semua pandangan ini dah akhirnya akan membuat keputusan sendiri boleh ditamatkan.

Secara logik, semua pihak akan lihat bahawa niat dan tujuan kerajaan untuk mewujudkan Majlis ialah untuk mendapatkan pandangan dan untuk memberi peluang supaya Majlis ini boleh menghasilkan satu kadar yang boleh diterima oleh kerajaan dan boleh dilaksanakan. Itulah harapan dan itulah pada akhirnya menunjukkan kejayaan kerajaan di dalam proses ini.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang apakah proses yang akan digunakan untuk menetapkan kadar. Majlis ini akan dibantu oleh satu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal akan membuat analisa kepada pelbagai jenis *indicator social economy* seperti yang telah saya sebutkan di dalam ucapan saya tadi. Berasaskan kepada semua analisa yang dibuat dan *indicator social economy* yang ada ini, Majlis akan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal yang mempunyai ahli-ahli daripada pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar statistik dan pakar-pakar yang lain yang akan memberi maklumat teknikal kepada Majlis ini supaya Majlis dengan maklumat-maklumat ini boleh membuat satu keputusan yang diasaskan kepada maklumat dan pengetahuan.

■2020

Itulah cara macam mana perkara ini akan dibuat. So, penetapan-penetapan gaji bukanlah satu perkara yang dibuat secara tersia-sia sahaja tetapi akan diasaskan kepada butir-butir yang tetap, analisa yang tetap dan *indicator-indicator* yang tetap yang akan dihasilkan daripada kajian-kajian yang akan dibuat. Akhirnya dan selepas pengumuman dibuat atau kadar sudah ditetapkan, segala analisa yang dibuat ini akan didedahkan secara laporan sebagai rujukan kepada rakyat pada keseluruhannya dan tiap-tiap dua tahun, apabila rujukan balik dibuat dan kajian balik dibuat, laporan ini akan dikeluarkan sebagai satu panduan kepada rakyat secara mana gaji ditetapkan di dalam negara kita.

Ada perkara-perkara iaitu kebimbangan tentang isu inflasi dan implikasi kenaikan harga kalau gaji minimum dilaksanakan telah dinantikan. Itu satu perkara yang mungkin boleh berlaku tetapi dalam kajian dan pengalaman negara-negara lain di mana gaji minimum sudah dilaksanakan. Kalau kita lihat kepada kenaikan kadar inflasi, selepas kenaikan gaji minimum, semua bukti menunjukkan bahawa kebaikan yang diperolehi di dalam gerak gaji yang dinaikkan atau kenaikan gaji itu ialah lebih daripada inflasi yang berlaku. Akhirnya, *the next effect* ialah bahawa pekerja akan mendapat manfaat daripada kenaikan gaji melalui melaksanakan gaji minimum walaupun ada inflasi kerana inflasi ini tidak selaras dengan kenaikan gaji minimum.

So, pada *net positive effect* kepada pekerja-pekerja di dalam hal ini. Macam itu juga kepada isu pelaburan dan isu pewujudan peluang-peluang pekerjaan. Kalau kita lihat di dalam negara kita pada masa sekarang ada 34 peratus daripada rakyat kita, pekerja-pekerja yang mendapat gaji kurang daripada RM700. Ini bermakna walaupun ada industri-industri di dalam negara ini tetapi industri-industri ini sudah membuat keputusan untuk memberi gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja kita.

Industri yang sama yang mungkin ada di dalam negara-negara yang lain membuat perkara yang menghasilkan buatan yang sama tetapi mereka boleh memberi gaji yang lebih tinggi di dalam negara-negara itu. Itu bermaksud ada ruang untuk industri-industri untuk menaikkan gaji di dalam negara kita pada masa sekarang tanpa menjejaskan kebolehan mereka atau keuntungan mereka.

Saya setuju bahawa di dalam proses ini Majlis kena berjaga-jaga seperti yang saya telah terangkan semasa saya bantah bacaan kali kedua bahawa kadar itu tidak boleh jadi terlampau tinggi sampai menjejaskan industri. Pada masa yang sama tidak boleh terlampau rendah kerana kalau tidak mempunyai apa-apa pengertian dan tidak akan mencapai tujuan mengapa gaji minimum itu telah ditetapkan. Majlis mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan kadar yang ditetapkan itu ialah kadar yang munasabah yang akan menjaga kedua-dua pihak iaitu keperluan majikan dan keperluan pekerja.

Tentang pekerja-pekerja asing seperti yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bahawa kita sebagai satu negara yang mempunyai sistem perburuhan yang mengambil kira perkara-perkara yang telah dipersetujui di antarabangsa. Kita mempunyai tanggungjawab supaya tidak mempunyai diskriminasi di antara pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing. Oleh itu, apabila gaji minimum dilaksanakan, ia akan melibatkan pekerja-pekerja asing juga. Akan tetapi pada keseluruhannya, walaupun gaji seorang pekerja asing dinaikkan, kesannya ke atas ekonomi negara kita mesti diambil kira. Kalau gaji dinaikkan RM100 atau RM200 tetapi daripada kerja yang dibuat oleh pekerja asing itu, negara akan mendapat kesan positif daripada ekonomi RM1,000 atau RM2,000. Itu bermaksud masih kenaikan itu ialah untuk membantu ekonomi negara kita.

Oleh itu, kerajaan kena lihat perkara itu daripada segi bahawa walaupun pekerja asing akan mendapat gaji yang lebih tetapi peranan mereka di dalam pertumbuhan ekonomi negara kita mesti diambil kira. Satu lagi perkara yang kita mesti ambil kira ialah kalau di dalam satu majikan yang sama contoh mengambil bidang perladangan. Ada pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing buat kerja yang sama. Contoh mereka bekerja sebagai pemotong buah kelapa sawit. Kalau pekerja tempatan yang buat kerja itu akan mendapat gaji yang lebih dan pekerja asing yang buat kerja yang sama mendapat gaji yang rendah. Boleh jadi pekerja-pekerja asing tidak akan bekerjasama dan itu akan menjejaskan ekonomi dan produktiviti ladang itu. Oleh itu daripada segi ekonomi, kita kena mengambil kira perkara itu dan lihat perkara itu pada keseluruhannya dan kita memahami bahawa tidak boleh mengelakkan pekerja asing daripada mendapat gaji minimum. Akan tetapi untuk satu jangka masa yang panjang, instrumen gaji minimum ini boleh membantu dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing.

Apabila gaji dinaikkan secara berperingkat, kita akan sampai ke satu masa apabila kos seseorang pekerja asing itu sudah meningkat kepada satu kadar yang begitu tinggi dan tidak ada rasional supaya seorang majikan mahu mengajikan pekerja asing. So, itulah apa kesannya daripada satu jangka masa yang panjang di mana untuk satu masa yang panjang, pelaksanaan gaji minimum ini akan membantu kita dalam usaha mengurangkan bilangan pekerja-pekerja asing yang ada di dalam negara kita.

Ada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan atau memberi pandangan bahawa gaji minimum mesti dibezakan dan diasaskan kepada tahap kemahiran seseorang pekerja. Saya mahu menjelaskan bahawa apabila kita sebut gaji minimum, itu bermaksud gaji lantai yang akan diberi untuk semua pekerja, tak kira pendidikan mereka, tak kira kemahiran mereka iaitu gaji yang paling rendah yang diberi. Kalau gaji yang lebih diberi untuk mereka yang lebih mahir, gaji yang lebih diberi untuk mereka yang lebih produktif, itu ialah lebih daripada gaji minimum yang lebih tinggi daripada gaji minimum.

So, gaji minimum ialah paling rendah. Oleh itu tujuan akta ini, tujuan melaksanakan gaji minimum bukan untuk menentukan beberapa tingkat gaji untuk pihak-pihak yang berbeza, tidak. Akan tetapi, cuma untuk melaksanakan satu kadar yang paling rendah mahupun di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat wilayah atau di peringkat sektor untuk sektor itu. Gaji yang paling rendah yang boleh diberi kepada seseorang pekerja dengan tidak mengambil kira kemahiran mereka, pendidikan mereka dan sebagainya. Itulah prinsip gaji minimum. Oleh itu, kalau kita memahami prinsip gaji minimum kita tidak boleh mengaitkan itu dengan kemahiran atau pengalaman dan produktiviti dan sebagainya. Ini kerana produktiviti adalah satu perkara yang di mana gaji semua sebahagian sahaja. Di negara-negara di mana produktiviti tinggi kerana proses-proses mereka membolehkan produktiviti yang lebih tinggi.

Mereka mempunyai teknologi yang lebih tinggi. Mereka sudah menggunakan pekerja-pekerja yang lebih mahir dan industri diasaskan kepada pengetahuan yang lebih tinggi. Itulah sebab-sebabnya mereka mendapat produktiviti yang lebih tinggi. Kadang-kadang bilangan pekerja yang mereka ada ialah kurang tetapi automasi begitu tinggi. Oleh itu, gaji yang dibayar lebih tinggi dan pengeluaran pun lebih tinggi meningkatkan produktiviti mereka. So, kita kena lihat produktiviti daripada semua segi dan dengan meningkatkan gaji, maka tahap teknologi akan naik, ada kemungkinan itu akan membantu untuk meningkatkan produktiviti.

■2030

Oleh itu gaji minimum boleh secara langsung dan secara tidak langsung di dalam satu jangka masa yang panjang, membantu untuk meningkatkan produktiviti di dalam satu-satu industri dan Majlis diberi kuasa untuk menentukan gaji minimum yang berbeza untuk wilayah yang berbeza. Contohnya ada kemungkinan Majlis akan membuat keputusan gaji minimum yang ditetapkan untuk Sabah dan Sarawak atau Semenanjung ialah berbeza dengan mengambil kira kos kehidupan yang ada di tempat itu dan peluang-peluang pekerjaan yang ada di tempat itu.

Itu ialah kuasa Majlis. Oleh itu, pada hari ini saya tidak akan memberi pandangan yang akan merebut kuasa itu tetapi kita akan membiarkan kepada Majlis selepas mengambil kira segala maklumat yang akan disampaikan kepada mereka untuk menentukan gaji yang sesuai pada sesebuah wilayah atau sesuatu sektor.

Ada satu soalan tentang bolehkah gaji diturunkan. Di dalam akta ini, di seksyen 25(2), ada satu klausa yang membolehkan majlis membuat *review* kepada keadaan ini pada bila-bila masa kalau diperlukan. Contohnya kalau krisis ekonomi yang begitu teruk, yang akan menjejaskan negara kita dan banyak majikan yang akan gulung tikar dan sebagainya. Pada keadaan itu ada ruang di dalam akta ini supaya majlis boleh berjumpa lagi, mengadakan perbincangan dan membuat keputusan kalau diterima oleh semua-semua pihak bahawa dengan mengambil kira keadaan yang berbeza ini, keadaan yang istimewa ini bahawa gaji itu boleh diturunkan. So itulah, ada ruang di dalam akta untuk membolehkan macam mana..., mengawal dan menjaga keadaan tertentu. Ada Ahli Yang Berhormat telah memberitahu tentang keperluan jawatankuasa teknikal, itu saya sudah jawab.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah sentuh tentang proses-proses penguatkuasaan termasuk proses-proses mahkamah. Saya mengambil kira tentang pandangan-pandangan yang telah diberi. Kerajaan akan memberi satu keutamaan kepada penguatkuasaan dan kita berharap selepas pelaksanaan ini, selepas kadar sudah diumumkan dan dilaksanakan, pekerja-pekerja akan memainkan satu peranan untuk memberitahu kerajaan bahawa kalau ada di dalam keadaan-keadaan tertentu di mana ada majikan-majikan yang tidak mematuhi apa yang telah ditetapkan dan ingkar untuk melaksanakan gaji yang telah ditetapkan, dengan aduan yang dibuat oleh mereka kepada Jabatan Tenaga Kerja, kerajaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya kepada majikan.

Sebagai tanggungjawabnya sendiri, pegawai-pegawai di Jabatan Tenaga Kerja yang membuat *labor inspection* iaitu kadar pemeriksaan ke atas majikan-majikan dan premis-premis majikan akan teruskan tanggungjawab mereka dan semasa mereka membuat itu, mereka juga akan membuat pemeriksaan kepada kadar gaji untuk memastikan apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan sudah dilaksanakan oleh majikan. Saya mahu menegaskan, saya boleh terangkan tadi dan ini telah disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali bahawa keperluan kerajaan di dalam hal ini.

Kerajaan mempunyai satu tanggungjawab untuk menjaga rakyat pada keseluruhannya dan gaji ialah satu perkara yang mustahak dan di dalam menetapkan gaji, kalau kerajaan tidak mempunyai peranan dan perkara ini cuma dibiarkan untuk diputuskan di antara majikan dan pekerja sahaja tanpa mengambil kira *the greater socioeconomic status* negara kita, itu boleh menjadi suatu isu yang besar.

So, untuk menjaga kepentingan negara pada keseluruhannya, kerajaan mempunyai peranannya tetapi ini tidak bermaksud kerajaan tidak akan memberi keutamaan kepada pandangan pihak pekerja atau pihak majikan di dalam cadangan-cadangan yang mereka akan buat melalui majlis ini. Kerajaan akan memberi keutamaan yang besar kepada pandangan mereka. Selain itu, kerajaan akan memastikan bahawa di dalam memutuskan satu kadar, ini ialah satu kadar yang sudah diputuskan oleh semua pihak, itu ialah harapan kerajaan dan dengan itu kita boleh melaksanakan itu secara senang. Kalau satu pihak sahaja setuju, lain pihak tidak setuju, itu akan mewujudkan isu-isu di dalam proses pelaksanaan dan menghalang kejayaan perkara ini.

Ada satu cadangan supaya gaji minimum boleh dilaksanakan dengan meluas kepada informal sektor, khasnya kepada mereka yang bekerja sendiri dan di bawah keluarga. Kita akan memberi tumpuan kepada perkara ini. Kita telah fikir tentang isu ini tetapi ada *practical implication* di dalam melaksanakan. Perkara-perkara itu akan diambil kira dan kerajaan akan memastikan bahawa kesan pelaksanaan gaji minimum ke atas golongan-golongan *vulnerable* iaitu orang-orang muda, OKU atau warga emas dan peluang-peluang pekerjaan untuk mereka terjaga selepas pelaksanaan gaji minimum.

Apa yang dibuat oleh negara-negara yang lain, kadang-kadang mereka dikecualikan atau kadar yang lebih rendah ditetapkan untuk golongan-golongan ini untuk membolehkan mereka mendapat kerja. So, majlis akan mengambil kira perkara-perkara ini supaya kategori yang disebutkan sebagai *vulnerable category* ini tidak akan terjejas di dalam proses pelaksanaan dan ini kebolehan mereka untuk mendapat kerja itu tidak akan menghadapi apa-apa masalah. Mengenai apakah kesan gaji minimum ke atas *collective agreement*. Di dalam akta, disebut bahawa kalau di dalam *collective agreement* yang telah dipersetujui sebelum ini, kadar yang ditetapkan ialah rendah daripada gaji minimum yang akan dilaksanakan atau akan diumumkan. *Collective agreement* itu perlu disemak balik untuk memastikan ia selaras dengan gaji minimum yang sudah diumumkan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Di dalam keadaan yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tentang *collective agreement* yang kadang-kadang boleh begitu tegas atau tidak mempunyai kelonggaran, sampai satu ketika di mana sesuatu majikan boleh gulung tikar akibat daripada *collective agreement* ini. Biasanya di dalam *collective agreement* ada ruang yang membolehkan pihak majikan dan pihak kesatuan pekerja untuk berunding balik dengan mengambil kira keadaan yang berbeza. So, di dalam keadaan itu, kalau ada kesatuan sekerja yang bertanggungjawab, yang mengambil kira keperluan majikan pun, mereka akan bekerjasama dengan majikan untuk membolehkan menyemak balik *collective agreement* supaya bantu majikan di dalam keadaan kritikal.

Perkara ini biasanya ada di dalam *collective agreement* dan saya hairan bahawa tadi, ada Ahli Yang Berhormat cakap bahawa kerana satu *collective agreement*, majikan itu kena gulung tikar dan itulah beberapa daripada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada keseluruhannya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sikit?

Datuk Dr. S. Subramaniam: Ya, ya, boleh.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Majlis Perundingan Gaji Negara ini, adakah tempoh masa di mana mereka kena buat keputusan dan rujuk balik kepada kementerian ataupun terbuka sehingga mereka habiskan tugas mereka ataupun mana-mana tempoh masa yang ditetapkan untuk mereka membuat keputusan? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Pada permulaannya, kita akan buat secepat mungkin dan harapan kerajaan ialah untuk membuat satu pengumuman sebelum hujung tahun ini. Selepas itu, seperti yang telah ditetapkan di dalam akta ini, tiap-tiap dua tahun daripada pengumuman itu, selepas dua tahun itu, sebelum itu kena membuat kajian lagi sekali dan membuat semakan lagi dan membuat pengumuman. So, tiap-tiap dua tahun, itu masa yang ditetapkan. Dua tahun ini ialah masa untuk majlis itu membuat kajian, membuat analisa, membuat perbincangan, perundingan dan selepas itu apabila tempoh dua tahun sudah sampai, satu pengumuman kena dibuat. Itu sudah ditetapkan di dalam akta. Terima kasih. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tadi menimbulkan soal pelaksanaan seperti dicatatkan di bawah fasal 4.

■2040

Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa akta atau undang-undang ini nanti benar-benar terlaksana seperti diharapkan. Antara Sebab yang menjadi masalah kita sekarang ialah tahap pelaksanaan umpamanya mengenai restoran-restoran, pelaksanaan logo-logo halal. Saya mengambil contoh juga tentang pelaksanaan Akta Bahasa Kebangsaan kepada peringkat PBT yang tidak terlaksana seperti diharapkan kerana tidak cukup tenaga.

Saya tidak mengatakan tentang kecuaiannya kerajaan kepada keseluruhannya tentang Akta Bahasa Kebangsaan itu. Akan tetapi saya mengambil contoh bagaimana Akta Bahasa Kebangsaan pada peringkat PBT terabai kerana kurang mekanisme pelaksanaan. Jadi saya takut kalau hal yang sama juga akan berlaku terhadap rang undang-undang atau akta ini nanti. Artinya saya merujuk secara khusus kepada fasal 4 dalam akta ini. Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kalau kita bandingkan dengan akta-akta yang lain akta ini ada perbezaan sedikit. Ini kerana di dalam hal ini tiap-tiap seorang pekerja mempunyai kepentingan sendiri untuk memastikan apa yang telah ditetapkan oleh akta ini dilaksanakan. Kalau kerajaan sudah umumkan contohnya satu kadar gaji dan seseorang dan masa bila kadar ini mesti ditetapkan sudah diumumkan. Kalau ada seseorang majikan yang ingkar tidak mematuhi apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan maka pekerjaannya sendiri mempunyai kepentingan sendiri. Untuk memastikan mereka akan adu kepada membuat aduan kepada pihak-pihak tertentu bahawa beliau tidak mendapat gaji yang telah ditetapkan.

Itu akan memberi satu sokongan dan satu bantuan kepada kerajaan untuk memastikan bahawa apa yang ditetapkan sudah di laksana. Itu adalah satu perkara yang utama kerana hak tanggungjawab pekerja untuk memastikan bahawa hak beliau hak seseorang pekerja untuk mendapat gaji yang ditetapkan itu. itu adalah satu perkara yang utama. Selain daripada itu pegawai-pegawai di Jabatan Tenaga Kerja pada biasanya sebagai satu tanggungjawab mereka membuat apa yang dipanggil *labor inspection* ke atas majikan-majikan secara berterusan di dalam semua daerah. Ini kerana kementerian mempunyai 85 Jabatan Tenaga Kerja di dalam 85 daerah di dalam negara kita.

Mereka mempunyai pemantauan ke atas majikan-majikan. Semasa mereka buat ini salah satu daripada tugas mereka ialah untuk tengok kadar gaji dan untuk memastikan kadar yang telah ditetapkan sudah dilaksanakan oleh pihak majikan. Inilah beberapa daripada kadar dan cara yang akan digunakan supaya apa yang ditetapkan akan mencapai hasrat yang ditunjukkan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hanya membayangkan begini...

Tuan Yang di-Pertua: Pendek, pendek Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pendek sahaja. Saya membayangkan begini katalah umpamanya ada satu majikan secara bersembunyi-sembunyi memperkerjakan pekerja-pekerja yang rela mendapat gaji yang lebih rendah daripada gaji minimum. Ertinya taruklah umpamanya dengan istilah *illegal workers*. *Illegal worker* bekerja di satu *establishment* yang memberi gaji yang rendah kepada *illegal workers* itu dan diterima dengan rela dan tidak akan dilaporkan. Ini kalau ini berlaku boleh menafikan matlamat daripada akta ini.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Saya terima pandangan ini tetapi itu menjurus kepada kebolehan dan kekuatan proses penguatkuasaan dalam negara kita. Isu *illegal workers* ialah satu perkara yang melibatkan bukan sahaja Kementerian Sumber Manusia tetapi kementerian yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua: Bila jawab yang itu untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa undang-undang itu apabila diluluskan, dari segi penguatkuasaan *it is a question of fact*, dengan izin. Kalau berlaku sesuatu yang melanggar undang-undang itu sudah semestinya tidak betul tindakan mesti diambil, itu undang-undang. Kalau ada Yang Berhormat kata tadi kalau cara cuba hendak mengelak dan sebagainya itu adalah perbuatan tidak betul. Kalau pihak yang berkuasa didapati ada pelanggaran di mana-mana pun maka tindakan sewajarnya mesti diambil. Itu undang-undang ya Yang Berhormat. Baiklah sekarang ini saya ingin ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri menjawab kerana rang undang-undang ini penting.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih walaupun agaknya Timbalannya ada dia sendiri datang. Saya ingin merakamkan di sini kalau boleh pada masa-masa akan datang Menteri-Menteri yang penting itu datanglah jawab. Ini kerana tidak mahulah ada terdengar jawapan daripada setengah itu saya akan jawab bertulis. Ini bukan soal bertulis keputusan terpaksa dibuat sekarang tidak ada lagi sudah kemudian bertulis itu sudah tidak laku lagi sudah. Saya hendakkan pada masa-masa yang akan datang semua keputusan itu mesti dibuat di dalam Dewan ini kerana ini ialah Dewan yang terakhir sebelum akta ini diwartakan dan mendapat kelulusan Yang di-Pertuan Agong dan menjadi rang undang-undang.

Anggaphlah ini satu perkara penting dan serius dan Dewan ini ingin merakamkan pada masa-masa akan datang kita tidak mahu berlaku seperti ini berulang lagi. Seterusnya Yang Berhormat saya ucap banyak terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah mendapat penjelasan yang begitu puas hati daripada semua dan semua diberi kebebasan untuk bersuara dan membahaskannya sungguhpun lebih dekat 20 orang. Hari ini pun hari terakhir tetapi kesanggupan Yang Berhormat masih duduk di sini membahaskan sesuatu petanda keseriusan Yang Berhormat untuk membahaskan isu ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Mitigasi Jurang Yang Berpotensi Akan Melebar

8.51 mlm.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan membacakan ucapan saya yang bertajuk Mitigasi Jurang Yang Berpotensi Akan Melebar. Kita bersyukur kepada Allah SWT dan menghargai kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang mampu mengemudikan negara khususnya dalam menghasilkan 12 *socio-economic and environmental outcome mix*, dengan izin, yang sungguh unik dan menakjubkan. Tidak ada negara lain yang boleh menandinginya. *Outcome mix* tersebut merujuk kepada 12 angkubah iaitu;

- (i) keamanan dan keselamatan;
- (ii) perpaduan dan keharmonian kaum;
- (iii) kebebasan bersuara dan beragama;
- (iv) kualiti hidup yang meningkat;
- (v) pertumbuhan ekonomi yang pesat;
- (vi) peluang pekerjaan yang banyak atau kadar pengangguran yang rendah;
- (vii) pendapatan isi rumah bertambah;
- (viii) kadar kemiskinan menurun;
- (ix) jurang pendapatan mengecil;

- (x) kadar inflasi di tahap sederhana;
- (xi) hasil kerajaan atau *revenue* dengan izin, mengukuh; dan
- (xii) pembangunan mampan.

Kejayaan berkenaan telah saya huraikan pada 20 April lepas dalam Dewan Negara yang Malaysia mulia ini. Ia adalah *outcome* pelaksanaan dasar ekonomi baru yang mengutamakan strategi serampang dua mata iaitu;

- (i) pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum; dan
- (ii) penyusunan semula masyarakat tanpa mengira kaum.

Ia dicapai melalui pendekatan dengan izin, *redistribution with growth*. Landskap ekonomi masa kini dan menjelang tahun 2020 sudah tentu berbeza dengan landskap zaman tahun 1970-an. Namun rakyat tetap menuntut 12 *socio-economic and environmental outcome mix* dengan izin yang sama kerana ianya adalah yang terbaik bagi kesejahteraan mereka.

Namun pendekatan yang sama itu tidak boleh *duplicate*, dengan izin di bawah landskap sekarang untuk menghasilkan *outcome mix*, dengan izin yang sama. Justeru Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi telah merangka Model Baru Ekonomi untuk merealisasikan program Transformasi Ekonomi bagi menghasilkan *outcome mix*, dengan izin tersebut.

Inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita amat wajar diberikan sokongan yang jitu. Seperti mana yang sama-sama kita ketahui, MBE ini memfokuskan kepada tiga perimeter dengan izin, tiga perimeter utama iaitu;

- (i) pendapatan tinggi;
- (ii) keterangkuman; dan
- (iii) kemapanan.

Ia merupakan resipi yang terbaik tetapi apa yang membimbangkan saya bagi sepuluh tahun akan datang dalam usaha memacu pendapatan tetapi kurang memberi perhatian kepada agihan ialah pelebaran jurang pemilikan ekuiti, pendapatan dan kekayaan seperti mana yang berlaku di Singapura dan Amerika Syarikat.

Beberapa simptom ke arah itu adalah seperti lakaran berikut pertama pelaksanaan kuota 55:45 misalnya pemberian biasiswa JPA dan kemasukan ke universiti tempatan yang tidak berlandaskan komposisi kaum 67:33. Dasar ini merugikan kaum bumiputera kerana syernya sebanyak 12, 67 tolak 55 telah dirampas oleh bukan bumiputera dan yang memburukkan lagi keadaan ialah golongan miskin ini memberi subsidi kepada golongan kaya kerana bumiputera secara relatif lebih miskin berbanding kaum bukan bumiputera. *Outcomenya* ialah jurang akan terus melebar. Sebagai contoh ialah jurang di kalangan profesional. Memanglah benar misalnya pada tahun 2008, kerajaan telah berjaya melepasi sasaran dan dasar ekonomi baru iaitu 30 peratus bagi doktor kerana pencapaiannya ialah 53 peratus, doktor gigi 49 peratus dan peguam 39 peratus.

Malangnya angka ini telah menyorokkan keadaan sebenar iaitu bagi tempoh 1995 hingga 2008, jurang bertambah besar apabila bilangan profesional itu dinisbahkan mengikut saiz penduduk, kaum masing-masing iaitu perbezaannya meningkat sebanyak 0.0019 peratus, 0.008 peratus dan 0.007 peratus bagi golongan profesional yang saya sebutkan tadi. Saya ingin menarik perhatian bahawa tidak ada sesiapa menyangka atau mengagak bahawa perbezaan ini terlalu kecil kerana perbezaan peratusnya sesungguhnya adalah besar.

Kedua pelaksanaan dasar meritokrasi ada baiknya seperti memantapkan lagi daya saing dan menyemarakkan pula nilai kecemerlangan kerana yang terbaik mendapat ganjarannya. Akan tetapi pelaksanaannya di padang sosioekonomi yang tidak sama rata mengakibatkan dengan izin *undistributed injustice* dan melebarkan lagi jurang. Ia bertukar menjadi undang-undang rimba iaitu dengan izin, *survival of the fittest*. Sebagai contoh dasar penukaran pembiayaan pendidikan PTPTN kepada biasiswa bagi siswazah yang mendapat ijazah muda dengan kepujian kelas pertama.

Dasar ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM277.99 juta sehingga 31 Mei 2011 telah memberi keuntungan yang besar kepada bukan bumiputera iaitu sebanyak 82.9 peratus berbanding bumiputera 17.1 peratus dan kepada golongan berpendapatan lebih RM2000 sebulan sebanyak 67 peratus berbanding golongan berpendapatan bawah RM2000 sebanyak 33 peratus.

Ketiga, pelaksanaan dasar liberalisasi menggalakkan kemasukan pelaburan dan akan membantu menjana GNI. Sebagai contoh antara 2009 hingga hujung Februari 2011, kita telah berjaya menarik pelaburan sebanyak 86.625 bilion di sektor perkilangan. Sudah tentu ianya berguna dari segi merancakkan pertumbuhan ekonomi tetapi ianya telah melebarkan jurang dari segi hak modal saham kerana 62 peratus adalah milik asing dan 20 peratus bukan bumiputera dan hanya 14 peratus milik bumiputera.

Jika arah aliran ini berterusan maka sejarah akan berulang semula. Di bawah DEB, kerajaan telah berjaya meningkatkan hak modal saham bumiputera dari 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 19.3 peratus pada tahun 1990. Akibat kelonggaran pelaksanaan dasar pembangunan negara, hak tersebut telah merosot kepada 18.9 peratus pada tahun 2000. Kemerostan itu telah menyedarkan kerajaan dan kesedaran tersebut pula telah meningkatkan semula hak saham modal bumiputera kepada 21.9 peratus pada tahun 2008. Dasar liberalisasi yang diamalkan masa kini boleh menyebabkan pemilikan itu jatuh semula. Maka jurang pemilikan saham akan melebar.

Keempat, agenda memperkasa MPPV yang lemah oleh sesetengah agensi kerajaan sebagai contoh di bawah RMKe-9, SME Corp. hanya meluluskan geran sebanyak 36.2 peratus atau nilainya RM221.64 juta dan pinjaman mudah sebanyak hanya 19.6 peratus atau bernilai RM139.84 juta untuk SME bumiputera. Kelemahan ini sudah tentu melebarkan pula jurang kekayaan antara kaum kerana bukan bumiputera mendapat *the lion share* ,dengan izin.

Kelima komitmen untuk menswastakan syarikat di bawah Kementerian Kewangan diperbadankan secara telus dan mengambil kira keteguhan syarikat dari segi pengurusan perniagaan dan kewangan adalah baik dari segi *good governance*, dengan izin, dan daya saing.

■2100

Namun, di padang sosioekonomi yang tidak sama rata, prinsip retikulasi ini sekali lagi akan memberikan *unfaired advantage*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat gergasi domestik daripada satu kaum dan syarikat asing untuk *expropriate*, dengan izin, khazanah negara. Potensi *outcome* nya ialah jurang kekayaan antara kaum dan kumpulan *sosioeconomic* akan menjadi seperti *canyon*, dengan izin. Berdasarkan lakaran ini, maka kerajaan hendaklah memperkenalkan segera langkah-langkah mitigasi untuk mencegah potensi pelebaran jurang berkenaan dengan menyemak semula dasar-dasarnya agar dalam usaha menjana pendapatan tinggi, ia turut menekankan *distributive justice*, dengan izin, dan menghormati Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Yang demikian, sasaran kerajaan untuk memperbaiki ketaksamaan pendapatan keseluruhan daripada 0.441 pada tahun 2009 pada 0.420 pada tahun 2015 mengikut ukuran pekali Gini atau *Gini coefficient*, akan dapat dicapai.

Justeru, prinsip keterangkuman akan berjaya direalisasikan. Lantas, kita akan dapat mengekalkan rekod yang unik dan menakjubkan itu demi kesejahteraan majoriti rakyat. Akhir kalam, sukalah ditegaskan bahawa syor mengkonkritasikan *distributive justice* dan prinsip keterangkuman ini tidak berpaksikan undang-undang ala Robin Hood, rompak orang kaya dan berikan kepada orang miskin. Sebaliknya, ia berpandukan pandangan Ronald Reagan. Kita tidak perlu membunuh orang kaya untuk menolong orang miskin. Mengikut nasihat pantun pusaka ini,

"Kita tidak hendak ke seberang,

Kita hendak ke kota,

Kita tidak hendak hak orang,

Kita hanya hendak hak kita".

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat sudah bercakap lebih dari tujuh setengah minit. Akan tetapi kerana Yang Berhormat jadi terakhir ucapan itu, saya berilah. Itu budi bicara saya. Seterusnya Yang Berhormat, saya persilakan wakil daripada kementerian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah untuk menjawab.

9.02 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membaca jawapan pada ucapan penangguhan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali seperti yang diminta bagi mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar pembangunan berdasarkan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama yang dilaksanakan selama ini terbukti berupaya merapatkan jurang ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik. Negara juga telah berjaya mengharungi beberapa cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun. Namun demikian, langkah menuju ke hadapan sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi merupakan satu cabaran yang cukup besar yang memerlukan pengorbanan dan kerjasama semua pihak dan rakyat jelata.

Bagi pihak kerajaan, langkah akan terus diambil untuk memastikan matlamat menjadikan sebuah negara berpendapatan tinggi dapat dicapai serta memastikan semua rakyat akan mendapat manfaat secara berterusan. Kerajaan yakin dengan pelaksanaan Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi serta pendekatan pembangunan secara *inclusive* akan memacu negara ke arah Wawasan 2020. Kerangka dasar pembangunan sosial ekonomi negara yang berasaskan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan ini akan memberikan perhatian bukan sahaja pada matlamat mencapai negara berpendapatan tinggi semata-mata malah untuk memastikan penyertaan penglibatan dan pemilikan faedah pembangunan negara dikongsi secara lebih saksama.

Tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian yang digarap melalui Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar pengagihan selepasnya menjadi asas kukuh pada negara untuk terus melangkah ke hadapan. Dalam beberapa dekad yang lalu, berlatarkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, Malaysia dengan ketara berjaya mengurangkan paras kemiskinan keseluruhan merentasi semua kumpulan etnik. Meskipun, pertumbuhan lebih perlahan selepas krisis kewangan Asia, namun insiden kemiskinan terus-menerus menurun pada 3.8 peratus pada tahun 2009. Manakala kemiskinan tegar telah berjaya ditangani. Dalam masa yang sama, jurang pendapatan antara kaum terus mengecil. Nisbah ketidaksamaan, dengan izin, nisbah ketidaksamaan pendapatan antara bumiputera dengan bukan bumiputera semakin berkurangan daripada 1:1.61 pada tahun 1989 kepada 1:1.32 pada tahun 2009.

Walau bagaimanapun, masih wujud jurang pemilikan kekayaan antara etnik. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti jurang tahap pendidikan, tingkat kemahiran, keusahawanan dan akses kepada peluang ekonomi. Walau negara telah berjaya menangani isu kemiskinan, mengurangkan ketidaksamaan pendapatan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat, tidak dinafikan bahawa terdapat kelompok-kelompok rakyat yang masih ketinggalan dan memerlukan perhatian daripada kerajaan. Misalannya, dalam kalangan masyarakat Orang Asli, etnik minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak serta rakyat berpendapatan rendah daripada pelbagai kumpulan etnik meliputi bumiputera dan juga bukan bumiputera.

Menyedari hakikat ini, kerajaan akan terus mengambil langkah dan memberikan perhatian utama melalui pendekatan pembangunan *inclusive* dengan memberikan perhatian khusus kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah.

Antara langkah yang diambil adalah pelaksanaan program-program ekonomi dan peningkatan pendapatan serta program peningkatan kapasiti dan *capability* golongan ini bagi memastikan mereka juga berupaya merebut peluang dan menikmati hasil daripada pembangunan ekonomi negara. Langkah ini dijangka akan dapat merapatkan jurang ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan rakyat. Meskipun, kesaksamaan yang sempurna adalah mustahil dicapai, namun kewujudan masyarakat yang *inclusive* akan memastikan jurang ketidaksamaan akan terus mengecil.

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran masyarakat bumiputera juga akan dapat ditingkatkan melalui dasar *affirmative* yang berorientasikan ketelusan, mesra pasaran, merit dan keperluan. Dalam pada itu, asas pendekatan baru kerajaan dalam aspek agenda pembangunan bumiputera adalah berpaksikan kepada penyertaan masyarakat bumiputera secara lebih bermakna dan mampan melalui aspek membina keupayaan melalui pembangunan modal insan dan keusahawanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya keterangkuman atau *inclusiveness* merupakan prasyarat bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara. Pendekatan ini akan menjamin keadilan sosial kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan tidak akan ada sesiapa pun yang berasa terpinggir. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan masa depan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia. Prinsip progresif dan pragmatisme akan memandu dasar-dasar negara demi kepentingan rakyat. Namun, kita semua perlu akur kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang akan sentiasa dijunjung dan dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem kuota khususnya dalam pemberian biasiswa dan kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan seharusnya tidak berbangkit kerana peluang pembiayaan yang disediakan adalah terhad. Pemberian biasiswa bergantung kepada peruntukan semasa serta mengikut kelayakan-kelayakan tertentu, bidang pengajian dan institusi yang dipohon. Ini menyebabkan nisbah agihan biasiswa berubah dari semasa ke semasa.

■2110

Pelbagai faktor akan diambil kira dalam pemberian biasiswa termasuk keperluan dan merit bagi memastikan agihan dan peluang yang saksama. Pelaksanaan dasar berasaskan merit seperti yang diamalkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam pembiayaan pendidikan iaitu penukaran pembiayaan pendidikan kepada biasiswa bagi penerima ijazah kelas pertama akan dapat menyuntik prinsip kecemerlangan di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tidak menjejaskan peluang mereka yang kurang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai sebuah negara yang kecil dan mempunyai kemampuan sumber yang terhad dalam mencapai hasrat menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi sudah tentu memerlukan sumber pelaburan luar yang menyumbang kepada pertumbuhan dan penjanaan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga memberikan perhatian kepada pertumbuhan industri tempatan melalui pelbagai insentif dan peluang termasuk peluang peningkatan kapasiti dan *capability* untuk merebut peluang daripada pasaran domestik dan global. Walaupun peratusan pemilikan ekuiti bumiputera tidak banyak meningkat tetapi nilai pelaburan syarikat bumiputera terus berkembang. Oleh yang demikian untuk memperkasakan agenda pembangunan bumiputera, peranan institusi bumiputera seperti Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Tabung Haji akan diperkukuh supaya sumber kewangan yang lebih teguh diperoleh bagi melaksanakan projek yang lebih besar. Hartanah kediaman dan komersial juga dipertingkatkan melalui agensi seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Untuk makluman Yang Berhormat, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) telah ditubuhkan dengan tujuan meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam ekonomi secara bermakna dan berkesan. Ekuinas merupakan syarikat *government-link private equity fund management* yang bukan sahaja mengurus dana daripada sumber kerajaan malah menjana dana dari sumber luar. Ekuinas mempunyai empat fungsi utama Tuan Yang di-Pertua, pertama menggalakkan penglibatan berkesan dan berkekalan bumiputera dengan menguasai pemilikan dan pengurusan syarikat dalam sektor korporat.

Kedua mengenal pasti usahawan bumiputera yang berpotensi serta membina keupayaan usahawan bumiputera sedia ada untuk terlibat secara efektif dalam sektor pertumbuhan strategik berasaskan meritokrasi. Ketiga, mewujudkan usaha sama tulen di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dalam sektor strategik dan keempat meningkatkan tenaga kerja bumiputera terutamanya dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional.

Selain daripada itu semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh pada 10 Jun 2010, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan sosioekonomi bumiputera. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan arahan MTAB satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Peneraju Agenda Bumiputera atau TERAJU telah dilancarkan pada 8 Februari 2011 bagi menerajui, menyelaraskan dan memacu penyertaan bumiputera melalui pelbagai inisiatif sedia ada dan baru.

Penubuhan TERAJU disifatkan sebagai tepat pada masanya sebagai usaha untuk membantu dan mempercepatkan pelaksanaan pembangunan sosioekonomi bumiputera. Objektif utama TERAJU adalah untuk menyelaraskan transformasi serta memperkukuhkan penyertaan bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Di samping berfungsi sebagai urus setia kepada MTAB, TERAJU juga berperanan untuk meningkatkan keberkesanan di samping memantapkan dan mengukuhkan program dan inisiatif pembangunan sosioekonomi bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin dasar-dasar yang pragmatik dan *inclusive* akan dapat memacu negara kepada sebuah negara berpendapatan tinggi dan dalam masa yang sama memastikan jurang kekayaan yang kecil serta hasil pembangunan dinikmati secara lebih saksama. Dalam hal ini kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan kecekapan sistem penyampaian dan mencegah kebocoran agar matlamat yang ditetapkan akan dapat dicapai. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menambahbaikkan mekanisme pelaksanaan dan penyampaian sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan program atau projek pembangunan dan meminimumkan ketirisan faedah yang bakal dinikmati oleh kumpulan sasar.

Langkah-langkah penyesuaian dasar dan strategi juga akan diambil dari semasa ke semasa melalui mekanisme pemantauan rapi serta kajian semua sebagai langkah pembaikan dan mitigasi untuk memastikan aspirasi dan matlamat yang ditetapkan akan dapat dicapai. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat Usul Penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menyatakan di sini selesai sudah persidangan kita Dewan yang mulia ini yang bermula pada tarikh 4 Julai dan berakhir setelah lebih kurang dua minggu atau enam hari kita bersidang pada tanggal 12 Julai hari ini, maka selesai kita dapat menunaikan tanggungjawab kita sebagai salah seorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah begitu komited melibatkan diri untuk membahaskan 17 Usul yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.

Alhamdulillah lah saya mendapati semua Ahli Yang Berhormat telah begitu proaktif memainkan peranan untuk berbahas dan jika sekiranya sebagai mewakili Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani kadang kala kita terpaksa menentukan untuk menjaga masa supaya kita dapat menjalankan tanggungjawab kita dengan penuh kemas dan lancar.

Di samping itu Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan kerana kita semua sedar dan maklum bahawa di kalangan kita ini sahabat-sahabat kita seramai sembilan orang akan meninggalkan kita mulai hari ini, dan tidak lagi menyertai kita kalau kita lihat gambar mereka, kedudukan mereka kita faham mereka semua selama berapa tahun yang lampau dan kerana tempoh perkhidmatan mereka telah tamat, maka terpaksa agaknya yang baru saya ingin mengucapkan selamat datang dan dapat sekiranya kalau boleh mempelajari secepat mungkin bagaimana rakan-rakan yang lama menjalankan begitu baik tanggungjawab mereka.

Di samping itu saya mengucapkan selamat bersara dan mudah-mudahan Allah akan memberkati segala taufik dan hidayah dan kemakmuran, kesihatan dan sebagainya dan juga kepada keluarga semua.

Akhir sekali juga saya ingin mengambil kesempatan di sini Yang Berhormat semua akan pulang balik ke kawasan masing-masing dan menemui keluarga. Saya mendoakan dalam perjalanan balik selamat di jalan raya dan selamat ke pangkuan keluarga, akhir sekali Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak dapat ditetapkan. Sekian.

Wabilahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.19 malam.